

[Dokumen ini belum disemak]
[Senarai Ahli-Ahli Parlimen dilampirkan]
[Kandungan dilampirkan di muka surat terakhir]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 26 Julai 1999

Mesyuarat dimulakan pada 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Laporan Polis Oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim Atas Skandal PERWAJA

10.01 pagi

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk mengemukakan usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, membenarkan Ketua Pembangkang Parlimen dan Ahli Parlimen Kawasan Tanjong, Lim Kit Siang menangguhkan Dewan untuk tujuan membincangkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu mengenai laporan polis yang dibuat oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim pada Rabu lepas, 21 Julai 1999 di Balai Polis H.S. Lee, Nombor Laporan: 19625/99 atas skandal PERWAJA kerana:

1. Laporan Polis berkenaan telah membuka sudut baru skandal PERWAJA di mana ia mengimplicasikan buat pertama kalinya penglibatan Perdana Menteri di dalam skandal PERWAJA yang menanggungkan kerugian berkumpul RM2.985 bilion serta liabiliti

RM6.939 bilion pada akhir tahun 1995 menjadikannya skandal kewangan yang paling hebat dalam sejarah Malaysia;

2. dalam laporan polisnya, bekas Timbalan Perdana Menteri yang pada masa berkenaan sebagai Menteri Kewangan berkata bahawa Kementerian Kewangan telah diberitahu pada awal 1996, bahawa PERWAJA hampir kemuflihan dan memerlukan suntikan dana besar-besaran dari pihak kerajaan tetapi beberapa percubaan awal untuk mendapatkan maklumat terperinci daripada pihak pengurusan PERWAJA masa berkenaan khususnya dari Pengarah Pengurusnya, Tan Sri Eric Chia gagal dan beliau berkali-kali mendakwa bahawa tindakannya mendapatkan sokongan dan merupakan arahan dari Perdana Menteri dakwaannya disokong oleh surat-surat yang ditulis Perdana Menteri sendiri;
3. dengan terbongkarnya maklumat baharu dalam laporan polis berkenaan, Parlimen mempunyai tanggungjawab untuk memastikan sama ada alasan sebenar penyiasatan Badan Pencegah Rasuah ke dalam skandal PERWAJA tidak mendapat sebarang hasil adalah kerana penglibatan terus Perdana Menteri di dalam skandal ini dan meminta supaya ditubuhkan Suruhanjaya Penyiasatan Diraja untuk menyiasat skandal PERWAJA ini bukan sahaja untuk tujuan membersihkan nama Perdana Menteri tetapi juga untuk memastikan bahawa isu ini tidak menjadi satu lagi jenayah serius tanpa penjenayah.”

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Tanjong pada 23 Julai 1999, jam 3.35 petang.

Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu adalah perkara tertentu; syarat yang kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa:-

Perkara ini adalah perkara yang tertentu;

Ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan

Namun demikian pada fikiran saya, perkara ini tidak perlu disegerakan. Report Polis yang dikatakan dibuat oleh bekas Timbalan Perdana Menteri itu adalah bertarikh 21 Julai 1999, hanya lebih kurang 15 hari sahaja berlalu. Ini terlalu awal untuk badan yang berkenaan mengambil apa-apa tindakan. Tetapi saya difahamkan, tindakan akan diambil dengan sewajarnya.

Berkenaan dengan report terdahulu dalam kes PERWAJA, saya diberitahu, BPR telah membuat siasatan. Tetapi oleh sebab masalah ini memerlukan kerjasama beberapa saksi di luar negara serta kesulitan teknikal perbankan antarabangsa, penyiasatan BPR itu belum lagi dapat mengesahkan sama ada pembayaran itu menyalahkan mana-mana undang-undang. Siasatan masih lagi diteruskan.

Saya juga difahamkan, penyiasatan setakat ini tidak menunjukkan sebarang penglibatan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Oleh yang demikian saya menolak usul ini.

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN
(1999) 1999

DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMB.)(BIL.2) 1999

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) 1999 dan Usul Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1999 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” [*Hari Kedua*]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.18 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Menteri diminta sambung.

10.03 pagi

Menteri Perusahaan Utama [Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik]: Tuan Pengerusi, sukacita saya menyambung semula jawapan kepada beberapa soalan yang tidak sempat saya jawab pada hari Khamis, 22 Julai 1999.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kuala Nerus ada mencadangkan bahawa RISDA patut mengendalikan Skim Khas Pembelian Getah (SKPG).

Untuk maklumat Yang Berhormat Kuala Nerus, RISDA lebih banyak terlibat dengan aktiviti-aktiviti luar seperti penanaman semula getah. Manakala MARDEC lebih terlibat dalam aktiviti hiliran dan komersial seperti pemasaran

dan pemprosesan. Tambahan pula, dalam pengendalian SKPG ini ia memerlukan rangkaian pemasaran yang luas dan MARDEC setakat ini telah mempunyai lebih 400 wakil di seluruh Semenanjung Malaysia. Di samping itu, MARDEC juga mempunyai pengalaman dan pendedahan (exposure) kepada pasaran antarabangsa. Oleh itu adalah wajar SKPG dikendalikan oleh MARDEC.

Menyentuh mengenai RISDA Yang Berhormat dari Kepong ada membangkitkan terdapat pertindihan fungsi antara RISDA di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan Lembaga Getah Malaysia di bawah Kementerian Perusahaan Utama. Sukacita dimaklumkan bahawa tidak ada pertindihan yang wujud di antara fungsi kedua-dua agensi ini di mana LGM menumpu kepada aktiviti-aktiviti pendidikan, manakala RISDA lebih kepada aktiviti-aktiviti penanaman semula. Namun demikian, terdapat satu jawatankuasa bersama antara kedua-dua kementerian untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti mereka supaya saling melengkapi.

Mengenai produk-produk baru getah yang telah dibangkitkan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Minggu lepas mungkin kerana Yang Berhormat tidak memakai cermin mata dan menggunakan laser ke atas mata ataupun mungkin pada waktu itu ada kekaburan sedikit tetapi sekarang beliau menggunakan kembali cermin mata mungkin lebih tajam sedikit. Walau bagaimanapun saya tidak nampak mengapa ladang-ladang tidak di bawah RISDA dan dikendalikan oleh RISDA bukan hanya untuk tanaman semula. Walhal kita pun tahu masalah-masalah tanaman semula timbul seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Pilah, masalah-masalah tidak cukup wang dan sebagainya hendak 'corporatise'kan, hendak swastakan dan sebagainya dan sekarang tanaman semula pun banyak menimbulkan masalah.

Saya tidak nampak mengapa tidak ada bertindih-tindih, kalau mini estet lebih 400 dan ladang-ladang besar mungkin lebih 2,000 atau lebih, kalau ini ditubuhkan dan diserahkan kepada Kementerian Perusahaan Utama. Saya cadangkan sedemikian, kalau hendak uruskan tanaman semula, itu hal yang lain tetapi untuk semua hal getah kita perlu serahkan kepada satu kementerian mengapa pula kita ada dua pihak berkuasa untuk menjaga hal yang sama.

Saya tidak setuju seperti ini sebab saya nampak ada masalah, saya hendak tolong Yang Berhormat dari Beruas sahaja sebab saya nampak beliau tidak berani sangat mengenai hal ini walaupun pakai cermin semula.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Pengerusi, saya pun tidak tahu cermin mata ada kaitan dengan masalah getah dan cermin mata ini bukan diperbuat daripada getah. Apa yang disoalkan oleh Yang Berhormat dari Kepong mengenai fungsi di bawah dua kementerian dan kita sentiasa mengambil tindakan berat untuk menyelaraskan fungsi-fungsi di bawah satu komoditi iaitu getah. Antara Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, kita ada fungsi yang mana adalah overlapping antara satu dengan lain tetapi kita selaraskan dengan kementerian atau jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menyelaraskan. Dengan itu, saya tahu pada suatu masa saya ada menyebutkan rasa tidak puas hati dengan beberapa perkara yang tidak dibuat khasnya tanaman semula. Sebab itu, sekarang kita menubuhkan jawatankuasa selaras di antara dua kementerian dan jika peruntukan tidak mencukupi untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar kepada RISDA untuk menjalankan tanaman semula. Saya boleh memberikan maklum balas seperti yang penting untuk penyelidikan, bagaimana kita kena buat dan dengan itu kita bersama-sama akan menentukan dan menyiapkan kertas Kabinet tentang apa yang boleh dijangka. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong kerana memberi kepercayaan kepada saya dan saya rasa tidak payahlah beliau memberikan semua kuasa kepada saya. Kita boleh bekerjasama di antara satu kementerian dengan kementerian yang lain.

Mengenai produk-produk baru getah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Nerus, penyelidikan memang sentiasa dibuat oleh Lembaga Getah Malaysia untuk menghasilkan produk-produk getah yang berkualiti tinggi dan mempunyai nilai tambahan. Mengenai rubber city pula, setakat ini kemajuan mengenainya memang agak perlahan berikutan dengan masalah ekonomi yang melanda negara. Walau bagaimanapun projek ini memang masih lagi di dalam perhatian pihak-pihak berkenaan termasuk Kementerian Perusahaan Utama.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Teluk Intan telah menyatakan mengenai jumlah yang diperuntukkan adalah terlalu kecil. Yang Berhormat dari Kuala Pilah juga menyentuh mengenai jumlah peruntukan ini mungkin perlu ditambah. Sebenarnya SKPG adalah satu skim sementara untuk menangani kesan jangka pendek getah yang berjaya di pasaran akan pulih semula dalam waktu yang terdekat ini. Di samping itu seperti yang telah saya jelaskan pada 22 Julai 1999, jumlah ini juga bukanlah satu jumlah yang tetap sekiranya masalah kejatuhan ini masih berterusan. Jumlah ini juga akan ditambah, walau bagaimanapun perlu ditegaskan di sini bahawa SKPG bukanlah satu skim subsidi.

Saya berpendirian bahawa penyelesaian kepada masalah kemiskinan dan pendapatan rendah bukanlah dengan cara membuat sokongan harga kerana kesannya akan lebih memburukkan industri getah secara keseluruhannya. Usaha untuk mengatasi masalah kemiskinan dan pendapatan rendah perlu di atasi melalui usaha-usaha lain yang lebih berkesan seperti mempelbagaikan sumber pendapatan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh soalan Yang Berhormat dari Teluk Intan mengenai keberkesanan SKPG bagi mengatasi masalah kemiskinan pekebun kecil. Sebenarnya kerajaan memang sedar bahawa skim ini tidak mampu mengatasi masalah kemiskinan kerana matlamat skim ini bukanlah untuk mengatasi masalah tersebut seperti yang saya nyatakan tadi. Matlamat SKPG sendiri bukanlah untuk memberi sokongan harga (price support) tetapi ianya untuk memastikan pengeluaran (outlet) kepada keluaran getah pekebun kecil dan

memberikan harga farm gate yang berpatutan. Perlu difahami bahawa masalah kemiskinan adalah di luar bidang kuasa Kementerian Perusahaan Utama.

Namun demikian kementerian ini akan memberi sokongan dan kerjasama sepenuhnya kepada mana-mana kementerian dalam usaha menangani masalah yang dihadapi oleh kumpulan sasar. Jikalau subsidi perlu diberi kepada pekebun kecil untuk memperbaiki taraf hidup mereka maka ianya perlu disalurkan melalui pendekatan yang lain dan bukannya dengan menaikkan harga getah sahaja. Ini adalah kerana getah adalah satu komoditi yang diperdagangkan di peringkat antarabangsa dan sebarang tindakan mengenainya perlu mengambil kira implikasi supaya tidak menjejaskan daya saingan (competitiveness) industri getah negara secara keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai soalan Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Kuala Pilah mengenai bagaimana untuk memastikan supaya SKPG ini benar-benar sampai ke sasaran.

Sebenarnya di bawah skim ini pembelian adalah dibuat secara langsung oleh kerajaan melalui MARDEC dan wakil-wakilnya. Peruntukan tersebut disalurkan kepada MARDEC dan satu sekretariat telah ditubuhkan di Lembaga Getah Malaysia yang bertugas setiap hari untuk membuat pemantauan di seluruh lokasi dan menerima laporan dari pekebun-pekebun kecil serta memaklumpkannya kepada pihak pengurusan SKPG.

Untuk makluman Dewan ini, tindakan susulan akan terus diambil apabila kementerian saya ada menerima laporan dari pekebun kecil mengenai pemeriksaan harga yang ditawarkan oleh MARDEC berbanding dengan harga SKPG.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong juga telah bertanya sama ada kesan kejatuhan harga getah ini adalah kerana Malaysia keluar dari INRO. Sebenarnya antara sebab utama Malaysia keluar dari INRO ialah kerana kegagalan pertubuhan ini dalam mempertahankan harga getah di pasaran antarabangsa pada

kadar yang stabil dan berpatutan kepada pengeluar getah. Harga getah telah jatuh semenjak tahun 1996 dan kita mula memberi notis untuk keluar dari INRO pada Oktober tahun lepas. Dua tahun kita tunggu tindakan yang telah dibuat oleh INRO pun tidak boleh menstabilkan harga dengan paras yang adil dan berpatutan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Apakah yang dicadangkan oleh pihak Malaysia bagi tindakan yang diambil oleh INRO sebelum kita keluar daripada pertubuhan itu? Apakah cadangan Malaysia untuk mereka buat bagi menampung harga getah ini? Sebab saya tidak begitu faham apakah dengan keluar daripada pertubuhan itu akan memberi manfaat kepada Malaysia, walhal Thailand dan Indonesia masih ada di dalam INRO?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Bukan kita keluar daripada INRO ada manfaat dan saya tadi telah menjelaskan bahawa kita ingat INRO tidak relevan lagi sebab tidak boleh mempertahankan harga getah. Saya minta correction di mana Thailand pun sudah keluar dari INRO, bukan dalam INRO lagi dan Thailand pun serupa kita, tidak berapa puas hati bagi kedua-dua negara terbesar di dalam pengeluaran getah. Dalam pengalaman 20 tahun kebelakangan ini di mana mengikut pengalaman kita di dalam INRO dan nampaknya INRO hanya boleh memainkan peranan untuk menstabilkan harga. Dia ada fungsi untuk menstabilkan harga tetapi apa yang kita nampak dalam masa 20 tahun ini ialah menstabilkan harga di paras yang rendah, bukan di paras yang tinggi, yang memberikan harga yang adil dan berpatutan kepada kita.

Oleh sebab ini, khas di dalam kegawatan ekonomi rantau ini, yang mana banyak mata wang negara pengeluar telah jatuh dengan teruk dan dengan itu bila kita minta INRO atau jawatankuasa INRO, untuk memberi pertimbangan untuk menukar, mengubah harga, intervention, mereka langsung cakap 'No', tidak boleh. Dengan itu macam mana dengan kejatuhan mata wang beberapa negara pengeluar yang sangat teruk yang mana dalam Dollar Amerika Syarikat, mereka boleh beli

dengan harga yang sangat rendah, sebagai negara pengguna atau consuming country, dia langsung tidak ada hati untuk jaga kita.

Dengan itu apakah bermakna, what more meaning, dengan izin, there is no more meaning to say, untuk ada di dalam INRO ini. Sebab itu pada bulan April, bila di dalam mesyuarat INRO, negara Thailand sebagai negara pengeluar terbesar pun keluar dari mesyuarat itu dengan mengumumkan mereka sangat tidak puas hati kepada INRO.

Dengan itu kita selamanya pun sudah simpan di dalam hati di mana kita pun tidak berapa puas hati. Oleh itu pada bulan Ogos kita menetapkan untuk keluar dari INRO dan mengumumkan kepada council INRO pada bulan Oktober. Dalam perjanjian INRO, walaupun kita diberikan notis terpaksa memakan masa selama satu tahun, yang mana kita ahli INRO, selepas satu tahun dan sampai Oktober tahun ini kita akan secara rasmi keluar dari INRO.

Perlu ditegaskan bahawa tarikh Malaysia keluar dari INRO ialah pada 15 Oktober tahun ini dan seperti yang ternyata harga getah pun jatuh sebelum Malaysia keluar dari INRO lagi. Ini menunjukkan bahawa isu kejatuhan harga getah tidak ada kena mengena dengan keluarnya Malaysia dari INRO. Sebenarnya kejatuhan harga getah adalah disebabkan oleh permintaan yang lembab dari pengguna di samping penawaran yang berlebihan oleh beberapa negara pengeluar utama.

Tuan Pengerusi, sebelum saya mengakhiri ucapan penggulungan ini, sukalah saya memberi jaminan bahawa.....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Mersing bangun.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Memandangkan akhir-akhir ini, sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan harga getah yang sangat rendah dan ini menjadi

satu complain, rungutan terutamanya oleh penduduk-penduduk kampung luar bandar yang terlibat dalam penanaman getah ini.

Jadi, saya hendak tahu apakah pihak kerajaan bercadang untuk mengalih penanaman, daripada penanaman getah ini kepada penanaman kelapa sawit pada jangka panjang, bermakna mungkin pada masa akan datang kita sudah tidak ada tanam getah. Kalau sudah harga getah 50 sen sekilo, hendak harapkan INRO pun sudah tidak boleh hendak buat apa. Jadi, saya hendak tanya adakah kerajaan bercadang untuk mengalih daripada penanaman getah kepada penanaman kelapa sawit dan kalau ia apakah tindakan-tindakan awal yang telah pihak kerajaan ambil? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, saya sudah jelaskan banyak kali, di mana industri getah dengan menanam pokok getah adalah memenuhi sejumlah besar eksport kepada negara kita ialah RM3000 juta dari penjualan getah asli dan RM6000 juta dengan penjualan barangan berasaskan getah dan lebih kurang RM4000 juta dengan penjualan perabot yang dibuat daripada kayu getah dan tentulah dengan pengeksportan yang sangat besar ini kita mesti mahu jaga untuk menanam pokok getah lagi.

Dengan itu kita bermula, saya pun sudah kata industri getah adalah di persimpangan jalan, di mana mahukah kita sentiasa tidak mahu menanam getah lagi. Kita sudah buat banyak penyiasatan dan seminar mengkaji masalah ini dan kita patut mengekalkan tanaman getah dengan mengadakan satu juta hektar dengan mengeluarkan sekurang-kurangnya satu juta tan pada tiap-tiap tahun. Pada masa sekarang kita ada 1.6 juta hektar lagi dan ianya akan diturunkan lagi untuk menukar syarat kepada menanam kelapa sawit atau jenis-jenis kegunaan lain.

Tetapi kita haraplah kita akan mengekalkan 1 juta hektar dengan pengeluaran 1 juta tan getah pada tiap-tiap tahun. Untuk tujuan itu kita akan mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk tanaman getah, umpamanya kawasan-

kawasan di utara iaitu di Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan adalah sesuai untuk ditanam dengan getah dan ...

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: *[Bangun]*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Larut bangun.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Saya belum habis jelaskan, tanya lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Okey, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Pengerusi, minggu sudah bertanya pasal harga, kata menteri wakil MARDEC akan mengutip dengan harga-harga yang baru. Saya suka bertanya di sini adakah MARDEC melantik wakil-wakilnya di semua kampung kerana macam di kampung saya, nampak kilang MARDEC pun tutup, orang MARDEC pun tidak ada, adakah melantik wakil-wakil di kedai-kedai biasa? Yang kedua, apakah usaha kementerian berhubung dengan kurangnya orang menoreh getah pada hari ini. Usaha-usaha baru apakah yang diambil oleh kementerian agar ramai orang menoreh getah?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Sebelum saya berikan penjelasan ini kepada Yang Berhormat dari Larut. Yang Berhormat dari Mersing sudah tanya, perlahan-lahan, boleh beraturlah, saya boleh jawab satu demi satu. Kita tidak boleh harapkan semua pekebun kecil yang menanam getah akan tukar kepada kelapa sawit walaupun saya tahu pendapatan dari penanaman kelapa sawit adalah lebih baik dibandingkan dengan penanaman getah. Masalah utama kepada pekebun-pekebun kecil yang menanam sekarang ialah sebab saiz kebun yang dipegang oleh pekebun kecil biasanya sama rata di seluruh negara dalam lingkungan dua atau tiga ekar sekeluarga.

Pengeluaran hasil pendapatan dari tiga ekar pada 30 tahun yang lalu, yang mana kalau boleh dapat RM200 sebulan, masa itu boleh tahan tetapi sampai sekarang, 1990-an kepada alaf baru atau dekad baru, RM200 sebulan tidak boleh

tahan lagi. Dengan itu, kita hendaklah mencuba menambah saiz kebun yang dipegang oleh sekeluarga pekebun kecil. Minggu depan akan diadakan satu seminar di antara pekebun kecil yang menjelaskan bahawa kita tidak boleh tambahkan keluasan tanah kepada mereka di sekeliling kampung mereka tetapi kalau kita berikan tanah 300 batu jauh dari kampung mereka pun tidak berguna juga. Oleh sebab ini kita kena cari jalan macam mana dengan menggunakan teknologi baru ialah menggunakan low intensity taping system (LITS) atau sistem torehan berfrequency rendah.

Dengan teknologi baru ini barangkali hasil pendapatan pekebun kecil dapat ditingkatkan lagi, bermakna mereka mempunyai minat untuk meneruskan perusahaan tanaman getah.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*].

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Saya belum jawab, dia lagi mahu tanya.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak tanya yang relevan bukan yang tidak.

Dato' Lim Kheng Yaik: Ooo! Itukah?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kepong, ada pokok getahkah di Kepong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Seorang Ahli: Tak ada

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Rompin. Kepong, Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: RRI dekat situ....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Kepong, kalau hendak soal

Seorang Ahli: RRI bukan awak punya.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya setuju bahawa kita mesti tumpukan kepada teknologi baru sehingga kita boleh keluarkan dengan lebih banyak dengan menjimatkan tenaga dan sebagainya, itu memang saya setuju. Jawapan oleh Yang Berhormat tadi tidaklah memuaskan, hanya dengan masalah komoditi ini sama ada getah ataupun kelapa sawit ataupun koko dan sebagainya memang terdedah kepada pergolakan ataupun fluctuation di pasaran. Memang ada, kalau kita tanam kelapa sawit pun satu hari kelak kita akan hadapi masalah yang sama. Cuma masalah kita macam mana Kementerian Perusahaan Utama dapat mempelbagaikan semua komoditi termasuk getah.

Saya pun gembiralah dengan keluaran perabot dari kayu getah itu meningkat dari setahun ke setahun. Ini memang satu gejala yang baik. Cuma, Yang Berhormat belum jawab lagi bagaimana Yang Berhormat dapat menyelaraskan dengan RISDA dan sebagainya, Kementerian Luar Bandar misalnya tanam lebih pokok getah yang sesuai untuk perabot dan sebagainya dan masalah mempelbagaikan penggunaan getah belum begitu ketara.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Kepong nampak ada banyak minat di dalam getah tetapi salah, dia nampak satu angle sahaja, hanya mahu nilai tambah, nilai tambah tetapi masalah utama ialah pengeluaran yang lebih daripada permintaan di dalam pasaran. So, dengan itu, secara jangka panjang, kita kena bekerjasama antara pengeluar-pengeluar terbesar iaitu Thailand, Indonesia dan Malaysia untuk mengurangkan pengeluaran bila permintaan dikurangkan dan pengeluaran yang lebih dengan stok yang tinggi, mesti merasionalisasikan pengeluarannya. Kemudian kita cari jalan untuk mempelbagaikan kegunaan getah dan untuk menjaga kepentingan pekebun-pekebun kecil, kita harap mereka bukan hanya menerima pakai teknologi baru tetapi untuk mempelbagaikan jenis tanaman di dalam kebun mereka dan dengan jumlah itu kita harapkan mereka boleh dapat pendapatan yang mencukupi untuk memenuhi kehendak mereka untuk menjaga keluarga mereka.

Untuk menjawab Yang Berhormat, untuk cadangan boleh tambahkan wakil MARDEC. Saya ingat, boleh beritahu saya di mana tempat, saya akan memberitahu kepada MARDEC di mana ada kurang atau tidak ada wakil MARDEC, kita boleh pilih orang tempatan untuk jadikan wakil MARDEC dan dengan itulah mereka boleh membeli dengan harga yang diumumkan melalui skim SKPG dan harga getah ini saya sudah jelas banyak kali, bergantung kepada pasaran antarabangsa.

So, sebelum saya mengakhiri ucapan penggulungan ini, sukalah saya memberi jaminan bahawa kementerian saya sudah mengambil maklum dan akan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat. Rompin bangun.

Dato' Seri Dr. Lim Kheng Yaik: Yang Berhormat, lagi satu sentence pun tidak bagi saya habiskan. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bukan macam Kepong, apa jua dia hendak menunjukkan bahawa dia boleh memainkan peranan sebagai Ahli Parlimen walaupun tidak ada getah, dia mengambil kesempatan isu getah ini untuk mendapatkan mileage untuk dirinya. Itu kita ucap syabaslah kepada dia tetapi sama ada dia akan naik pangkat dalam DAP, itu senario lainlah.

Saya hendak bertanya sedikit, tadi Dato' Menteri ada mengatakan bahawa masalah harga dalam negara dan dunia dalam pasaran getah ini kerana permintaan itu berlebihan kalau dibandingkan dengan bekalan. Kita memahami dan kita mengucapkan syabas kerana baru-baru ini ada satu usaha untuk memastikan bahawa harga itu mesti tidak kurang daripada satu tahap, satu level. Mungkin Dato' Menteri boleh memberi kita sedikit ulasan tentang itu dan juga usaha-usaha untuk meningkatkan permintaan dengan memberi penekanan kepada industri hiliran seperti perabot dan meningkatkan penggunaan getah.

Tetapi saya hendak bertanya satu, Dato' Menteri, kalau di kawasan saya, di Rompin, kedua-dua jenisnya ada, ada tanah untuk tanaman getah dan ada juga untuk kelapa sawit. Salah satu usaha yang berjaya, mungkin Dato' Menteri ada juga peranan untuk usaha ini iaitu mempelbagaikan pendapatan daripada satu saiz tanah yang sama iaitu macam kelapa sawit, selain daripada pengeluaran kelapa sawit, diadakan pembelaan lembu. Amat berjaya sekali. Di kawasan Rompin, saya terkejut bahawa dimaklumkan bahawa 60,000 ekor lembu dalam kawasan kelapa sawit FELDA itu sahaja. Masalah baru yang dihadapi sekarang ini ialah untuk memasarkan lembu-lembu yang dipelihara dalam kawasan kelapa sawit. Syabas kepada kerajaan dalam usaha mempelbagaikan pendapatan.

Bermakna, jangan ada satu jenis income lain sahaja dalam satu plot tanah. Dalam isu kelapa sawit, pertama, pokoknya income lainnya daripada pendapatan kelapa sawit dan dipelbagaikan dengan pembelaan lembu. Saya hendak bertanya dalam hal getah. Selain daripada penggunaan teknologi baru, seperti yang Dato' Menteri katakan tadi, dan syabaslah pemilihan Gerakan, cantik...

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, dia buat ucapan. Macamana...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Duduklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Itu kerja saya, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Itupun tidak relevan. Tidak ada kena mengena dengan getah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Di kawasan Kepong tidak ada getah.

Dr. Tan Seng Giaw:apa kena-mengena dengan getah?

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hai..esok jangan cakap banyak, digam oleh Ketua Pembangkang, susah nanti.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Rompin cuba padatkan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak berbalik kepada tadi, saya hendak membuat pertanyaan kepada Dato' Menteri. Adakah kementerian seperti juga kejayaan menambahkan satu lagi pendapatan selain mereka yang dalam pertanian kelapa sawit, diadakan pembelaan binatang seperti lembu. Adakah usaha yang sama, perancangan yang sama dalam kawasan getah? Sama ada hendak membela kambingkah, lembukah.

Saya hendak bertanya, selain daripada peningkatan pendapatan menggunakan teknologi baru, mempelbagaikan value added atau penggunaan pokok getah itu sendiri untuk perabot, adakah usaha ini ditimbang dan adakah juga sudah dicuba sama ada perkara atau benda-benda lain digunakan dalam plot tanah getah ini seperti pemeliharaan binatang. Saya minta sedikit pandangan dan ulasan Dato' Menteri.

Dato' Seri Dr. Lim Kheng Yaik: Tuan Pengerusi, ada. Sebab itu kita sudah mengubah Dasar Pertanian Nasional Kedua kepada Mengumumkan Dasar Pertanian Nasional Ketiga di mana dengan tujuan menjalankan agro-forestry. Kita ada memperkenalkan jenis tanaman yang lain yang boleh bersama-sama ditanam dengan getah apabila getah belum mengeluarkan susu getah lagi atau belum matang lagi dan selepas ia matang, apa jenis-jenis kita ikut dengan tujuan untuk mempelbagaikan tanaman di dalam satu saiz kebun dan dengan tujuan untuk menambahkan pendapatan kepada pekebun kecil yang menggunakan kebun itu dengan *primarilynya* untuk getah tetapi dengan tambahan jenis tanaman untuk mendapatkan pendapatan yang lebih lagi.

Saya telah mengambil maklum dan akan memberi perhatian ke atas segala pandangan dan cadangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Mersing bangun. Hendak bagi jalan?

Dato' Seri Dr. Lim Kheng Yaik: Boleh. *[Ketawa]* Hari ini saya ada banyak masa

Tuan Zainal Abidin bin Osman: *[Ketawa]* Kepong tidak boleh. *[Disampuk]* Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tertarik hati dengan perkara yang dibangkitkan oleh rakan saya dari Rompin sebentar tadi, berkenaan dengan usaha-usaha untuk memperbanyakkan industri pemakanan, khususnya daging lembu di mana pihak menteri juga telah menyatakan bahawa ada pihak tertentu membenarkan pemeliharaan lembu di kawasan-kawasan seperti di kebun getah dan sebagainya.

Tetapi, saya hendak bangkitkan walaupun pihak kerajaan menggalakkan pemeliharaan lembu ini, tanah-tanah seperti FELDA digunakan untuk maksud ini tetapi masih ada lagi pihak-pihak yang tertentu seperti ladang-ladang yang besar, katakan Guthrie dan sebagainya, masih belum dapat menyahut seruan kerajaan supaya mereka juga terlibat dalam pemeliharaan lembu dan sebagainya.

Jadi, saya hendak tahu sejauh mana perkara ini benar dan kalau benar, adakah pihak kementerian hendak menasihatkan mereka supaya turut serta dalam program seperti ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Lim Kheng Yaik: Tuan Pengerusi, untuk mengubah sikap seseorang yang selama ini dia menceburi di dalam sesuatu tanaman untuk satu jenis tanaman lagi, walaupun dia di dalam ladang yang besar atau di kalangan pekebun kecil, untuk mengubah sikap mereka, memakan masa dan kita kena mencontohi dengan membuat untuk mereka melihat. Saya ingat ada separuh yang menerima cara baru dan ada separuh yang belum menerima cara baru ini.

Tetapi apa yang kita tahu, kita akan menjalankan dan menggalakkan semua pihak walaupun di ladang atau pihak pekebun kecil untuk mengubah sikap mereka dengan menggunakan tanah secara mempelbagaikan untuk menambahkan atau meningkatkan pendapatan mereka melalui penggunaan tanah itu. Dengan itulah, saya ucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM80,000,000 untuk Maksud B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sejumlah RM80,000,000 untuk Maksud B18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.19 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Kepala Bekalan B.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas. Balik Pulau.

10.49 pagi

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Untuk Kepala B.19, peruntukan tambahan sebanyak RM26,500,000 ini sebanyak RM14,000,000 untuk membiayai sebahagian daripada perbelanjaan mengurus Bank Pertanian Malaysia, berikutan keputusan kerajaan untuk menanggungkan penswastan Bank Pertanian.

Tuan Pengerusi, saya declare, bukan ada pecuniary interest tetapi saya duduk dalam Lembaga Pengarah Bank Pertanian semenjak dua tahun yang lalu. Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa RM14 juta ini dipohon setelah kerajaan menanggungkan usaha untuk mengswastakan bank ini dan wang ini diperlukan untuk menampung sebenarnya operating cost mengurus Bank Pertanian itu sendiri.

Di dalam perbincangan tentang pindaan akta Bank Pertanian pada mesyuarat yang lepas, banyak perkara telah ditimbulkan oleh rakan-rakan Ahli Yang

Berhormat di sini mengenai prestasi yang ditunjukkan oleh Bank Pertanian. Sebenarnya, satu daripada sebab, selain daripada kejatuhan ekonomi pada tahun 1997 dan juga 1998 yang menjejaskan prestasinya ialah bank telah tidak mendapat apa-apa peruntukan untuk mengurus bank itu sendiri dan saya ucapkan terima kasih kepada kementerian kerana berusaha untuk mendapatkan RM14 juta ini untuk menampung sebahagian daripada kos mengurus bank.

Tetapi soal pokok yang hendak saya timbulkan supaya Kementerian Pertanian dan juga Kementerian Kewangan mengambil keputusan secara yang jelas tentang apa yang hendak jadi dengan Bank Pertanian Malaysia ini. Bank ini telah ditubuhkan 30 tahun dan saya rasa sebagai sebuah bank pembangunan yang bertujuan untuk membangunkan sektor pertanian dengan mengemblemkan simpanan mereka yang terlibat dalam sektor pertanian, petani, pekebun kecil, penanam padi dan juga mereka yang terlibat dalam sektor seperti getah, kelapa sawit dan sebagainya. Jadi bank ini diperuntukkan kuasa untuk menerima deposit, deposit taking financial institution.

Jadi pada masa yang sama bank ini tidak dibekalkan mengikut akta treasury operation yang lain. Maknanya Tuan Pengerusi, ia tidak jadi bank betul dan ia tidak jadi development bank betul, jadi dia sekerat-sekerat. Bila dia setengah yang ini dan setengah yang itu jadi ia hendak berfungsi sebagai bank pembangunan yang mutlak pun tidak boleh, hendak berfungsi sebagai sebuah bank komersial yang mutlak pun tidak boleh. Sebabnya ia ada tuntutan yang berbeza antara memainkan peranannya sebagai komersial bank, deposit taking institution dan pada masa yang sama untuk memainkan peranan sebagai development bank.

Kita tahu bahawa sektor pertanian ini dia mempunyai peculiarities, keanehan dan kepelikan tersendiri kerana pembiayaan sektor pertanian tidaklah seperti pembiayaan sektor pembuatan, kerana sektor pertanian terdedah kepada risiko-risiko yang tidak ada pada sektor-sektor lain yang bergantung kepada Tuhan, kalau cuaca tidak elok, ikan lari pergi ke mana, tidak ada ikan, jadi banyak

risikonya. Persoalannya sekarang bank ini dalam keadaan kadang-kadang tertekan bila masuk dalam Dewan berbagai-bagai perkara dibangkitkan tentang prestasinya dan sebagainya tetapi saya beri jaminan di sini bahawa tahun ini bank ini boleh buat untung. Tetapi kerajaan kena buat satu keputusan, bank ini hendak jadi apa akhirnya. Walaupun kita tangguhkan usaha penswastan ini, bank ini akhirnya hendak dijadikan apa, komersial bank, proper ataupun development bank yang proper? Kerana dua fungsi ini bercanggah. Pada masa yang sama bank ini bersaing dalam sektor kewangan untuk mendapatkan deposit dan membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan yang bersangkutan sebagai institusi kewangan ini dengan institusi-institusi kewangan yang lain. Kita juga mendapat masalah kerana bank ini pekerja-pekerjanya semua adalah dikira sebagai pegawai-pegawai kerajaan dan skim perkhidmatan yang ditawarkan adalah skim perkhidmatan yang mengikut pekeliling kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Jadi ini adalah perkara yang perlu diberi perhatian.

Tuan pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat dari Balik Pulau. Mungkin dia tahu maklumat yang lebih lanjut sebagai Lembaga Pengarah, tentang pemberian belanja mengurus sebanyak RM14 juta ini dan pada masa yang sama Yang Berhormat dari Balik Pulau mengatakan bank ini terus ada membuat keuntungan. Kalau boleh dijelaskan sedikit hubungan antara dua itu. Kalaulah bank itu ada keuntungan mengapa perlu ada bayaran seperti subsidi pengurusan. Mungkin kalau tidak dijelaskan takut yang sebelah sana itu terutama PAS jadi modal di hujung minggu ini. Tolong bagi penerangan sedikit sebab Terengganu dengar kata tiga, empat kali satu kawasan jadi modal di hujung minggu ini. Saya minta Balik Pulau bagi penjelasan sedikit.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Sebenarnya pada tahun kewangan 1997 dan 1998 bank mengalami kerugian yang agak besar kerana seperti juga institusi kewangan yang lain. Permohonan untuk mendapatkan RM14 juta ini adalah saya ingat bukan luar biasa kerana apabila ditangguhkan urusan penswastan itu memang biasalah kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk membekalkan sebahagian daripada perbelanjaan pengurusan. Itu kerajaan bertanggungjawablah apabila kerajaan berhenti tidak swasta kerajaan bagi balikh geran pengurusan itu. Jadi tidak timbul soal kalau siapa-siapa hendak eksloit benda ini. Tidak timbul soal kita dapat duit yang tidak patut kita dapat duit. Maknanya ini kakitangan bank telah kerja dengan kuat dengan baik dan sebagainya dan kerajaan hanya memenuhi tanggungjawabnya sebagai kerajaan untuk membekalkan seperti juga kerajaan membekalkan belanja mengurus untuk mana-mana statutory body lain di bawah tanggungjawab kerajaan.

Perkara yang berikut ialah saya nampak misalnya kalau peranan Bank Pertanian mahu memainkan peranan mobilisasi tabungan, orang yang terlibat dalam pertanian ini untuk digunakan balik dalam sektor pertanian. Saya rasa peranan ini sampai satu tahap mana-mana bank tidak boleh beroperasi pada konsep yang tersebut kerana saya tengok dalam dunia ini tidak ada agriculture bank yang eksklusif kepada sektor pertanian. Kalau Bank Pertanian hendak dijadikan sebagai sebuah bank yang berjaya maka dia kena pergi kepada sektor-sektor yang lain. Jadi spread risikonya luas lagi. Kalau Bank Pertanian hanya tumpu kepada pertanian dan hanya bergantung kepada mobilisasi dana dan juga tabungan daripada sektor pertanian jadi dia tidak boleh berjaya.

Jadi inilah perkara yang harus difikirkan untuk menentukan secara jelas kepada bank, kepada staff dan kepada pasaran secara umumnya ke manakah arah tujuanya. Kalau kita hendak pergi ke arah itu maka sekali lagi Akta Bank Pertanian ini perlu dipinda untuk membenarkan bank berfungsi secara bank dengan ada treasury operation dan sekarang ini checking account pun tidak boleh dan juga

penggunaan instrumen-instrumen kewangan yang lain tidak ada kepada bank untuk melakukan pengurusannya yang lebih cekap daripada sekarang. Jadi itu satu fungsi yang kena diambil kira apakah bank ini hendak jadi bank yang exclusively Bank Pertanian. Kita tengok model-model dalam seluruh dunia tidak ada benda yang sedemikian rupa.

Kalau hendak jadi development bank maka kita berharap supaya kerajaan mendapat dana-dana lain daripada luar dan parking dana itu di Bank Pertanian untuk Bank Pertanian gunakan dana itu pada kadar yang lebih murah untuk membangunkan sektor pertanian. Itu cadangan yang berikutnya. Kalau hendak buat begitu tidak perlu banyak pindaan kepada Akta Bank Pertanian yang sedia ada sekarang tetapi kalau Bank Pertanian diharapkan untuk mengumpul deposit daripada market - lepas itu kumpul deposit daripada pasaran ini adalah mahal dari segi - susah kalau kita hendak compete dengan orang lain. Tetapi kalau kita tawarkan fix deposit kepada pendeposit kosnya tinggi. Sekarang interest rate rendah tetapi monthly interest tinggi, dulu kos dana kita tinggi dan kadang-kadang dalam pembiayaan, sebelah pembiayaan pula jenis-jenis pembiayaan yang kita buat ialah berjangka panjang.

Maknanya plantation, kelapa sawit dan benda-benda begitu tempoh pembiayaannya panjang. Kadang-kadang kalau kita pinjam short term kita bagi pinjam long term itu yang jadi masalah. Kita pinjam untuk jangka masa pendek dan kita bagi pinjam jangka masa panjang dan kadang-kadang kita mengalami masalah kecairan. Pada masa yang sama kita tidak ada treasury operation untuk kita urus risiko ini. Demi untuk pergi ke arah tuju yang lebih jelas dan demi untuk menjaga moral staff bank ini dan demi untuk kita tahu arah mana kita hendak membangunkan sumber manusia dalam bank ini. Kita hendak bangunkan mereka ini dengan membekalkan mereka dengan latihan dan kemahiran ke arah yang macam mana. Barulah saya ingat suatu hari nanti bank ini boleh pergi ke arah yang kita hendak.

Jadi, sekarang ini arah itu tidak berapa jelas lagi, kalau kita hendak jadi banker maka kita kena biarkan Bank Pertanian punya orang bercampur dengan bankers sama ada di peringkat pengurusan atasannya, dia boleh duduk bankers club, bersebang dengan bankers semua, kalau staff clerical dia pun boleh masuk National Union of Bank Employees (NUBE) dan sebagainya. Jadi sebahagian daripada community bank.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ya Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya kepada Balik Pulau tentang isu tenaga kerja dalam Bank Pertanian. Kita turut bersimpati dan saya sendiri dulu, duduk juga dalam Lembaga Pengarah Bank Pertanian, dan pada ketika itu ada usaha-usaha ke arah penyelesaian masa depan Bank Pertanian, dicadangkan dua fasa.

Fasa I dikorporatkan supaya isu pembangunan tenaga, staff-staff Bank Pertanian dapat diselesaikan - dikorporatkan. Mereka terus boleh diberikan skim kerja swasta seperti juga badan-badan seperti TELEKOM, TNB dan agensi-agensi yang lain yang telah dikorporatkan. Dan isu ownership itu sama ada diswastakan atau tidak, itu tangguhkan menjadi isu yang kedua. Sekurang-kurang isu masa depan bank itu dari segi struktur organisasinya seperti yang diulaskan oleh Balik Pulau tadi supaya dapat bergerak sebagai satu bank komersial dapat dilaksanakan secepat mungkin, dan kita tangguhkan isu swasta itu sebagai satu perkara peringkat yang kedua. Saya minta pandangan dan komen Balik Pulau sama ada ini juga menjadi salah satu perancangan bank dalam mengemukakan isu ini dengan kerajaan?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Rompin. Memang sebenarnya hendak selesai masalah ini, kalau selagi kerajaan kena beri perbelanjaan mengurus, selagi tali itu ada, selagi itulah tidak bebas. Adalah tidak adil dan tidak betul kalau kerajaan bagi belanja mengurus

lepas itu kita tidak mahu ikut skim perkhidmatan JPA dan sebagainya. Jadi, dalam mana-mana juga financial independent adalah pra syarat untuk kita mendapat kebebasan yang lain. Kalau tidak ada kebebasan dari segi kewangan ini macam mana kita hendak minta kebebasan dari segi yang lain.

Jadi, mungkin langkah seperti yang Rompin katakan, langkah yang kita cadangkan ialah korporatkan, keluarkan dan lihat semula keseluruhan Akta Bank Pertanian ini untuk menjadikannya satu badan korporat, satu bank tetapi sebelum hendak buat yang itu kena clearlah dahululah, bank ini hendak jadi macam mana...

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Muar bangun.

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin: Tuan Pengerusi, saya minat sangat dengan kata-kata yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Balik Pulau. Sebenarnya saya terlibat dalam penubuhan bank ini dalam tahun 1970. Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Balik Pulau yang mengatakan kalau kita hendak membangunkan industri pertanian kita tidak boleh adakan satu bank yang khas. Saya tolak dakwaan itu.

Sejarahnya kita menubuhkan Bank Pertanian ini kerana hendak menolong pekebun-pekebun kecil, nelayan-nelayan kecil, penternak-penternak kecil. Sebagaimana yang telah saya katakan dahulu dalam Dewan yang mulia ini penubuhan Bank Pertanian ini diminta ataupun didesak oleh Bank Dunia. Pada masa itu, kita meminjam wang sebanyak RM180 juta untuk membangunkan Rancangan Perairan MUDA. Bank ini telah ditubuhkan dengan beberapa tahun....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cuba padatkan soalan kerana masa Yang Berhormat bagi Balik Pulau sudah suntuk.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Kena bagi saya extra time.

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin: Rasa saya masalah yang dihadapi oleh bank ini Tuan Pengerusi, ada tiga perkara; pertama, bank ini kekurangan

modal. Kuasa yang diberi kepada bank untuk memobilisasikan saving adalah incidental

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hanya boleh soal. Kalau Yang Berhormat hendak membuat ucapan, saya akan timbangkan.

Tuan Abdul Aziz bin Mohd Yassin: Saya minta Yang Berhormat bagi Balik Pulau menjawab soalan saya tentang saya tidak bersetuju pendapat beliau yang bank ini tidak boleh digunakan khas untuk pembangunan industri pertanian.

Dr. Nungari bin Ahmad Radhi: Terima kasih. Saya menghormati Ahli Yang Berhormat bagi Muar kerana dia memang lama terlibat dalam hal ini. Tetapi itulah kalau kita biarkan di sini, saya kata di sebelah kiri ada orang kata, sebelah kanan ada orang kata duduk di tengah-tengah.

Jadi, yang sebenarnya state holder dia, pemegang sahamnya ialah kerajaan. Jadi kerajaan, kalau kerajaan fikir ambil pandangan semua, kerajaan kata okey, pergi ikut arah ini, jadi Ahli Yang Berhormat bagi Muar dan saya dan semua orang yang terlibat pun boleh kita gabungkan kita punya pendapat dan bank sendiri hendak pergi arah kerajaan kata itu.

Jadi, sekarang ini macam saya punya tafsiran macam ini. Ahli Yang Berhormat bagi Muar kata macam itu. Sedangkan tafsiran-tafsiran ini wujud kerana kita rasa jalan yang hendak pergi itu dia tidak diperjelaskan. Kalau diperjelaskan maka kita boleh fokus, tumpukan semua usaha pembangunan, sumber manusia dan segala-galanya ke arah yang kita hendak pergi. Jadi arah itu yang cuba kita hendak pergi, cuma lagi saya hendak kata dalam pembiayaan pertanian ini agriculture financing ini, risiko dia tinggi dan kalau kita hendak buat hanya agriculture financing secara eksklusif dan lepas itu kita punya bottom line kita kena compete dengan bank-bank yang lain.

Sekarang ini bank-bank swasta pun boleh membiayai pembukaan ladang kelapa sawit. Malayan Banking pun besar, dia boleh tawarkan kadang-kadang

perkhidmatan yang lebih banyak kerana ia mempunyai instrument yang lebih banyak daripada yang kita ada. Jadi, kalau sekejap lagi akhirnya kalau Bank Pertanian hanya buat skim padi dan juga skim yang kecil-kecil ini, yang memang Bank Pertanian kena buat, jadi, dia kena mainkan peranan development bank. Jadi yang mana satu dan kalau diperjelaskan yang itu baru kita boleh memobilisasikan keseluruhan tenaga kita dan segala-galanya dari segi staff dan sebagainya ke arah yang kita hendak pergi itu. Jadi akhirnya...

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat telah suntuk.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi. Akhirnya saya minta sangat supaya dalam tempoh kita melakukan penstrukturan semula dalam pelbagai sektor dalam negara kita ini, satu daripada perkara yang perlu dilihat dan dibuat keputusan ialah tentang hal ini. Bank Pertanian tidak macam Bank Pembangunan. Bank Pertanian bukan macam bank infrastruktur ataupun bank industri dan sebagainya kerana kita adalah deposit taking institution. Tetapi pada masa yang sama kita mempunyai fungsi lain seperti juga Bank Industri, Bank Pembangunan dan infrastruktur dan sebagainya.

Dengan kata-kata itu Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tanjong.

11.07 pagi.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Mengenai peruntukan sebanyak RM7.5 bilion untuk pembelian teksi dan kos kerja-kerja pemusnahan babi bagi mencegah wabak Japanese Encephalitis (JE). Nampaknya kementerian berkenaan masih dalam denial syndrome oleh kerana kita tahu bahawa sebab yang menyebabkan bencana encephalitis bukan JE tetapi virus Nipah dan lebih seorang nyawa yang terkorban. Industri menternak babi menghadapi krisis yang tidak pernah dihadapi, oleh kerana viral epidemik Nipah virus bukan Japanese Encephalitis dan saya tidak faham kenapa sampai sekarang, sudah bulan Julai kita masih ada permintaan

peruntukan untuk satu perang terhadap satu bencana yang tidak berlaku. Dan kalau tidak silap, pihak-pihak yang berkenaan dalam Jabatan Pertanian khasnya Jabatan Haiwan pernah dalam laporan kepada beberapa conference ada sebut bahawa inilah Nipah virus yang dahulu ada dianggap bahawa ialah Japanese Encephalitis di tahun lalu dan ini sudah silap. Dan back date sebenarnya mungkin kepada tahun 1997, yang pada masa yang pertama berbangkit bencana virus ini yang menunjukkan bahawa satu sebab kenapa bencana ini begitu besar ialah oleh kerana kecuaiian pihak kerajaan khasnya kementerian tertentu salah urus, salah kenal pasti sebab bencana ini. Saya mahu tanya sama ada inilah permintaan akhir, sama ada pada masa depan akan ada permintaan untuk item ini. Kalau begitu, kalau tidak apakah perbelanjaan yang sekarang dijalankan khasnya untuk mengenai nipah virus. Dan kita tahu bahawa di negeri Pulau Pinang seperti contohnya bahawa diantara April, bulan Mei dan Julai adalah sekurang-kurangnya 32,773 ekor babi yang dimusnahkan daripada 14 ladang dan gantirugi RM50.00 untuk satu ekor babi tentulah tidak padan. Apa yang perlu sekurang-kurangnya apa yang kita cadang di sini sebenarnya patutlah RM200.00 ke RM250.00. Dan tanpa gantirugi itu, kita tidak boleh kata bahawa dalam kes ini bahawa kerajaan adalah menunjukkan ia satu kerajaan yang caring, yang penyayang. Boleh dikata bahawa dalam kes ini kerajaan yang menunjukkan bahawa kita caring khasnya oleh kerana kecuaiian pihak kerajaan dalam menangani bencana ini.

Dan kalau peruntukan ini ialah untuk membeli vaksin untuk JE, apabila kita tahu bahawa masalah bukan JE dan orang-orang mati dan tidak ada perbezaan, tentulah tak payah kita ulangi. Perbezaan besar antara JE dan Nipah virus di mana kalau JE babi tidak akan mati, bahawa kalau JE ialah penyakit ini ialah transmission agent ialah nyamuk dan bukan Nipah Virus dan kalau Nipah virus vaksin untuk JE semua sia-sia, semua sia-sia. Dan saya harap bahawa dalam perkara ini Kementerian Pertanian akan bertanggungjawab untuk menghidupkan semula khasnya industri menternak babi. Dan inipun merupakan satu ketetapan

yang diluluskan di dalam Perhimpunan Agung MCA baru-baru ini tetapi nampaknya tidak ada cadangan yang konkrit semacam satu usaha bahawa pembayaran yang adil dibuat ialah RM200.00 ke RM250.00 untuk seekor babi yang dimusnahkan.

Kedua, bahawa adalah satu kredit fasiliti sekurang-sekurangnya RM400 juta supaya membenarkan industri penternakan babi untuk hidup semula dan selain daripada gantirugi untuk mereka yang jadi mangsa bencana Nipah virus ini kerana kecuaihan pihak kerajaan. Dan adakah kerajaan rela untuk mengadakan satu skim dengan beberapa jenis gantirugi dan kredit fasiliti supaya, dengan izin, industri menternak babi dapat berdiri atas kaki sendiri, semula.

Dan sampai sekarang kita belum dapat bahawa satu laporan sepenuhnya mengenai bencana Nipah virus. Sampai sekarang kita tidak ada satu laporan yang diumumkan mengenai siasatan yang ada dijalankan oleh pakar-pakar, bagaimana virus epidemik ini boleh dibenarkan mengorbankan begitu ramai orang sehingga industri menternak babi menghadapi satu krisis yang begitu besar.

Tuan Pengerusi: Telok Kemang bangun

Dr. L. Krishnan: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin jelaskan sedikit tentang gantirugi. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ada ramai yang telah meninggal dunia ialah pekerja-pekerja di dalam ladang penternakan. Dan bolehkah keluarga mereka meminta gantirugi daripada pihak majikan di atas kecuaihan majikan untuk menjaga kebersihan ladang tersebut. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, apabila kita di sini cadang bahawa patutlah ada satu skim gantirugi bukan sahaja gantirugi memusnahkan babi tetapi pun kepada semua mangsa bencana ini sama ada penternak babi atau pekerja-pekerja. Di sini, bagaimana Yang Berhormat bagi Telok Kemang boleh menyalahkan sesiapa yang bertanggungjawab apabila kerajaan yang sebenarnya cuai, yang pada awalnya kata

bahawa inilah JE yang di mana bencana ini, penyakit ini, transmit oleh nyamuk dan akhirnya bukan nyamuk.

Bukankah ini sebenarnya tanggungjawab, kalau ada pihak yang patut menanggung tanggungjawab ini ialah pihak kerajaan. Dan sebab itu, sebab itu saya percaya Yang Berhormat bagi Telok Kemang tahu bahawa dalam baru-baru ini Negeri Sembilan, Livestock Association ada membuat satu mesyuarat di mana ketetapan ada diluluskan, mesyuarat ialah pada 10 Julai ini, mereka ada meluluskan empat ketetapan - resolusi.Satu, meminta bahawa gantirugi RM200.00 untuk seekor babi. Adakah Ahli Yang Berhormat bagi Telok Kemang bersetuju. Pernahkah Yang Berhormat oleh kerana wakil rakyat untuk Bukit Pelanduk, pernahkah beliau bersetuju dan menyokong permintaan-permintaan yang adil ini bahawa gantirugi RM200.00 untuk seekor babi.

Yang kedua, bantuan untuk menghidupkan atau rehabilitated, untuk hidupkan semula industri menternak babi dan ketiga, bahawa membenarkan operasi ladang-ladang mereka dan lesen-lesen untuk menjalankan menternak babi diteruskan. Dan keempat,....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat masa yang Yang Berhormat dah cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Tapi Yang Berhormat bagi Balik Pulau 20 minit.

Tuan Pengerusi: Ya, ya

Tuan Lim Kit Siang: Sudah 10 minit?

Tuan Pengerusi: Ya, ya....

Tuan Lim Kit Siang: Okay, saya akan gulung.

Keempat, mengutuk kerajaan dan ministry yang relevan oleh kerana dengan izin, mishandling the encephalitis epidemic and leading to a disaster . Itulah akhirnya, siapa yang bertanggungjawab. Kerajaan dan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang tidak rela untuk memberikan sokongan yang patut supaya kerajaan menunjuk bahawa dia sebenar-sebenarnya caring dalam perkara ini dan saya harap akhirnya bahawa kerajaan akan menimbang dengan seriusnya cadangan

mengadakan satu pembayaran gantirugi yang lebih adil, RM200.00 ke RM250.00....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat. Masa dah cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang:seekor babi dan bahawa satu kredit fasiliti RM400 juta untuk rehabilitated dan restart industri menternak babi.

Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya ya Yang Berhormat-Yang Berhormat, kita ada lapan lagi kementerian-kementerian yang perlu diselesaikan. Kalau sekiranya kita mengambil masa yang panjang dalam tiap-tiap satu kementerian saya takut kita tak dapat habis pada malam ini. Dan dengan demikian, saya nak bagi seorang saja lagi. Ya Tanjong Karang, yang lain tak payahlah.

11.18 pagi.

Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk memberikan pandangan mengenai Maksud B19. Saya nak menyentuh Lembaga Pertubuhan Peladang. Butiran 130000.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah di atas kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian baru-baru ini yang mana Lembaga Pertubuhan Peladang ini harus memainkan peranan yang lebih untuk melahirkan usahawan-usahawan tani kerana kita harap dengan adanya Lembaga Pertubuhan Peladang ini akan dapat memberikan bantuan kepada petani-petani bukan saja daripada segi untuk memperbanyakkan produktiviti mereka tetapi juga melahirkan usahawan-usahawan tani.

Kedua, saya juga ingin mencadangkan supaya Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) ini dapat memainkan peranan untuk mengimport baja, kerana setakat ini saya dimaklumkan LPP ini hanya mengimport baja urea dan juga baja campuran iaitu baja subsidi yang kita beri kepada petani-petani. Kerap kali apabila

saya timbulkan soalan di Parlimen ini di dalam Dewan yang mulia ini, mengapakah kerajaan tidak boleh mengawal kenaikan harga baja dan racun ini. Jawapan yang diberi ialah kerana ingredient nya ataupun bahan-bahannya banyak yang diimport menyebabkan kerajaan sukar untuk mengawal harga baja dan juga harga racun. Oleh itu, sekiranya LPP ini dapat memainkan peranan untuk diberikan satu pengimport tunggal seperti mana BERNAS kita beri ia pengimport tunggal untuk mengimport beras maka saya rasa sedikit sebanyak harga racun dan juga harga baja ini dapat kita kawal.

Dan bila sebut Lembaga Pertubuhan Peladang sudah tentu ianya ada kaitan dengan Pertubuhan Peladang Kawasan. Jadi Pertubuhan Peladang Kawasan ini saya harap pihak kementerian harus memberikan juga perhatian.

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*].

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Tuan Lim Hock Seng: Mengapa kami dinafikan untuk berucap di sini untuk tajuk-tajuk yang spesifik dan diberi kepada Tanjong Karang di mana beliau mengeluarkan ucapan luar dari apa yang kita bincang. Kita ada tiga perkara....

Tuan Pengerusi: Bercakap berkenaan Lembaga Pertubuhan Peladang.

Tuan Lim Hock Seng: Itu RM5 juta hanya untuk Padang Terap sahaja. Pekebun kecil tebu sahaja.

Tuan Pengerusi: Oh Ya.. Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Jadi kita bercadang supaya diberi peluang untuk menyentuh perkara-perkara spesifik seperti Nipah virus dan lain-lain.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Tanjong Karang, berkenaan wang RM5 juta itu untuk kawasan Padang Terap sahaja.

Tuan Haji Noh bin Omar: Dia sebab ada dia kacau. Tadi bos dia bercakap kita dengar sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Yang Berhormat bolehkah bercakap berkenaan dengan Padang Terapkah, itu.kecil, Padang Terap. Ya, ya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Jadi saya kaitkan juga dengan Lembaga Pertubuhan Peladang ini, saya faham dia memberikan bantuan juga kepada pekebun-pekebun kecil tanam tebu di Padang Terap, tetapi tanam tebu pun saya rasa kena juga baja dan racun serangga ini. Sudah tentu dia guna juga untuk mengawal daripada rumput-rumput ini tumbuh. Jadi saya mencadangkan supaya penghasilan petani-petani di Padang Terap ini mendapat hasil yang lebih baik maka Lembaga Pertubuhan Peladang harus memainkan peranan untuk memastikan harga racun serangga ini dapat dikawal.

Saya hendak sentuh sedikit sahaja Tuan Pengerusi, sebelum saya pergi ke Bank Pertanian, saya hendak sentuh Arau ini. Dahulu dia sebut pasal padi, sebab saya kawasan padi. Dia sebut dahulu salah. Adakah RM60 bagi satu tan metrik. Ditegur oleh Pokok Sena, tetapi Arau degil dia kata tidak, dia tidak mahu tarik balik juga. Pada hal kalau kita baca *Hansard*, dia sebenarnya salah membuat kenyataan. Inilah orang PAS, sudah salah mengakulah salah, kemudian last ucapannya barulah dia sebut yang betul RM600 untuk 1 tan metrik. Pada mulanya dia cakap - kalau kita baca *Hansard*, ini RM60 bagi 1 metric ton. Mana boleh! Itu untuk 100 kilogram. Itu sahaja hendak beritahulah, PAS ini janganlah degil sangat. Sudah salah, mengakulah. Ini sudahlah salah, tidak mahu mengaku. Pokok Sena tegur tidak mahu dengar.

Jadi yang kedua, tidak apa sudah betul *Hansard* ini ada, hendak bohong apa? Saya tanda merah-merah ini. Sudah salah, mengaku. Lain kali Yang Berhormat barulah kita ini orang Islam. Jangan pusing-pusing, mengaku-mengaku Islam. Sudah kena batang hidung pun hendak menafikan lagi. 'Islam pusing', Tuan Pengerusi. Hendak .apa, ini kenyataan. Hendak Araukan Tanjung Karang, kita hendak Tanjung Karangkan Arau kali ini.

Tuan Pengerusi yang akhir sekali pasal Bank Pertanian. Bank Pertanian ini saya setuju dengan pandangan Balik Pulau. Kerajaan mesti buat keputusan ke manakah arah Bank Pertanian. Hendak jadi bank komersial ataupun bank

pembangunan untuk pertanian, kerana kita lihat pada hari ini pegawai-pegawai pembuat dasar di Bank Pertanian dia 'terikat kaki', sebelah untuk mencari keuntungan, sebelah kaki lagi dia tertarik ke dalam untuk memikirkan masalah-masalah sosial untuk memberi bantuan kepada petani-petani. Kalau kita tidak jelas mengenai peranan Bank Pertanian ini, sama ada kita hendak swastakan dia ataupun menjadikan satu bank kerajaan untuk membantu petani-petani maka harus difokuskan bahawa beberapa agensi kerajaan yang lain, yang terlibat untuk membantu petani-petani seperti LKIM, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Persatuan Persatuan Nelayan (PPN) ini harus disatukan supaya mereka boleh duduk semeja memikirkan bagaimanakah kita boleh meninggikan pendapatan petani.

Yang kedua, saya juga ingin mencadangkan kepada Bank Pertanian supaya mereka boleh menubuhkan satu skim insuran perlindungan kebakaran kepada rumah-rumah orang kampung. Dahulu skim ini ada tetapi saya tidak faham mengapa dibatalkan. Kerana kita lihat hari ini orang-orang kampung di kawasan saya Tuan Pengerusi, tiap-tiap tahun, tahun lepas saya ingat tidak kurang dari 20 buah rumah kebakaran. Orang kampung rumah papan bila terbakar amat mudah, memang habis terus terbakar dan mereka ini sukar untuk ambil insurans. Kalau kita hendak ambil insurans biasanya, komersial insurans kerana beberapa ciri yang tidak memenuhi syarat-syarat insurans. Oleh itu, kalau Bank Pertanian boleh mengadakan satu skim yang murah misalnya RM10 – RM50 misalan kata untuk memberi peluang kepada petani-petani ini membeli insurans perlindungan, maka kalau rumah mereka terbakar sekurang-kurangnya mereka yang sudah susah ini dapat kita beri bantuan kerana setakat ini kalau rumah mereka terbakar tidak banyak bantuan yang boleh kita berikan. Jadi saya harap skim insurans perlindungan kebakaran untuk rumah-rumah petani ini harus diwujudkan oleh Bank Pertanian.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

11.26 pagi.

Timbalan Menteri Pertanian [Tengku Dato' Haji Mahmud bin Tengku Mansor]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, pertamanya saya ucap terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian terutama Balik Pulau, yang kedua Tanjong dan yang ketiga Tanjong Karang.

Pertama, tentang peruntukan yang kita pohonkan untuk Bank Pertanian sebanyak RM14 juta bagi menampung perbelanjaan mengurus. Ini adalah disebabkan keputusan untuk menanggungkan penswastaaan kepada bank ini. Peruntukan yang diluluskan ialah RM6 juta dan dipohon tambah lagi RM14 juta menjadikan seluruhnya RM20 juta.

Kedua-dua Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong Karang dan juga Balik Pulau ada menimbulkan soal kekeliruan apa bentuk Bank Pertanian ini, sama ada ia berbentuk bank pembangunan ataupun bank komersial. Jadi, sepanjang perbincangan tadi saya nampak Tanjong Karang memohon supaya dijadikan bank komersial ataupun yang boleh bersaing, tetapi dalam masa yang sama Tanjong Karang juga memohon supaya skim insurans murah diwujudkan oleh bank untuk kepentingan orang kampung. Ini sudah menampakkan conflict of interest kita kerana...

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya tadi ingin buat penjelasan, kalau hendak jadi swasta, kena buat dasar swasta, bank swasta, kalau tidak mahu swasta kena buat satu dasar ke arah untuk membantu petani. Jangan mementingkan keuntungan tetapi lebihkan kepada sosial obligasi. Itu maksud saya, dasarnya mesti jelas.

Tengku Dato' Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Pengerusi, terima kasih atas penjelasan yang ada. Sehingga kini kementerian tidak berhajat untuk mengubah lagi dasar, kita masih kekal menjadikan bank ini seperti bank

pembangunan di mana bank ini diperuntukkan untuk membantu industri pertanian khususnya industri pertanian, sama ada berbentuk komersial ataupun yang tradisional.

Jadi, kementerian terpaksa membelanjakan belanja mengurus hampir RM20 juta setahun untuk menampung keperluan yang ada ini. Tetapi walau bagaimanapun, pada masa ini Bank Pertanian cuba hendak mengurangkan kos terutama sekali tentang kedudukan pinjaman yang tidak berbayar (NPL) iaitu dari tahun 1994, NPL ini terlalu tinggi sampai 61%, tetapi kita dapat mengurangkan pada tahun 1996 kepada 42% dan 1998 kepada 39%. Kalau kecekapan pentadbiran atau pengurusan bank ini dapat diatasi maka saya percaya walaupun bank ini tidak berbentuk bank komersial tetapi ia mampu untuk menguruskan dana-dana yang telah diberi dengan mempertingkatkan lagi kecekapan dan juga mengurangkan lagi NPL sebagaimana yang saya katakan.

Sehingga kini juga kementerian belum memutuskan sama ada bank ini hendak diswastakan atau bank hendak dikorporatkan. Tetapi walau bagaimanapun, kementerian akan mengikut perkembangan dari masa ke semasa. Dengan ini bermakna hala tuju bank ialah jelas iaitu untuk menumpukan kepada pembangunan dan tidak akan melibatkan secara komersial, iaitu cara bank komersial.

Perkara yang kedua yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong yang mengemukakan tentang punca virus ini. Saya sudah sebut dahulu bahawa peringkat awal memang kita dapati virus itu merupakan JE, tetapi apabila setelah beberapa bulan, pakar-pakar dari Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah mendapati ada virus baru yang kita namakan Nipah. Tetapi Yang Berhormat, memanglah bila ada sesuatu serangan virus yang baru ia memerlukan masa untuk mengesan puncanya, jenis virus yang berkenaan. Kita mengakui kita mempunyai kelemahan tetapi walau bagaimanapun, dalam masa yang singkat kita dapat mengesan jenis virus itu.

Jadi, peruntukan yang dipohon RM7.5 juta sebagaimana yang telah diminta ini adalah sebahagian sahaja untuk membeli vaksin iaitu RM3.5 juta, yang lain itu belanja mengurus yang lain termasuk bayaran lebih masa dan sebagainya.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah ini bererti bahawa perbelanjaan khasnya untuk menangani wabak virus Nipah tidak termasuk dalam peruntukan ini dan peruntukan yang lebih besar akan diminta di masa depan?

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bahawa wang yang dipohon ini untuk belanja mengurus jabatan sahaja, tidak melibatkan kepada bayaran sagu hati kepada mereka yang terlibat. Ini belanja jabatan sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Angka itu bayaran untuk memusnah babi tidak ada dalam peruntukan ini. Mana untuk masa depan?

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Kita ada tabung untuk membayar sagu hati sebagaimana yang saya terangkan dahulu kita telah dapat mengumpul sebanyak RM52 juta yang kita sedang menunggu untuk membuat bayaran sagu hati. Jadi, tidak termasuk daripada apa yang saya minta. Apa yang kementerian minta ini adalah merupakan bayaran untuk pengurusan di peringkat Jabatan Perkhidmatan Haiwan sahaja. Jadi, soal tabung itu ada khas sebanyak RM52 juta.

Tuan Lim Hock Seng: Saya ambil kesempatan ini untuk membangkitkan tiga soalan dituju kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berkenaan dengan RM7.5 juta untuk pembelian vaksin untuk JE, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sama ada Nipah virus yang kini kami telah kesan bahawa ia adalah wabak yang terutama sekali dalam kemalangan maut ini sama ada Nipah virus ini ada vaksin untuknya. Yang Berhormat langsung tidak sebut berkenaan perkara ini. Saya ada satu Soalan Lisan di mana ada berkata bahawa boleh melindungi penternak melalui suntikan vaksin. Tetapi bila menjawab soalan saya berkenaan virus Nipah, tidak disebut langsung berkenaan dengan ubat-ubat yang boleh

mencegah. Jadi, sama ada virus Nipah ini boleh dicegah dengan vaksin atau ubat-ubat yang lain, itu satu perkara.

Berkenaan dengan dengan bayaran ehsan, iaitu seekor RM50.00 kepada penternak-penternak terdapat rintihan daripada penternak bahawa bayaran ehsan ini sampai hari ini belum disampaikan ke tangan mereka. Beberapa hari yang lalu dalam surat khabar mereka ada mengeluarkan rintihan ini kerana mereka sedang menunggu bayaran ehsan ini untuk menyelamatkan kehidupan mereka, dan bilakah bayaran ehsan ini akan dikeluarkan kepada mereka. Saya sekali gus bertanya dua-tiga perkara supaya tidak payah bertanya lagi. Saya mendapat tahu dari Yang Berhormat, setakat ini berapa peratuskah telah dikeluarkan untuk pembayaran ehsan ini kepada mereka dan berapa lagi mereka sedang menunggu perkara ini.

Baru-baru ini Ketua Menteri Pulau Pinang berkata bahawa kerja-kerja pemusnahan babi-babi yang dijangkiti penyakit ini telah selesai dan angkutan babi-babi dari satu tempat ke satu tempat boleh dibenarkan. Saya ingin tahu bahawa, bilakah babi ini yang dikatakan telah bebas dari virus boleh diangkut dari satu negeri ke satu negeri atau dari satu tempat iaitu dari Butterworth ke Pulau Pinang atau dari Pulau Pinang ke Butterworth. Sekarang tidak boleh, tetapi bila beliau sudah mengumumkan sudah bebas, bermakna tidak ada sakit lagi. Kalau tidak ada sakit mengapa masih perlu disekat dan bolehkah babi dari Pulau Pinang dihantar ke Selangor atau ke Perak atau ke Perlis?

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bagan. Sebagaimana telah saya jelaskan dahulu bahawa sehingga kini kita baru dapat membayar kepada 90 orang penternak sejumlah RM9,028,128 iaitu yang telah disahkan oleh jabatan. Jadi, kita sedang menunggu lagi iaitu baki kepada 946 orang penternak lagi dan saya jangka dalam masa yang singkat ini kita akan dapat segerakan.

Mengenai apakah ternakan yang lepas daripada virus ini boleh dipindahkan, sehingga kini Jabatan Haiwan sedang mengemas kini perangkaan dan buat masa ini kita tidak dapat membenarkan lagi kerana kita tidak boleh sahkan bahawa virus ini sudah selamat di seluruh negara. Jadi, sebab itu kita akan membenarkan, kalau kawasan A sahaja maka mungkin diberi kebenaran untuk digunakan di kawasan A. Untuk pemindahan kita tidak dapat lagi sebab pemutihan di seluruh negara belum dapat lagi dibuat.

Di samping itu, apa yang kita pohon itu sebenarnya bukan beli vaksin sepenuhnya. Cuma RM3,120,000 sahaja untuk pembelian vaksin, pembelian makanan RM101,000, pembelian peralatan, bahan kimia, kelengkapan penyelidikan RM1.499 juta dan perbelanjaan untuk tanggungan termasuk bayaran lebih masa, sugu hati dan sebagainya kepada pegawai-pegawai petugas sebanyak RM1.69 juta. Jadi, jumlah yang kita pohon RM7.5 juta itu sebagaimana yang saya katakan ialah perbelanjaan mengurus di Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Apa Yang Berhormat timbulkan tadi bahawa, adakah vaksin digunakan juga untuk Nipah virus. Sehingga ini saya difahamkan begitu tetapi saya bukan pakar.

Berbalik kita kepada....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Teluk Kemang.

Dr. L. Krishnan: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tentang vaksin yang kita beli memang vaksin untuk mengelakkan penyakit JE daripada babi. Bila kita dapat tahu bahawa ini bukanlah penyakit JE dan ini adalah virus Nipah yang terlibat, kita telah tidak meneruskan dengan vaksin ini. Saya ingin tahu daripada lebih RM3 juta yang digunakan untuk vaksin ini semua dos yang diterima, banyak tidak digunakan. Berapa banyak dos tidak digunakan dan adakah dos vaksin ini dimusnahkan atau dikembalikan ke negara-negara di mana kita beli vaksin ini.

Tentang bayaran kepada – ada penternak-penternak yang bersetuju untuk memusnahkan babi mereka sendiri di mana kerajaan memutus untuk bayar

RM3.00 atau RM5.00 seekor babi, adakah bayaran ini dijelaskan oleh kementerian Yang Berhormat dan jika ya, adakah bayaran ini telah dilakukan?

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Pengerusi, perangkaan yang diperlukan, saya minta notis sebab saya sendiri tidak ada simpan maklumat di sini. Tetapi walau bagaimanapun, yang saya jelaskan tadi bentuk bayaran ada dua, satu daripada tabung iaitu yang kita telah memungut RM52 juta, itu akan dibayar sebagai bayaran ehsan atau sagu hati, dan RM7.5 ini ialah budget daripada kerajaan yang kita pohon untuk membeli vaksin dan lain-lain belanja pengurusan.

Jadi, tentang masa depan industri penternakan babi memang kita beri jaminan sebagaimana yang dipohon oleh Yang Berhormat dari Tanjong bahawa sehingga ini kita menguatkuasakan dari segi kebersihan dan mana-mana yang telah dapat kita memperakukan kebersihannya maka industri akan diteruskan terutama dalam kawasan-kawasan yang telah kita jadikan ia sebagai integrated di bawah kerajaan-kerajaan negeri. Saya minta....

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Masa saya sudah tidak ada, rakan-rakan saya sedang menunggu. Saya minta maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Tetapi walau bagaimanapun, yakinlah Kerajaan Barisan Nasional tidak akan menganiayai mana-mana pihak. Malah kita menyedari industri ternakan babi adalah satu industri yang mempunyai potensi. Tinggal lagi peraturan keselamatan dan kebersihan itu yang kita tekankan supaya setiap penternak hendaklah mematuhi peraturan-peraturan. Saya harap virus yang datang ini adalah menjadi pengajaran kepada kita bersama, sama ada kepada pihak kementerian, sama ada pihak penternak dengan harapan kita dapat menuju masa depan kita.

Menyentuh tentang soalan Yang Berhormat bagi Tanjong Karang tadi, untuk pengetahuan Yang Berhormat memang kita ada Takaful Rumahku, iaitu

untuk skim perlindungan sehingga ini. Kita ada dua jenis rumah. Kalau pelan A bayarannya RM12.00 dan pelan B bayarannya RM18.00, yakni bayaran yang minimum. Oleh sebab itu, Bank Pertanian telah pun melibatkan diri untuk menolong. Tetapi mungkin Yang Berhormat perlu kempen lebih lagi diberi kepada penduduk kampung supaya apabila berlaku kebakaran maka ada insurans yang diperolehi ataupun yang diambil oleh penduduk-penduduk.

Tentang bayaran yang ditimbulkan supaya dibayar RM250 setiap ekor babi yang dimusnahkan, ini saya akan membawa kepada Jawatankuasa yang berkenaan. Ini terpulanglah kepada budibicara Jawatankuasa, bagaimana hendak ditimbang atau sebaliknya. Jadi, itu sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah perkara ini dibawa ke Kabinet, oleh kerana dalam kes di England, mad cow disease berapa billion pound dibayar, saya rasa supaya untuk kepentingan semua penternak tersebut dan ini patut menjadi satu contoh di mana sebuah caring government untuk membayar ganti rugi yang wajar, yang adil.

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, step yang pertama ialah kita kena bincang dahulu dalam Jawatankuasa Petugas ini, kalau Jawatankuasa Petugas mendapati bahawa ini perlu dibawa kepada Kabinet, maka jawatankuasa itu akan mengesyorkan dan kementerian akan menyediakan kertas Kabinet.

Jadi, itu sahaja yang dapat saya jawab untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya ucap sekali lagi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM26,500,000 untuk Maksud B.19 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM26,500,000 untuk Maksud B.19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.21 [Jadual] –

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.21 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong.

11.47 pagi

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya bangkitkan hal pemindahan kakitangan Bahagian Penguatkuasaan, kementerian berpindah dari Bahagian Kawalselia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian.

Sukalah saya bertanya di sini, bolehkah Yang Berhormat memberi ...*[Disampuk]* Tak ada orang, kalau tak ada macam mana kita boleh bincang?

Seorang Ahli: Boleh.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada. Sila teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Bolehkah?

Tuan Pengerusi: Ya, boleh, sila teruskan. Ya, biarlah, itu hal mereka, ya, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Hal mereka? Tetapi saya hendak jawapan yang tepat, persis dan jitu.

Tuan Pengerusi: Ya, ya, sila teruskan Yang Berhormat, masa Yang Berhormat berjalan ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Berjalankah itu, ya.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Masalah banyak, kerana pihak kementerian itu sekarang ini dipindahkan daripada Kementerian Pertanian, memang ia hendak bebas dari Kementerian Pertanian, kalau hendak bebas pun bolehkah memberitahu kita, di bangunan mana yang dipindahkan itu dan berapakah perbelanjaan untuk

bangunan itu dan dengan pindah kepada tempat yang baru, adakah keberkesanan penguatkuasaan bertambah. Ini memang satu perkara yang penting kerana kita nampak di dalam krisis ekonomi sekarang itu, kawalan harga itu walaupun ada tetapi tidak berapa berkesanlah sama ada daripada consumer index ataupun inflasi yang sebenarnya.

Ini bermakna, walaupun kita pindah bebas daripada Kementerian Pertanian kepada kementerian sendiri, segala tugas dan keberkesanan penguatkuasaan mesti ditambahkan lagi untuk kepentingan rakyat jelata.

Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bilangan pasukan Bahagian Penguatkuasa yang pindah daripada Kementerian Pertanian itu dan dengan perpindahan itu sejak 1 April 1999, apakah masalah yang timbul sehingga ada sesetengahnya itu tidak dapat menjalankan tugas yang betul.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

11.50 pagi

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, saya cuma hendak bertanya kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bahawa pekedai-pekedai runcit dikehendaki untuk menyimpan rekod-rekod perniagaan beras sehari mereka dan sama ada kementerian yang baru mengambil alih dari Kementerian Pertanian ini boleh menimbangkan, sebab masalah pengagihan beras di negara kita bukan satu masalah yang besar kerana negara kita tidak menghadapi shortage, dengan izin, bekalan beras ini dan ini adalah tidak adil kepada pekedai-pekedai kerana kedai runcit ada beratus-ratus jenis barang yang hendak dijual beli dan jikalau hendak membuang masa mereka untuk mencatat sekian banyak beras dibeli dan sekian banyak beras dijual pada hari itu, adalah satu tanggungjawab yang sangat berat kepada mereka dan jikalau mereka lalai atau mereka lupa berbuat demikian, maka mereka boleh didenda dan tindakan boleh diambil ke atas mereka.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

11.51 pagi

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai kementerian iaitu Ahli Yang Berhormat bagi Kepong dan bagi Bagan.

Mengenai peruntukan yang dipohon sebanyak RM7 juta adalah untuk membayar gaji dan emolumen bagi kakitangan-kakitangan yang dipindah daripada Perbadanan Padi dan Beras Negara ke Bahagian Penguatkuasa. Jadi tidak ada yang lain, tidak ada berkaitan dengan bangunan baru atau sewa baru dan sebagainya.

Peruntukan ini untuk menyerapkan kakitangan ini telah diberi option dan mereka telah memilih untuk diserapkan dalam Bahagian Penguatkuasa, angka yang tepat adalah 200 orang pegawai daripada Kementerian Pertanian telah diserapkan ke Bahagian Penguatkuasa dan menggunakan pegawai yang baru, kita akan membuka 16 cawangan yang baru bahagian penguatkuasaan di seluruh negara dan ini akan menambah keberkesanan kementerian dari segi penguatkuasaan. 16 cawangan ini adalah di Kuala Selangor, Sepang, Kuala Pilah, Port Dickson, Batu Pahat, Segamat, Besut, Kulim, Tapah, Gerik, Lahad Datu, Kudat, Keningau, Limbang, Sarikei dan Kapit. Inilah 16 buah cawangan yang terlibat.

Mengenai indeks harga pengguna itu, suka saya menjelaskan bahawa bagi tahun ini indeks harga pengguna adalah di paras yang rendah iaitu 3%, jika dibandingkan dengan tahun lalu di mana CPI telah meningkat sehingga 5%.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya hendak ucapkan terima kasih kerana satu cawangan baru itu akan ditubuhkan di Kuala Selangor di mana termasuk juga dalam Parlimen Tanjong Karang.

Saya hendak mendapat penjelasan, adakah kakitangan yang sedia ada walaupun kita serap seramai 200 orang yang baru ini, masih mencukupi untuk kita memastikan bahawa harga-harga barang ini tidak mudah dinaikkan, kerana saya rasa supermarket yang besar ini, kita tidak bimbang, yang kita bimbangkan ini ialah kedai-kedai di luar-luar bandar yang sudah tentu sukar untuk penguatkuasa sampai.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Jadi, saya hendak bertanya, adakah pihak kementerian bercadang untuk menubuhkan sebuah unit bantuan seperti kalau kita lihat polis di bawah Kementerian Dalam Negeri ada RELA, third layer untuk memberikan bantuan kepada pihak polis.

Jadi bahagian penguatkuasa di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini adalah bercadang untuk memikirkan, boleh jadi kita beri kepada JKKK atau satu pasukan yang sekurang-kurangnya ada authoriti untuk membantu penguatkuasa di bawah kementerian ini.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Pengerusi, seperti yang saya jelaskan, CPI telah pun mencatatkan penurunan daripada awal tahun ini, maka pihak kementerian akan terus memantau harga barang-barang.

Mengenai rekod yang perlu disimpan oleh peniaga runcit, ini adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan oleh kerana beras merupakan barang kawalan dan satu bekalan penting yang perlu dikawal dari segi stok yang ada dan juga keperluan rakyat kita. Maka rekod ini telah dimula dan kementerian telah meneliti perkara ini dan kita mendapati bahawa perkara ini masih diperlukan dan peniaga-peniaga hendaklah memenuhi rekod tentang stok beras yang ada dan yang dijual kepada siapa dan sebagainya.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong Karang, walaupun pegawainya sehingga sekarang pun dari segi

keberkesanan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna puas hati, kita bukan menjalankan penguatkuasaan di bandar sahaja, kita menjalankan penguatkuasa di luar bandar termasuk ladang-ladang, kampung tradisional, kampung baru dan bandar-bandar. Angka-angka yang tepat saya tidak bawa, tetapi setiap hari pegawai-pegawai penguatkuasa menjalankan kawalan dan penguatkuasaan terhadap peniaga-peniaga, tetapi itu bukan bererti tidak 100% kita berjaya, fasal kadangkala kita tidak mendapat maklumat, kita tidak dapat aduan daripada pengguna yang ditipu dan sebagainya, tetapi penguatkuasaan kita puas hati dan penambahan 16 pejabat baru dan kakitangan 200 lebih orang yang diserapkan, ini juga akan menyumbang untuk meningkatkan taraf ataupun penguatkuasaan di seluruh negara.

Jadi, buat masa sekarang, RELA itu dari segi keselamatan dan ketenteraman, ia cuma tanpa kuasa polis tetapi bolehlah dengan kerjasama daripada rakyat biasa, dia boleh mengawal keadaan, itu RELA berjaya, tetapi dalam perniagaan ini kalau ditubuhkan pasukan mana pun, kalau tanpa penurunan kuasa yang hanya boleh diturunkan kepada pegawai-pegawai penguatkuasa, tidak akan ada apa-apa kesan.

Oleh kerana itu kita ada badan-badan seperti Majlis Pengguna, badan-badan sukarela, FOMCA dan lain-lain yang bergerak dengan bantuan dari kementerian ataupun dengan kuasa sendiri untuk mendidik pengguna dalam negara kita dengan maklumat-maklumat kepenggunaan. Oleh kerana kalau pengguna bijak dan bekerjasama, kita boleh juga mengatasi penipuan dan mengurangkan kes-kes di mana kita perlu mengambil tindakan.

Jadi, buat masa sekarang, tidak ada cadangan untuk menubuhkan mana-mana satu unit bantuan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong Karang.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada yang bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Saya minta jawab soalan saya.

Dato' S. Subramaniam: Ahli Yang Berhormat tadi keluarkah? Saya sudah jawab. Rekod itu saya sudah jawab. Ahli Yang Berhormat saya fikir mungkin keluar.

Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang peruntukan RM7 juta yang dibangkitkan, yang dipohon oleh kementerian dan saya telah pun menjelaskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM7,000,000 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM7,000,000 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.25 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Bekalan B.25 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Ya, sila Bagan.

12.00 tgh.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, Maksud B.25 Kepala kecil 3 iaitu diminta RM754,900 untuk membiayai pemberian 'alat reader' untuk tujuan penguatkuasaan pemasangan kotak hitam ke atas kenderaan lori ATM.

Tuan Pengerusi, dalam sesi soal jawab, saya mendapat satu jawapan bahawa kenderaan-kenderaan swasta iaitu bas ekspres dan bas pesiaran telah

diberi tempoh kelonggaran atau tidak wajib memasang kotak hitam pada masa sekarang. Alasan yang diberi oleh kerajaan adalah kerana ekonomi merosot. Kerajaan belum menetapkan satu hari yang muktamad untuk kenderaan swasta ini memasang kotak hitam dan mengapa pada masa ini bukan sahaja Kementerian Pertahanan dan kementerian-kementerian yang berikutan juga ada peruntukan untuk memasang kotak hitam ini.

Tuan Pengerusi, kita masih ingat beberapa tahun dahulu, Kementerian Pengangkutan ada mewajibkan lori-lori berat memasang satu alat mengesan had laju di atas kepala lori itu dan pada masa itu pengusaha-pengusaha lori di seluruh negara telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memasang alat itu tetapi akhirnya

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat....

Tuan Lim Hock Seng:dasar ini tidak, saya ambil contoh sahaja. Dasar ini iaitu pemasangan alat ini tidak dikuatkuasakan sehingga hari ini. Mungkin pada satu hari kerajaan tidak akan menguatkuasakan pemasangan kotak hitam di semua kenderaan. Jadi, mengapa pada masa ini kerajaan boleh membenarkan pihak swasta untuk tidak memasang tetapi semua kenderaan kerajaan diperlukan memasang kotak hitam ini.

Satu lagi soalan iaitu kotak hitam ini sekarang diedar dan dipasang oleh Delcom Sdn. Bhd. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pertahanan sama ada memasang kotak hitam ke atas kenderaan lori ATM ini dibuka secara tender kepada semua syarikat untuk memasang kotak hitam ini kerana pada pendapat kami di sini ialah kalau negara kita ini cuma ada satu ejen atau satu ejensi sahaja iaitu Delcom Sdn. Bhd. untuk memasang kotak hitam ini, maka kos atau perbelanjaannya mungkin akan tinggi kerana ia dimonopoli.

Bolehkah Yang Berhormat, bukan sahaja Kementerian Pertahanan sahaja tetapi lain-lain kementerian juga mengambil satu langkah di mana pemasangan

kotak hitam ini boleh dibuka kepada semua syarikat untuk menawar tender mereka. Mungkin dari sana kita akan dapat satu pelaksanaan pemasangan kotak hitam yang lebih bermutu dan mungkin lebih murah lagi. Ini adalah satu penjimatan untuk perbelanjaan negara kita. Sekian sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila jawab.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada lagi? Ya, Kuala Pilah.

12.04 tgh.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya ada beberapa perkara hendak dibahaskan dalam Kementerian Pertahanan ini di bawah Maksud B.25.

Pertama sekali, kita memang tahu bahawa Kementerian Pertahanan mempunyai kepakaran-kepakaran yang cukup dari semua aspek, juga dalam pembinaan apa-apa sahaja bangunan. Dalam hal ini, izinkan saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini untuk mengetahui kedudukan Projek Pusat Latihan Rekrut yang didapati mengalami masalah besar ekoran daripada perbuatan kontraktor yang membina bangunan itu hingga menyebabkan kerugian yang amat besar kepada negara.

Apakah tindakan untuk menentukan di masa-masa akan datang projek-projek serupa ini, yang besar dan menelan belanja ratusan bilion ringgit, oleh Kementerian Pertahanan untuk membina pusat yang begitu penting untuk menentukan program-program tidak terbengkalai dan terjejas. Dalam konteks ini apakah tindakan yang telah diambil setakat ini. Saya mendapat tahu mengikut laporan akhbar, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan begitu peka dan prihatin, saya ucapkan syabas tetapi setakat ini apakah tindakan yang diambil terhadap kontraktor itu kerana dalam satu-satu perjanjian untuk pembinaan

(building contract) biasanya, tanggungjawab ataupun liabiliti yang dikenakan kepada kontraktor mesti ada dan adakah tindakan begitu serius diambil sebagai satu tindakan di masa-masa hadapan tidak berlaku lagi, satu-satu bentuk pengajaran kepada kontraktor yang tidak bertanggungjawab ini.

Tuan Pengerusi, yang kedua, saya hendak bertanya juga bahawa Kementerian Pertahanan ini banyak tanah. Tanah-tanah yang begitu strategik, contohnya dalam bandar Kuala Lumpur sahaja, Batu Kantomen dan juga di kawasan Setapak umpamanya. Ada juga ura-ura kawasan ini akan diswastakan dalam bentuk penswastaaan dan sebagainya dan apakah tindakan ataupun perancangan secara khusus dan lebih bertanggungjawab diambil oleh kerajaan untuk menentukan bahawa Kementerian Pertahanan mendapat pulangan, compensation, dengan izin, yang setimpal kerana apabila diswastakan, pihak swasta ini biasanya memandang dari segi keuntungan tanpa mengira apakah kebaikan, yakni saya percaya apabila perkara ini dirujuk kepada EPU (Economic Planning Unit) dan di sini ada juga rungutan-rungutan, ini saya dengar tetapi saya harap tidak betullah, bahawa apabila sampai ke peringkat EPU dan sebagainya mereka ini boleh berunding dan sebagainya dan dari segi ketelusan dan kepakaran, contohnya juga di kawasan-kawasan Johor, di kawasan Negeri Sembilan, adanya kawasan-kawasan di tepi laut, sea frontage yang begitu strategik dan bernilai tinggi.

Apakah bentuk sebagai balasan kawasan-kawasan untuk menghadapi pusat tentera di millennium ataupun di alaf yang akan datang. Adakah semua ini diambil kira dengan penuh tanggungjawab dan terperinci dari segi dollar and centnya. Dalam erti kata yang ringkasnya, apabila ada perubahan ataupun usaha-usaha hendak mengambil tanah itu, apakah tindakan untuk menentukan pihak Kementerian Pertahanan ini mendapat tempat ataupun balasan yang begitu baik kepada kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Batang Lupar, last, selepas itu kementerian akan menjawab.

12.08 tgh.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja, dua soalan mengenai kotak hitam. Kalau kita hendak memasang kotak hitam – oleh kerana kita takut kereta ini jalan laju supaya kita tahu yang pemandu itu akan berjaga-jaga. Jadi, persoalan saya, pada tahun 1997 dan 1998 berapakah tuntutan kepada kerajaan atas kemalangan jalan raya yang melibatkan kereta askar ataupun ATM ini. Berapakah tuntutan dibuat kepada kerajaan oleh kerana kemalangan yang memerlukan kita memasang kotak hitam ini di kenderaan Angkatan Tentera.

Kalau tuntutan ini lebih kecil daripada kos yang kita hendak pasang kotak hitam ini, tidakkah mencukupi dengan memberi disiplin sahaja kepada pemandu-pemandu tentera daripada memasang kotak hitam kerana tindakan disiplin ini lebih kukuh daripada kotak hitam. Jadi, itu sahaja persoalan saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila jawab.

12.10 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Pengerusi, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Pertamanya, mengenai Yang Berhormat bagi Bagan yang menyatakan bahawa dahulu kita ada satu lampu kuning yang diletakkan di kepala lori kenderaan-kenderaan berat dan sekarang mengapa tidak ada dan sebagainya. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bahawa kita hendakkan semua kenderaan berat, kalau boleh, kemalangannya sifar,

itu kalau boleh. Jadi, oleh kerana itu, semua kenderaan berat hak milik kerajaan telah hampir siap dipasang dengan kotak hitam dan pada dasarnya ATM meletakkan sasaran kemalangan sifar dan percaya pencapaian ini akan diperolehi memandangkan ATM adalah sebuah organisasi yang patuh kepada undang-undang dan disiplin. Ini juga menjawab soalan daripada Yang Berhormat tadi.

Yang keduanya, pada ketika ini ATM mempunyai sejumlah 8,500 buah kenderaan dan kes kemalangan yang melibatkan kenderaan ATM pada tahun 1998 adalah rendah berbanding dengan tahun 1997 iaitu perbezaannya sebanyak 43.5% manakala jumlah anggota yang cedera pada tahun 1998 juga menurun sebanyak 45.3% berbanding tahun 1997. Jadi, kalau dilihatkan jumlah kemalangan di Malaysia pada tahun 1997 ialah sebanyak 219,632 orang, ATM cuma 237 orang sahaja dan kalau jumlah kematian hasil daripada kemalangan itu di Malaysia keseluruhannya ialah 6,302; ATM cuma 5 orang sahaja yang meninggal dan kalau kecederaan di Malaysia keseluruhannya 50,272; ATM yang menghadapi kecederaan hanya 117 orang.

Begitu juga tahun 1998, kemalangan keseluruhan Malaysia ialah 210,964 kemalangan, ATM cuma 134 sahaja dan kalau tengok jumlah kematian pada tahun 1998 seramai 5,744 seluruh Malaysia, ATM cuma 5 orang sahaja dan kecederaan di seluruh Malaysia ialah 49,963 dan ATM cuma 64 orang. Jadi, semua kenderaan ini, sebanyak 8,500 buah kenderaan ATM telah hampir siap diletakkan kotak hitam. Jadi, pihak swasta seperti bas ekspres, bas pesiaran masih belum lagi diletakkan kotak hitam sebagaimana kata Yang Berhormat bagi Bagan tadi tetapi wajib diletakkan tetapi oleh kerana kemerosotan ekonomi, rayuan telah dibuat oleh Persatuan Bas Ekspres dan sebagainya, maka tarikh itu ditunda tetapi ia tidak dihapuskan.

Sekarang semua pemeriksaan berkala bas-bas di PUSPAKOM harus mempunyai kotak hitam. Dahulu kita ada lampu kuning, kata Yang Berhormat bagi Bagan, dipasang di atas bumbung kenderaan berat dan dianggap tidak tepat

sebab ianya senang dan sentiasa diubah suai, di'temper' oleh pengusaha dan pemandu lori. Jadi, cadangan ini dibuat oleh Kementerian Kerja Raya dan bukan oleh Kementerian Pengangkutan.

Delcom Sdn. Bhd. diberikan kontrak untuk memasang kotak hitam ini kepada semua kenderaan kerajaan oleh Kabinet sebab syarikat ini telah melabur berjuta-juta ringgit untuk membuat research dan mencipta satu sistem pengeluaran Malaysia dengan gabungan teknologi luar negara. Jadi, kerajaan sedang menggalakkan syarikat negara kita membuat R&D ini. Jadi, oleh kerana itu apa yang dibuat oleh kerajaan ialah untuk memberi kontrak kepada Syarikat Delcom Sdn. Bhd. ini dan memasang kepada semua kenderaan kerajaan dan dengan cara itu ia dapat menurunkan harga.

Yang Berhormat bagi Kuala Pilah telah menanyakan mengenai pusat latihan Pularek walaupun tidak ada dalam Maksud ini tetapi soalan ini tidaklah begitu tepat dengan peruntukan yang diminta. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertahanan mengambil maklum dan persoalan itu akan dikemukakan secara bertulis kerana sekarang ini masalah yang dibangkitkan mengenai Pularek ini sedang dalam kajian oleh kementerian dan Kementerian Kerja Raya.

Mengenai tanah, ini adalah merupakan satu andaian bahawa tanah-tanah di bandar akan dibangunkan oleh pihak swasta dan kemungkinan kementerian-kementerian di bandar ini akan dipindahkan. Jadi, saya tidak dapat menjawab soalan andaian ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM49,302,500 untuk Maksud B.25 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM49,302,500 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.26 [Jadual] –

Maksud P.26 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1999] –

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Bekalan B.26 dan Kepala Pembangunan P.26 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Tanjong.

12.15 tgh.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, saya sebut Maksud P.26, Kementerian Pendidikan, Butiran Projek 03600 – Program Sistem Komputer. Baru-baru ini rakyat Malaysia mendapat perasaan yang sungguh baik kerana media masa tempatan telah mengheboh-hebohkan, pujian-pujian para ahli panel Penasihat Antarabangsa MSC bahawa MSC berada di tempat ke hadapan dari pusat-pusat sama jenis seperti Singapore One di Singapura dan Cyber Port di Hong Kong.

Semasa membuka Universiti Multimedia di Cyberjaya minggu lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata Malaysia memerlukan perubahan yang radikal ke atas outlook pendidikannya demi mendapat kebaikan dari kuasa penuh modal teknologi dan intelektual untuk membawa kepada pertumbuhan berkekalan. Beliau mendakwa bahawa negara ini telah memulakan perubahan pendidikan pada peringkat akar umbi dengan memulakan aplikasi flagship sekolah bestari MSC dan bagaimana perlunya untuk melanjutkan ke peringkat atasan kepada pendidikan tinggi dengan Universiti Multimedia sebagai peneraju usaha ini.

Persoalannya, adakah Malaysia benar-benar telah memulakan perubahan pendidikan pada peringkat akar umbinya sehingga pembukaan rasmi ‘blue print’ Konsep Sekolah Bestari Malaysia bagi 90 buah sekolah awal tahun ini. Rakyat Malaysia telah diberitahu bahawa sekolah-sekolah bestari negara ini akan dibekalkan dengan bilangan komputer yang secukupnya untuk membolehkan proses pembelajaran yang berbeza diadakan. Bagaimanapun, apabila sekolah ini

dibuka pada awal bulan Januari ini Kementerian Pendidikan mengumumkan bahawa kerajaan masih belum bersedia lagi untuk melaksanakan sepenuhnya Konsep Sekolah Bestari kerana 90 buah sekolah percubaan berkenaan masih belum dilengkapi dengan infrastruktur dan perisian yang sesuai.

Pada masa yang sama kementerian berkenaan telah membelanjakan RM53 juta untuk bahagian teknologi pendidikannya mengeluarkan perisian pendidikan multimedia sementara atau interim yang akan digunakan sementara kontrak dengan konsortium dapat dirunding dan diselesaikan. Pada masa itu, para pegawai dan guru-guru besar sekolah mula bercakap-cakap mengenai rancangan sekolah bestari yang dilaksanakan dengan atau tanpa memerlukan komputer 'smart schools without computers', atas alasan bahawa penekanannya adalah atas pembangunan skills analytical dan kreatif serta fokusnya adalah atas mencipta budaya pendidikan dan pembelajaran bestari dengan atau tanpa komputer. Sekiranya konsep sekolah bestari boleh dilaksanakan di sekolah-sekolah yang tidak dilengkapi dengan komputer, jadi apakah sebab ia digantikan sebagai salah satu operasi 'flagship' MSC dan mengapakah konsep sekolah bestari ini terhad kepada 90 buah sekolah sahaja dan bukannya dilanjutkan kepada kesemua 9,000 buah sekolah di negara ini.

Memandangkan pelaksanaan aplikasi 'flagship' sekolah bestari yang sepenuhnya telah diasaskan, disasarkan pada tahun 2010, maka bolehkah Malaysia mendakwa bahawa ia mendahului pusat-pusat IT lain di rantau ini dalam menyediakan negara ini menghadapi lonjakan besar ke arah ekonomi berasaskan ilmu.

Kita harus membuat perbandingan kemajuan yang telah dicapai oleh lain-lain negara dalam persediaan mereka ke arah ekonomi berasaskan ilmu. Singapura memiliki 'master plan' pendidikan IT untuk mencipta suasana pengajaran dan pembelajaran berasaskan IT di setiap sekolah mulai daripada pendidikan tahun pertama. Kesemua sekolah rendah dan menengahnya telah

dilengkapi dengan komputer yang disambung ke Internet. Untuk sekolah-sekolah nisbah pelajar berbanding komputer adalah 5:1. Untuk sekolah-sekolah rendah, perbandingan adalah 7:1. Kebanyakan tadika di Singapura telah mula mengajar kanak-kanak mereka menerusi interaksi permainan komputer yang mudah. Sasaran 'master plan' pendidikan IT di Singapura adalah menambahkan penggunaan 'hands-on computer' para pelajar ke tahap 30% masa kurikulum sampai tahun 2002.

Untuk mencapai sasaran ini, maka setiap dua orang pelajar di Singapura perlu dibekalkan dengan satu komputer. Masa ini satu daripada dua orang guru di Singapura telah dibekalkan dengan computer notebook. Setiap guru mempunyai akaun e-mail sendiri, setiap guru mendapat pinjaman 20% untuk membeli komputer mereka sendiri. Guru-guru adalah diharapkan akan menggunakan komputer untuk menyediakan bahan-bahan pengajaran mereka, memeriksa kerja-kerja rumah pelajar serta berkomunikasi dengan pelajar-pelajarnya.

Bagaimanakah 'master plan' pendidikan IT Malaysia berbanding dengan apa yang diadakan di Singapura? Kita melaksanakan 'master plan' sekolah bestari di 90 buah sekolah terpilih dengan atau tanpa komputer. Kita masih ada lebih kurang 2,000 buah sekolah yang masih tidak dibekalkan dengan elektrik dan jangan disoal sama ada mereka ini telah disambungkan ke Internet dan saya dapati ada komputer-komputer disimpan sahaja oleh kerana tidak ada elektrik.

Di dalam keadaan ini adalah lebih baik bagi rakyat Malaysia supaya menjadi lebih realistik dan jangan berangan-angan kosong dan percaya bahawa Malaysia memang berada di baris hadapan teknologi maklumat atau telah berada atas landasan menjadi sebuah masyarakat bermaklumat dan berilmu. Saya harap Yang Berhormat nanti boleh memberikan bagaimana skim Smart School ini boleh dipanjangkan kepada semua 9,000 buah sekolah dengan atau tanpa komputer.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Arau.
1221 tgh.

Tuan Haji Hashim bin Jasin [Arau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap untuk Maksud P.26 Kementerian Pendidikan, Butiran Projek 03600 – Program Sistem Komputer. Apa yang ingin saya mendapatkan penjelasan ialah adakah peruntukan tambahan yang dipohonkan ini termasuk juga sekolah-sekolah agama rakyat yang akan diambil alih oleh kementerian dan seterusnya akan dibekalkan dengan komputer-komputer.

Butiran 04500 – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), peruntukan tambahan sebanyak RM354 juta adalah dikehendaki untuk melaksanakan peranan tambahan. Apa yang ingin saya mendapat penjelasan ialah ada berita yang menyebut bahawa ramai pelajar yang menarik balik tawaran untuk mendaftar di pusat-pusat Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta akibat daripada ketidakcukupan dan tidak mampu keluarga untuk membayar yuran yang dikehendaki. Apakah pihak kementerian tidak boleh dalam soal hendak membantu ini mengenali dahulu pelajar-pelajar yang tidak mampu ini supaya perkara menarik balik atau menolak permohonan itu tidak berlaku? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Serdang.
12.24 tgh.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh Butiran 03600 – Program Sistem Komputer. Berkenaan dengan komputer, Kementerian Pendidikan di mana kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah mengenal pasti 333 buah sekolah di seluruh Malaysia untuk membekalkan sepuluh buah komputer setiap sekolah.

Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak kementerian cara mana untuk memilih atau apakah kriteria kepada 333 buah sekolah itu dipilih untuk membekalkan komputer tersebut? Adakah pihak kementerian akan melanjutkan setiap tahun untuk memilih lagi sekolah-sekolah yang berkelayakan untuk membekalkan komputer dalam makmal komputer tersebut supaya sekolah-sekolah

yang tertentu dapat menikmati faedah dan langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mempertingkatkan lagi IT di sekolah tersebut.

Berkenaan dengan Program Sekolah Bestari di mana kementerian telah mengenal pasti 90 buah sekolah sebagai sekolah bestari pada tahun 2000. Saya rasa 90 buah sekolah yang bertuah dapat diambil sebagai percubaan daripada kementerian untuk dijadikan sekolah bestari. Tetapi saya rasa di dalam kawasan lingkungan MSC di mana kawasan Serdang merupakan di dalam lingkungan MSC, sekolah-sekolah di kawasan Serdang patutnya diberi keutamaan supaya sekolah-sekolah di situ dilengkapi dengan komputer dan IT selaras dengan dasar kerajaan dan MSC di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya membangkitkan perkara ini kerana tidak ada sebuah sekolah pun di antara sepuluh buah sekolah yang dipilih sebagai sekolah bestari dari kawasan Serdang. Kawasan Serdang merupakan kawasan lingkungan MSC yang sepatutnya diberi keutamaan, di mana sekolah-sekolah di dalam kawasan saya ini dapat menikmati sekolah bestari supaya murid-murid akan lebih tahu menggunakan komputer di masa-masa yang akan datang.

Saya meminta penjelasan, selain daripada 90 buah sekolah yang dikenal pasti sebagai sekolah bestari pada tahun 2000, maka setiap tahun yang akan datang seperti tahun 2001, 2002 berapa buah sekolahkah yang akan dikenal pasti sebagai sekolah bestari? Adakah sekolah-sekolah di kawasan Serdang di mana berada di dalam lingkungan MSC ini akan diberi keutamaan? Adakah pihak kementerian berhasrat untuk menaikkan taraf IT di sekolah-sekolah di kawasan Serdang ini yang merupakan satu langkah utama selaras dengan dasar kerajaan melancarkan MSC di kawasan tersebut?

Dengan demikian, saya minta penjelasan daripada pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Larut.
12.26 tgh.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]: Tuan Pengerusi, saya hendak membangkitkan dua, tiga perkara di sini iaitu berhubung dengan Maksud B.26 Kementerian Pendidikan, Butiran 24000 – Universiti Islam Antarabangsa.

Sebagaimana yang diketahui semasa Universiti Islam Antarabangsa ditubuhkan dahulu, banyak negara yang bersetuju untuk membuat sumbangan kepada universiti ini. Bolehkah saya tahu sama ada mereka masih membuat sumbangan ataupun negara kita sahaja yang menanggung pembiayaan universiti itu dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mendapat pembiayaan daripada mereka sekiranya mereka tidak langsung membantu dalam usaha ini?

Kedua, berapakah perbelanjaan yang sudah dikenakan sejak penubuhan dan pemindahan ke kampus baru di Gombak. Berapakah tempat-tempat yang diberi kepada penuntut-penuntut dari luar negeri, dan akhirnya sila beritahu negara-negara manakah yang mengiktiraf ijazah yang dikeluarkan oleh Universiti Islam Antarabangsa dan siapakah tenaga pengajar selain daripada tenaga pengajar local, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sri Aman.
12.28 tgh.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Maksud B.26 – Kementerian Pendidikan. Tiga cadangan saya di sini.

Pertama, dalam Program Sekolah Bestari ini, saya harap lebih banyak lagi sekolah di luar bandar dan sekolah di bahagian pedalaman dikenal pasti sebagai sekolah bestari. Oleh kerana kalau kita lihat daripada keputusan peperiksaan banyak sekolah di luar bandar tidak kurang hebatnya daripada sekolah-sekolah di bandar dan saya minta taburan sekolah yang dikenal pasti ini dengan mengambil kira sekolah-sekolah yang di pedalaman.

Kedua, apabila sekolah ini nanti dibekalkan dengan komputer, saya minta ada fleksibiliti dalam pengendalian, pembaikan, pembelian 'spareparts', dengan

izin, 'servicing, repair and the purchase of the spareparts'. Oleh kerana mengikut pengalaman saya sendiri, selepas pembekal itu memasang komputer memang ada sesuatu yang tidak betul, mungkin cikgu itu belum begitu pakar, mungkin murid-murid itu salah tekan butang, sini, sana dan komputer itu mungkin 'jammed'. Jadi, mereka tidak tahu ataupun mereka menunggu pembekal yang sah itu datang dari Kuala Lumpur, kadang-kadang sampai tiga hingga empat bulan komputer itu menjadi 'white elephant' sahaja.

Jadi, penyakit ini selalu berlaku di pedalaman di Sarawak dan murid-murid membazirkan masa, apabila kelas komputer mereka masuk ke kelas komputer tetapi komputer itu tidak boleh digunakan, oleh kerana menunggu pegawai-pegawai datang dari Kuala Lumpur. Ini adalah satu perkara yang serius yang saya nampak pernah terjadi apabila kita membekalkan komputer dari Kuala Lumpur.

Yang seterusnya, saya minta peruntukan khas diberi kepada program pendidikan komputer di sekolah-sekolah yang seperti ini supaya guru-guru dan murid-murid ada diberi ruang untuk bertindak dengan selesa oleh kerana kadang-kadang mereka hendak membeli peripheral, dengan izin, untuk komputer itu tetapi peruntukan untuk sekolah memang begitu terhad dan kadang-kadang tidak ada peruntukan untuk pembelian yang seperti ini dan pendidikan komputer mereka terjejas dan kadang-kadang pengetua ataupun guru besar juga tidak dapat mencari wang untuk membantu mereka. Oleh kerana itu saya minta di setiap sekolah yang dibekalkan dengan komputer kita beri satu pecahan kepala bagi pembelian khas untuk membantu pengajaran ini. Sekian, terima kasih. **Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya ingat satu lagi. Minta maaf Yang Berhormat. Senai.

12.32 tgh.

Datuk Lim Si Cheng [Senai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada B.26. Jadi, perkara-perkara yang ingin saya bangkitkan adalah berkaitan dengan sekolah bestari. Dari segi pembekalan software kualiti bahan

pengajaran akan menjamin kejayaan Sekolah Bestari. Jadi, saya ingin bertanya siapakah yang layak untuk mengawal kualiti software, adakah mereka terdiri daripada ahli pendidik ataupun peniaga yang mementingkan keuntungan? Isu kandungan software amat penting. Adalah diharapkan pihak bertanggungjawab akan memastikan ia sesuai ataupun sejajar dengan kurikulum dan falsafah pendidikan negara.

Tuan Pengerusi, kos untuk sesuatu modul boleh dikatakan tinggi. Jadi, didapati pembekalan modul kepada sekolah bestari adalah lambat dan ini mengakibatkan guru tidak dapat menerima modul baru tepat pada masanya. Ini sudah tentu akan menjejaskan pengajaran akhirnya dikuasai oleh pihak swasta.

Tuan Pengerusi, dari segi fizikal ruang kelas ataupun bilik darjah bagi sekolah-sekolah yang sedia ada adalah terlalu sempit untuk meletakkan komputer kerana bilik darjah yang direka dahulu adalah bukan untuk kelas bestari.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya ingin minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat. Memang kita sebagai wakil rakyat kita memohon sebaiknya untuk pelajar-pelajar kita sama ada komputer, kelas, guru, tenaga pelajar dan sebagainya, tetapi adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kementerian juga supaya moral perlu dipertingkatkan iaitu moral tenaga pengajar, guru-guru dan juga moral pelajar-pelajar kerana bagi saya

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Butiran ini berkaitan dengan komputer.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya, komputer.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Bagi saya walaupun kita ada sistem komputer sekarang, sistem yang canggih pada hari ini mungkin sistem ini disalahgunakan oleh pelajar-pelajar dan ini akan merosakkan kestabilan politik negara kerana pelajar-pelajar sekarang ini telah diperalatkan dengan melalui sistem komunikasi yang canggih. Jadi, adakah Yang Berhormat ingin menekankan seberapa bestarinya sekolah itu kalau moral pelajar-pelajar ini tidak dikawal maka tidak ada erti kita berbelanja berbilion-bilion ringgit untuk pendidikan sedangkan kita akan mendapat manusia yang tidak bertanggungjawab di masa akan datang. Terima kasih.

Datuk Lim Si Cheng: Terima kasih, saya memang bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Yan. Itu sebab tadi saya cadangkan supaya segala kawalan perlu dijalankan dengan rapi, terima kasih.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya program untuk memperbaiki atau memperluaskan ruang kelas yang sedia ada perlu dijalankan supaya semasa program bestari diadakan tidak akan menghadapi masalah. Bagi memastikan program bestari akan dapat dijalankan dengan licin dan lancar, perlu kita ambil tindakan mulai sekarang.

Tuan Pengerusi, struktur bangunan sekolah mesti diubahsuai seperti menyediakan ruang yang lebih luas dan power point yang mencukupi. Dari segi pendidikan guru, kursus latihan komputer untuk guru perlu dipertingkatkan. Kini latihan komputer untuk guru memang terhad, bukan semua guru dapat peluang berlatih. Adakah dengan adanya sekolah bestari akan membebankan kerja guru yang sibuk. Jadi, satu kajian perlu dijalankan dan juga cara menyelesaikan masalah yang akan dihadapi perlu dikaji pada masa sekarang.

Jadi, dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta kementerian menjawab. Minta maaf Yang Berhormat kerana tidak ada masa. Ya, sila jawab.

12.26 tgh.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan atas peruntukan kementerian ini pada peringkat Jawatankuasa ini.

Saya hendak mula dengan mengatakan kepada Yang Berhormat bagi Tanjong bahawa kerajaan tidak berangan-angan kosong dalam soal hendak mempertingkatkan mutu pendidikan yang diberikan kepada anak bangsa kita. Dalilnya, sejak penghujung tahun 1980-an lagi, Kementerian Pendidikan telah pun mengambil langkah-langkah untuk mula memperkenalkan soal celik komputer ini di sekolah-sekolah. Oleh kerana perkara ini baru, maka kita pilih 333 buah sekolah yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Serdang tadi. Pemilihan itu dibuat berdasarkan kepada agihan yang kita fikirkan wajar. Hendak beri semua, tidak mungkin pasal ini benda baru. Yang Berhormat Arau pun setuju itu. Jadi, kita kena cermatlah, hendak cuba.

Di bawah program ini yang kita panggil pendidikan melalui komputer, maka kita mula memperkenalkan kepada murid-murid kita, pelajar-pelajar kita tentang cara-cara belajar dengan menggunakan komputer ini. Bertolak daripada situlah kita nampak masalah-masalahnya, yang pertama sekali ialah soal infrastruktur, kemudahan-kemudahan asas macam Yang Berhormat bagi Tanjong selalu sebut soal bekalan elektrik, kita maklum, memang benar ada 2000 lagi sekolah yang belum mendapat bekalan elektrik yang sempurna - betul, tetapi kita tidak biarkan. Nanti dulu, belum habis ini.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun pula.

Tuan Lim Kit Siang: Saya telah berkali-kali timbulkan masalah ini bagaimana kita mahu satu IT tanpa electricity, satu masyarakat IT tanpa electricity

dan bagaimana kita boleh ada satu rancangan Sekolah Bestari tanpa komputer. Ada satu target, saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah jawab kepada saya bahawa kerajaan ada target, tahun 2000 semua sekolah akan dibekalkan dengan electricity. Adakah on target atau nampaknya mahu ada lima tahun lagi atau tahun 2020 baru boleh sampai target itu?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, itu sebabnya saya suka cakap terus terang. Kita tidak biarkan, seperti saya sudah maklumkan kepada Yang Berhormat bagi Tanjong, ada langkah-langkah yang telah kita ambil tetapi Yang Berhormat pun kena faham. Ini sekolah yang 2000 ini yang kita 'categorise'kan sebagai sekolah-sekolah yang kurang murid ini, yang muridnya 150 ke bawah, yang duduk dekat ceruk-ceruk, kawasan pedalaman. Tetapi kita ambil tindakan secara beransur-ansur. Kita bekalkan ini dengan generator, selepas itu kita tambah lagi dan akhirnya besok bila sudah ada kemampuan kerajaan untuk menyediakan kemudahan itu, kita buatlah, Yang Berhormat. Kita tidak lupalah, kita Barisan tidak lupa

Tuan Lim Kit Siang: Bila? Bila, tahun 2020? Adakah tahun 2020?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Nantilah sekejap, nakallah, nakal ini, jahat. *[Ketawa]* Tetapi saya tidak ada masalah.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau saya jahat, saya akan gantikan dengan tahun 3030. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Sudahlah, baiklah, Yang Berhormat. Jadi, saya hendak cuba terangkan yang kita tidak pernah lupa tambahan cuai, kita tidak cuai. Kita cari jalanlah. Jadi, yang saya hendak terus kata ini, bertolak daripada Program Komputer Dalam Pendidikan (PKDP) tadi, langkah yang kedua yang kita ambil ialah untuk memulakan atau memperkenalkan sekolah bestari ini pula.

Ini lagi memerlukan penelitian sebab kita tidak mampu untuk membuat kesilapan dalam soal hendak memberikan ilmu dan pengetahuan kepada anak-

anak bangsa kita. Kita tidak mampu, we cannot afford it, seperti kata pepatah, 'biar lambat sedikit tetapi selamat'. Jadi, kita mengenal pasti 90 buah sekolah, di setiap daerah, setiap negeri itu kita minta Pejabat Pendidikan daerah mengenal pasti satu, dua buah sekolah, sebagai permulaan sahaja. Memang benar

Tuan Fu Ah Kiow: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Mentakab bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Batang Lupar bangun.

Tuan Fu Ah Kiow: Saya hendak meminta penjelasan sama ada Kementerian Pendidikan akan mempertimbangkan cadangan untuk mengadakan makmal komputer bergerak seperti Perpustakaan Bergerak untuk memberi perkhidmatan kepada semua sekolah.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih Yang Berhormat, makmal bergerak pula. Saya katakan tadi, 90 buah sekolah ini yang sebenarnya makmal itu sudah siap, cuma malang sedikit, saya pun dukacita, kementerian pun dukacita, bukan kita suka-suka hendak lambat, kita lagi hendak cepat daripada Yang Berhormat bagi Tanjong supaya murid-murid kita ini, pelajar-pelajar kita ini dapat memulakan dengan seberapa segera yang boleh. Malangnya sedikit dalam proses, ini soal technicality, saya pernah sebut dalam Dewan ini dahulu, soal technicality consortium tetapi sekarang, alhamdulillah sudah selesai.

Kita akan menandatangani perjanjian ini dalam tempoh yang cukup dekat, surat jemputan pun sudah keluar. Yang Berhormat Menteri akan menyaksikan upacara menandatangani dan selepas itu kita akan mula membekalkan komputer-komputer kepada 90 buah sekolah dahulu dalam kadar yang secepat mungkin.

Kita telah menggesa pihak konsortium ini, why the delay, we are not happy at all dan kita berharap

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Sekejap, Yang Berhormat. I want to finish the sentence, complete the sentence. Apabila perjanjian ini dimeterai dalam tempoh yang terdekat ini, maka langkah-langkah untuk hendak membekalkan komputer sekurang-kurangnya 30 buah komputer dalam setiap lab di dalam 90 buah sekolah ini akan dimulakan secepat mungkin kerana setiap makmal yang kita sediakan di sekolah itu ada 30 points. Itu sebagai permulaan dan kita akan melihat bagaimana perjalanan sekolah-sekolah bestari ini apabila dipertingkatkan pelaksanaannya.

Sekarang ini memang benar seperti yang saya kata dalam Dewan yang mulia ini dahulu, kita minta semua pengetua dan guru besar supaya menggunakan alat-alatan yang sudah sedia ada di sekolah itu sementara dalam masa menunggu (transitional) peralatan-peralatan ini sampai dan

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ya, boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa perjanjian akan ditandatangani dalam masa yang singkat. Pada bulan Januari, apabila sekolah bermula dan sepatutnya pada skim 90 buah sekolah bestari dilaksanakan dan ada pengumuman, ada delay dan adalah diumumkan tarikh untuk melaksanakan program ini dengan konsortium ialah bulan Jun, sekarang sudah bulan Julai, belum tahu bila. Bolehkah memberi satu tarikh yang tetap iaitu bilakah perjanjian ini akan ditandatangani dengan konsortium?

Kedua, bukankah benar bahawa ada peruntukan di mana konsortium patutlah memberi bayaran ganti rugi dan kalau ada, apa ganti rugi dan adakah Kementerian Pendidikan akan melaksanakan dan menguatkuasakan peruntukan ini. Dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kita dapati bukan sahaja ada masalah software tetapi ada juga masalah hardware mengenai membekalkan komputer-komputer dan nampaknya ada sekolah-sekolah daripada 90 buah sekolah smart school sehingga sekarang belum lagi dibekalkan dengan hardware yang dirancangkan. Berapa sekolah dan kenapa ini boleh berlaku? Oleh kerana sehingga sekarang kita dengar ialah masalah software, bukan hardware. Nampaknya sekarang hardware pun menjadi masalah. Adakah ini sebabnya kenapa Malaysia sekarang mahu memperkenalkan satu konsep yang baru ialah 'Smart School without computers'?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih, Yang Berhormat, saya telah mendapat tarikhnya, perjanjian ini akan ditandatangani pada 28 Julai 1999. Tadi saya tidak ingat tarikh, saya beri signal kepada pegawai saya dan dia telah berikan.

Tuan Lim Kit Siang: 2 haribulan?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: 28 Julai 1999 inilah, twenty eighth July. Hari ini berapa haribulan? Haribulan pun sudah lupakah hendak pilihan raya, macam mana? *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Ganti rugi. **Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Nantilah, Yang Berhormat, saya tidak sampai lagi. Kita berharap apabila kita dapat membekalkan komputer ini nanti, kita akan cuba pastikan perjalanannya dapat diuruskan, diselenggarakan dengan sebaik mungkin.

Ada Yang Berhormat sebutkan juga soal tenaga. Sebenarnya kita buat persiapan ini diselaraskan dengan keperluan tenaga guru juga dan kita telah melatih lebih daripada 30,000 orang guru untuk mengendalikan pengajaran ataupun pengajian melalui komputer terutama sekali di sekolah bestari ini.

Saya tidak dapat memberi secara detail tetapi secara sepintas lalu saya ingat tentang perjanjian yang hendak ditandatangani dengan konsortium itu nanti. Ada fasal-fasal yang perlu dilaksanakan dan banyak perbincangan yang telah dibuat dengan pihak konsortium di antara pegawai-pegawai kementerian untuk mewujudkan suatu perjanjian yang saksama. Kalau sekiranya ada delay seperti Yang Berhormat katakan tadi, adakah sesuai dikenakan apa-apa yang dipanggil

Tuan Lim Kit Siang: Ganti rugi (compensation).

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ganti rugi (compensation).
Perkara-perkara ini memang ada ditimbulkan di dalam perbincangan-perbincangan kita dengan pihak konsortium, biar kita muktamadkan betul-betul apabila telah ditandatangani nanti.

Kalau saya cakap nanti takut tersilap pula tetapi perkara-perkara ini semuanya diambil kira sebab saya setuju dan saya pun terima sepatutnya perkara ini telah lama ditandatangani. Tetapi oleh kerana masalah-masalah teknikal yang ada dalam urusan perbincangan dengan pihak konsortium itu, itulah menyebabkan delay ataupun kelewatan ini sehingga 28 Julai ini barulah hendak ditandatangani perjanjian ini. Kita berharap selepas ditandatangani ini nanti, bukan kata Januari, kita hendak seberapa cepat yang boleh, saya pun bersama-sama dengan Yang Berhormat hendak melihat supaya komputer ini dapat dibekalkan seberapa cepat yang boleh kepada 90 buah sekolah kerana lab itu telah lama disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Kita berharap melalui pengalaman ini seberapa cepat yang boleh, mengikut perbincangan yang kita adakan baru-baru ini, oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan supaya kita membuat perubahan-perubahan yang pantas, yang radikal sememangnya pengwujudan, pengenalan sekolah-sekolah bestari, Multimedia University, kalau Yang Berhormat bagi Tanjong melihat MMU itu kita membuat dalam tempoh yang begitu pantas. Sekarang ini

pelajar-pelajar kita yang menumpang di kampus sementara di Melaka, sudah kita pindahkan ke situ.

Itu sikap kita terhadap perubahan ini dan kita telah cuba seberapa yang terdaya, contohnya dengan penubuhan Universiti Multimedia dan juga kemudahan-kemudahan yang lain, yang ada hubung kait dengan perlunya pelajar-pelajar kita belajar dan menguasai kemahiran di bidang IT dalam proses mereka menimba ilmu dan pengetahuan ini.

Tuan Lim Kit Siang : Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada konsortium perjanjian dan ganti rugi. Oleh kerana kelewatan sama ada teknikal atau sebab yang lain, Kementerian Pendidikan khasnya Bahagian Teknologi Pendidikan (Education Technology Division) perlulah belanja RM53 juta untuk mengadakan satu cost way interim oleh kerana masalah teknikal yang dihadapi oleh konsortium ini. Adakah konsortium ini akan dikehendaki untuk membayar sekurang-kurangnya ganti rugi RM53 juta kepada Kementerian Pendidikan?

Kedua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada sebut mengenai arahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai perlulah sikap yang radikal untuk melancarkan pendidikan IT. Adakah atas arahan ini kementerian sekarang akan memperkenalkan Smart School concept tanpa komputer kepada 9,000 sekolah selain daripada 90 sekolah? Oleh kerana semalam saya baca surat khabar bahawa ada plan for all schools to go the smart way, tanpa komputer. Kita mahu serius, jangan kita buat jalan dengan pantas tetapi kita mahu jalan yang bestari tanpa IT, bukankah mustahak kita realistik dalam approach kita?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya hendak beritahu Yang Berhormat bagi Tanjong we are very serious. Tinggal lagi bila saya bercakap itu suka senyum, doesn't mean that I am not serious, you know, it can be very serious. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi kita tidak ada hendak hadkan bilangan sekolah ini. Memang ada satu ketika, tahun yang disebut 2010 itu memang ada di dalam the original program itu, tetapi bila kita berdepan dengan masalah ekonomi dan lain-

lainnya itu, jadi itu ada memberi kesan kepada proses pelaksanaan kita ini. Itu background yang sebenar. Memang kita sudah targetkan, kalau boleh 8,000 – 9,000 sekolah ini semua, kalau boleh kita hendak tukarkan jadi sekolah bestari. Kita kena ingat juga kita punya keupayaan, kemampuan, if we cannot do it, how can we do it, itu keadaannya.

Jadi, saya harap Yang Berhormat bagi Tanjong, saya minta faham ya. Kita serious dalam perkara ini dan kita pun mengambil tindakan yang bersungguh-sungguh untuk memastikan apa yang kita rencanakan ini dapat dilaksanakan dengan cepat, dengan sebaik mungkin, tidak ada timbul soal kita hendak memperkenalkan sekolah bestari ini dengan tidak ada komputer.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ya?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: There is no such attitude, my friend.

Tuan Lim Kit Siang: Okay, good.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: There is no such thing. Kita, bila cakap – Barisan Nasional bila cakap, kita buat, bukan macam DAP, PAS, cakap tetapi tidak buat, cakap sahaja. Faham tidak ayat ini?. Arau, ini faham tidak?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Batang Lepar pula bangun. Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak? Kita ada lima minit sahaja.

Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya hendak tanya satu soalan. Kalau sudah siap yang 90 buah sekolah bestari ini nanti diberi komputer dan sebagainya, berapa ribukah jumlah murid-murid yang mendapat nikmat daripada sekolah bestari ini nanti dan ratusan anak-anak ini yang keluar daripada universiti tiap-tiap tahun yang mendapat nikmat daripada sekolah bestari ini? Itu yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Dato'.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih, Yang Berhormat. Payah sedikit saya hendak berikan angka-angka itu tetapi 90 buah sekolah ini, jawabnya berpuluh ribu jugalah murid-murid atau pelajar-pelajar yang terlibat itu tetapi angka-angka atau unjuran-unjuran itu pasti ada tetapi yang pentingnya di sini ialah langkah yang kita ambil untuk menuju ke arah memastikan sekolah-sekolah kita ini dapat ditukar dengan melaksanakan konsep ataupun cara sekolah bestari ini seberapa cepat yang boleh.

Saya cuma hendak menekankan satu perkara sahaja, kalau kita boleh buat lagi cepat, kita lagi suka supaya tidak payah Yang Berhormat semua timbulkan, kawasan saya di Serdang pasal apa tidak dapat. Bukan kita hendak beri, pasal kita pun hendak cermat dalam membuat keputusan ini supaya pelajar-pelajar tidak menjadi mangsa kepada keputusan yang kita buat.

Jadi, Tuan Pengerusi, kita juga menekankan soal kualiti. Sepanjang masa kita kata kita tidak akan bertolak ansur dalam soal hendak memastikan kualiti ilmu pendidikan yang kita berikan kepada pelajar-pelajar kita itu sentiasa dapat bukan sahaja kita pelihara tetapi kalau boleh dipertingkatkan dari satu masa ke satu masa supaya apa juga kelulusan yang dicapai oleh pelajar-pelajar kita itu dapat pengiktirafan sampai ke peringkat antarabangsa kerana matlamat kita yang akhir juga ialah untuk menjadikan pendidikan di Malaysia ini sampai bertaraf dunia. Jadi, kita bekerja menjurus ke arah matlamat yang akhir itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching pula bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Datuk Song Swee Guan [Bandar Kuching]: Bercakap pasal kualiti bagi sekolah bestari. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah persediaan bagi software yang hendak digunakan bagi sekolah bestari ini sudah pun siap ataupun tidak?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, soal hardware dan software ini memang diberikan

penekanan yang cukup tinggi dalam pelaksanaan sekolah-sekolah bestari ini dan kita telah cuba pastikan supaya langkah yang sebaik mungkin dapat kita sediakan, terutama sekali di dalam menyediakan software bagi sekolah-sekolah yang akan kita panjangkan ke sekolah-sekolah dan digunakan di sekolah-sekolah. Kita amat sedar tentang peranan yang dimainkan oleh software ataupun kualiti software dan isi kandungannya, rupa bentuknya, semua kita baca belaka supaya tidak terencat ataupun terjejas pengajian anak-anak kita.

Jadi, pada kesimpulannya sepanjang yang berkaitan dengan sekolah bestari ini, bolehlah saya katakan bahawa walaupun kita buat secara beransur-ansur tetapi dari segi sikap kita di Kementerian Pendidikan, kita akan cuba menokok tambah bilangan ini secepat mungkin mengikut keupayaan dan kemampuan, terutama sekali dari segi kewangannya, dari segi tenaga kepegawaiannya, yang sama-sama diselaraskan perancangan dan pelaksanaannya itu supaya dapat diurustadbirkan dengan sebaik mungkin.

Jadi, selain daripada itu, Yang Berhormat bagi Serdang juga sebut tentang KDPK ini. Oleh kerana kita sudah membuat keputusan untuk lambat-laun menjadikan semua sekolah ini di bawah sekolah bestari, KDPK itu merupakan suatu program awalan, jadi, dia akan berpanjangan begitu sahaja. Setakat ini kita tidak ada cadangan hendak membuat seperti yang Yang Berhormat katakan tadi.

Yang Berhormat bagi Arau ini, bertanya sedikit tentang Sekolah Agama Rakyat ini, hendak beri komputer atau tidak. Yang Berhormat bagi Arau mahukah?

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Ya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Oh! mahu, tetapi Sekolah Agama tidak mahu beri, beri kitalah. Jadi, keadaannya Tuan Pengerusi, setakat ini kita baru mengumumkan keputusan untuk mengambil alih tetapi kita tidak paksa. Itu atas budibicara kerajaan-kerajaan negeri dan juga sekolah-sekolah yang berkaitan. Macam negeri Kelantan dia tidak mahu, tetapi duit mahu, komputer

mahu, ini macam mana, hak dia – hak dia, hak orang – hak dia, mana boleh berniaga macam ini, tidak boleh.

Jadi, kita akan tengok ya, terpulanglah kepada sekolah-sekolah ini dan kalau sampai masanya besok ia diserahkan kepada kita, sudah pastilah akhirnya Sekolah-sekolah Agama Rakyat itu juga akan mengikut sama dalam arus perdana pendidikan di negara kita ini. Maknanya kita akan bekalkan, insya-Allah.

Selain daripada itu, ini soal ada yang mengatakan pelajar-pelajar kita tidak jadi hendak masuk universiti kerana tidak cukup pembiayaan. Kita sudah sediakan satu peruntukan yang termampu oleh kerajaan dan kita sudah utamakan kepada pelajar-pelajar terutama sekali yang betul-betul perlukan dan kita akan cuba tengok macam mana gaya dapat kita mengatasi masalah ini dari satu masa ke satu masa ataupun di masa-masa yang akan datang.

Jadi, saya rasa ada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut sebentar tadi....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita kehabisan masa, ada yang bangun, Yang Berhormat hendak habiskan sekarang atau.....

Tuan Zainal Abidin bin Osman: [*Bangun*]

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya hendak simpul sahaja, sudah pukul 1.00. Jadi, daripada Yang Berhormat bagi Larut yang minta angka-angka ini, saya cuma dapat beri secara bertulis kerana butir-butir itu tidak ada pada saya.

Jadi, itu sahaja yang dapat saya sebutkan pada peringkat ini, Tuan Pengerusi. Sekali lagi saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Kepada rakan-rakan yang tidak sempat itu, insya-Allah, kita dapat peluang di masa-masa yang lain. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah wang sejumlah RM43,000,000 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM43,000,000 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM453,300,000 untuk Maksud P.26 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM453,300,000 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1999.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat sila. Tadi Yang Berhormat sudah berucap?

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]: Ya, terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih dapat ambil bahagian untuk membahaskan sedikit sahaja tentang Kementerian Pertahanan di bawah B.29 –

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pembangunan dan Perbelanjaan Tambahan Kedua 1999 berjumlah RM150 juta yang dikehendaki untuk membantu IWK – menanggung kos operasi bagi tahun 1999.

Tuan Pengerusi, saya rasa bila sebut sahaja IWK ini, kita dalam Dewan ini pun sudah lama faham. Ini nampaknya adalah satu projek penswastaaan yang telah kita perakukan dan kita telah sokong tetapi nampaknya belanjawan ini hendakkan tambahan lagi RM150 juta dan ini menampung kos yang begitu besar wang rakyat. Saya hanya hendak bertanya, sekarang ini siapakah sebenarnya yang ‘the key player’ kepada IWK kerana IWK dulunya telah banyak kali juga diambil alih oleh pihak-pihak swasta ini dan sekarang ini kalau saya hendakkan penjelasan, sudah beberapa kali pengalihan IWK ini.

Sebelum kita meluluskan bilangan wang rakyat yang begitu besar, kita perlu juga bertanggungjawab untuk mengetahui bahawa permasalahan IWK daripada dulu lagi dan pentadbirannya, dari segi perundangannya, dari segi penguatkuasaannya bermasalah sehingga hari ini. Kalau kita tidak bertanya pun, jumlah yang begitu besar, saya terpanggil sangatlah dan ingin mengetahui struktur organisasi syarikat itu sekarang ini dan bagaimana mereka hendak mengendalikan, sejauh manakah keupayaan mereka sekarang ini dari segi pentadbiran dan penguatkuasaan kerana saya nampak masih lagi terumbang-ambing.

Kalau jumlah wang yang begitu besar kita peruntukkan dari segi wang rakyat, kita tahu bahawa syarikat inilah satu syarikat swasta. Kalau tidak, mereka ini juga mahu menyumbangkan, berapakah peruntukan daripada capital ‘fund’ nya. Kalau mereka hendak menyertai perniagaan, rasanya mereka juga patut menyumbang selain mendapat sumbangan daripada kerajaan.

Itu sahaja saya minta, Tuan Pengerusi, penjelasan daripada kementerian, bagaimana kedudukan IWK hari ini dan setelah beberapa perubahan

pengalihubuhan dan adakah mereka betul-betul sekarang ini telah bersedia dan struktur organisasinya pada masa sekarang? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Kluang.

2.35 ptg.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga bangun untuk menyebut Maksud B.29 – tambahan sebanyak RM150 juta adalah dikehendaki bagi membantu IWK bagi menampung kos operasi. Saya tidak ingin bangkitkan semula bagaimana wujudnya syarikat IWK. Dalam konteks ini banyak kali kita bincang dan bahas dalam satu, dua tahun yang lalu.

Walau bagaimanapun saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kerajaan sebab memang ada dengar suara rakyat, apabila ahli-ahli Parlimen membahaskan tentang isu IWK ini. Memang sudah dua kali review ataupun kaji semula tentang pembayaran khususnya dari segi rumah-rumah komersial. Jadi, hari ini kerajaan menyediakan RM150 juta untuk membantu IWK. Jadi, timbullah soalan selain daripada rakan saya yang bentang tentang struktur pentadbiran.

Saya juga ingin tahu sampai hari ini, berapa jumlah telah dipungut oleh IWK, baik dari segi rumah kediaman ataupun rumah komersial. Setakat ini juga, banyak dipersoalkan oleh rakyat jelata iaitu kos untuk kita belanja untuk pentadbiran IWK dan selama ini berapa treatment plant telah dibina oleh IWK supaya ia lebih jelas kepada rakyat kos-kos ataupun pembayaran dibayar oleh rakyat demi untuk membina treatment plant dan sebagainya. Jadi, selain daripada itu, inilah sumber pendapatan IWK dan selama ini pada tiap-tiap satu projek perumahan saya difahamkan 1.6% daripada kos projek perumahan akan dibayar sebagai wang sumbangan kepada IWK. Kali ini pula, projek yang lebih dari 35 unit rumah dalam satu projek perumahan kena juga pemaju membina oxidation pond.

Saya bangkitkan perkara ini ialah pada pandangan saya selain daripada 1.6% bagi bayaran wang sumbangan dan juga pungutan daripada rumah-rumah kediaman dan komersial. Saya ingin bagi pandangan kepada pihak kerajaan iaitu kalau kita lihat pada hari ini, pihak berkuasa tempatan memang ada pungut hasil ataupun cukai harta ataupun cukai pintu untuk perkhidmatan kebersihan khususnya dari segi pemetungan, sampah sarap, potong rumput, cuci longkang dan sebagainya. Tetapi masa memang tiba di mana perkhidmatan pemetungan harus dibayar oleh rakyat dan tidak lama lagi mungkin perkhidmatan angkat sampah ataupun sisa pepejal juga akan dibayar oleh penduduk-penduduk. Saya khuatir mungkin sampai satu hari semua perkhidmatan dari segi kebersihan seperti potong rumput, cuci longkang juga akan dibayar oleh individu ataupun penduduk-penduduk setempat.

Jadi, saya ingin cadang kepada pihak kerajaan, mungkin dari segi cukai harta ini, bolehkah kerajaan mencari satu jalan mungkin melalui pihak berkuasa tempatan, hasil yang dipungut oleh pihak berkuasa tempatan, mungkin sebahagian kita bayar kepada sektor pemetungan, sebahagian kita bayar kepada perkhidmatan angkat sampah, potong rumput dan sebagainya. Saya setuju jika semua pungutan ini dibayar oleh rakyat kepada pihak berkuasa tempatan yang diagih kepada sektor-sektor yang saya sebut tadi. Kalau masih ada kekurangan ataupun yang tidak cukup untuk membiayai pembayaran untuk sektor-sektor perkhidmatan ini maka kerajaan boleh membayar misalnya pada hari ini kita luluskan RM150 juta untuk pihak IWK.

Jadi, dengan cara ini mungkin ia tidak merupakan satu beban kepada rakyat. Jadi, di sini saya selain daripada menyokong RM150 juta untuk pihak IWK jika ia benar-benar memerlukan kos pembayaran kerana kutipan yang diterima tidak mencukupi dan segala perkhidmatan yang baik yang telah diberi kepada rakyat.

Jadi, sekali lagi saya ingin menegaskan di sini, saya setuju untuk kerajaan berbincang dengan pihak berkuasa tempatan kalau semua sektor kebersihan harus diswastakan, janganlah bayaran dikenakan kepada rakyat supaya ia tidak menjadi satu beban kepada mereka. Jadi, di sini ingin mendapat sedikit penjelasan tentang tiga, empat perkara yang telah saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen diminta jawab.

2.43 ptg

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Pilah dan Yang Berhormat bagi Kluang yang membangkitkan masalah IWK atau Indah Water Konsortium.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sepintas lalu, dalam bulan Disember 1993, persetujuan konsesi (concession agreement) telah pun ditandatangani di antara kerajaan dan Indah Water Konsortium (IWK), bertujuan untuk memperbaiki perkhidmatan pembetulan ataupun sewerage services dan memberi perkhidmatan di kawasan-kawasan yang diselenggarakan oleh kerajaan-kerajaan tempatan. Jadi, tempoh konsesi yang asal ialah selama 24 tahun yang dibahagikan kepada enam fasa, dimulai daripada bulan Julai 1994 hingga Julai 1997.

Fasa kedua dan fasa-fasa seterusnya akan dibahagi kepada lima tahun sehingga habis tempoh konsesi sistem pembetulan ini sehingga tahun 2022. Indah Water mengambil alih sistem pembetulan DBKL mulai April 1994. Tempoh konsesi ini telah pun dilanjutkan kepada 40 tahun dan akan dikaji semula pada Januari 1998. IWK telah mengambil alih perkhidmatan pembetulan ini sebanyak 84 kerajaan tempatan. Yang belum diambil alih ialah Majlis Bandaraya Johor, kerajaan tempatan negeri-negeri di Kelantan, Sabah dan Sarawak. Indah

Water pada akhirnya akan mengambil alih kesemua 144 perkhidmatan kerajaan tempatan dalam negeri ini.

Jadi, IWK telah mengambil alih, memperbaiki dan menyelenggara kesemua pemetung yang ada, merancang, mereka bentuk dan melaksanakan infrastruktur pemetungan dan juga menyedut tangki-tangki najis secara berkala dan membuat treatment-treatment tertentu.

Yang Berhormat bagi Kuala Pilah telah bertanya siapa dia shareholder dan sebagainya. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada tahun 1993, privatisation atau penswastan konsesi ini telah diberi kepada Indah Water Konsortium ini dan *shareholding structure* IWK ini adalah seperti berikut:

North-West Water (M) Sdn. Bhd.	-	25%
Berjaya Industri Berhad	-	20%
Lembaga Tabung Angkatan Tentera	-	20%
Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad	-	20%
Aims Worldwide (M) Sdn. Bhd.	-	15%

Pada tahun 1995, pengambilalihan 100% equity interest Indah Water Konsortium ini oleh Prime Utilities Berhad (PUB) dengan harga RM450 milion melalui insurans 30 milion dan shares yang baru RM15 kepada pemegang-pemegang berikut:

North-West Water (M) Sdn. Bhd.	-	7.5 million shares
Berjaya Industri Berhad	-	6 million shares
Lembaga Tabung Angkatan Tentera	-	6 million shares
Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad	-	6 million shares
Aims Worldwide (M) Sdn. Bhd.	-	4.5 million shares

Jadi, jumlah kesemuanya ialah sebanyak 30 milion shares.

Pada tahun 1996, Prime Utilities Berhad, substantial share holder, dan Berjaya Industri Berhad (BIB) telah mengalih, transfer kesemua *holding*

sharesnya sebanyak 11.408 milion dalam Prime Utilites Berhad kepada Resort Cruise Sdn. Bhd. (RCSB).

Tuan Pengerusi, elok saya bacakan kerana saya membuat direct translation daripada Bahasa Inggeris. Saya rasa Yang Berhormat pun faham Bahasa Inggeris, jadi saya bacakan dalam Bahasa Inggeris, dengan izin:

“PUB substantial share holders, Berjaya Industri Berhad (BIB) transferred his total holding of 11.408 million shares in PUB (Prime Utilities Berhad) to Resort Cruise Sdn. Bhd.(RCSB), a wholly owned subsidiary of BIB for RM228.16 cash. Thereafter, 100 % of RCSB was disposed off to Transwater Corporation Berhad (TCB) for RM2, subject to TCB undertaking to repay RCSB the RM228.16 million debt rising from the disposal. Hence, the 11.408 million PUB shares were valued at RM20 per share. In 1997, acquisition of RM6 million shares of PUB by Idris Hydraulic (M) Sdn. Bhd. from Ilham Desiran Sdn. Bhd., a wholly owned subsidiary of TCB of a total cash consideration of RM142.5 million or RM23.75 per share. Acquisition of 12,011million PUB shares together with 1.5 million PUB warrants which carry the rights to subscribe for 1.5 million PUB shares by IHMB for a total cash consideration of 410 million from Time Shem Sdn. Bhd. (TSB). Acquisition was pursuant to put option within IHMB and TSB.”

Mengenai pemberian yang telah diberi ialah 1993 Concession Agreement, 475 milion dan 1996 Review, 450 milion. Jadi, kesemuanya ialah 925 milion. The status drawdown sehingga Jun 1999 ialah seperti berikut. Kesemuanya balance ialah sebanyak 421.2 milion.

Menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kluang...

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang : [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hendak bagi siapa dulu? Yang Berhormat bagi Tanjong dan Yang Berhormat bagi Kuala Pilah.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tanjong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada memberi berkali-kali pindaan saham-saham yang begitu besar dari satu set kepada set yang lain. Bukankah ini menunjukkan kelemahan besar penswastaaan, yang terbesar dalam sejarah Malaysia, perkhidmatan pembedungan (sewerage service) bernilai RM6 bilion di mana tidak ada open tender. Nampaknya, apa yang kita lihat ialah corporate juggling, satu kumpulan kroni-kroni berkenaan kepada kroni-kroni yang lain.

Bukan untuk perkhidmatan pembedungan, bukan keupayaan untuk menjalankan penswastaaan ini tetapi tengok siapa kroni-kroni yang boleh mendapat kepentingan. Bukankah benar bahawa pada mulanya kerajaan sudah memberi RM500 juta sebagai soft loan untuk penswastaaan perkhidmatan pembedungan ini kepada IWK dan sekarang kita mahu lagi bantuan RM150 juta untuk kos operasi dan menunjukkan kegagalan IWK, oleh kerana penswastaaan ini diberi bukan kerana keupayaan tetapi atas faktor-faktor kroni. Adakah satu kajian yang mendalam dibuat supaya ini tidak terus menjadi satu permainan corporate tetapi sebenarnya satu perkhidmatan pembedungan yang baik untuk rakyat jelata.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat bagi Tanjong, untuk servis pembedungan ini, ia merupakan satu proses yang besar kerana kita akan membuatnya ke seluruh negara seperti yang saya katakan tadi beberapa kerajaan tempatan dan juga di negeri-negeri di seluruh Malaysia. Oleh kerana perkara ini adalah perkara yang baru dan masalah-masalah teknikal pada mulanya, telah dibilkan ke dalam bil air (water bill) dan sebagainya, ramai yang tidak mahu membayar. Jadi masalah cash flow telah timbul.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kluang kita merasakan pengusaha tempatan yang telah mengenakan cukai pintu untuk sampah sarap dan lain-lainnya, saya merasakan cadangan ini sangat bagus dan kita akan tengok balik sama ada pengusaha tempatan boleh seperti mana Yang Berhormat katakan tadi boleh memberi dua iaitu daripada kos yang dikenakan kepada penghuni-penghuni

melalui cukai pintu dan juga kos pembetulan. Tetapi masalah yang kita timbulkan ialah kos pembetulan, service cost ini berlainan di antara rumah pensendirian dan berlainan dengan komersial sektor dan berlainan di antara industri. Jadi ini masalah yang sedang difikirkan.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih di atas pengambilan bahagian ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM150,000,000 untuk Maksud B.29 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM150,000,000 untuk Maksud B.29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM76,000,000 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM76,000,000 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1999.

Maksud B.36 [Jadual]-

Maksud P.36 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1999]-

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Kepala Bekalan B.36 dan Kepala Pembangunan P.36 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM6,451,600 untuk Maksud B.36 di

bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM6,451,600 untuk Maksud B.36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.36 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.36 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1999.

Maksud P.43 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1999]

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Kepala Pembangunan P.43 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi terbuka untuk dibahas.

[Tiada Perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.43 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1999 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1999.

**Maksud B.47 [Jadual]-
Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1999-**

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Kepala Bekalan B.47 dan Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Ya, Tanjong.

2.55 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mahu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang menjawab tentang perkara ini, memberi keterangan mengenai peruntukan RM250,000,000 ini untuk projek KLPRT yang bukan sahaja tergendala begitu lama yang menukarkan congestion traffic yang sepatutnya dibantu untuk menyelesaikan. Tetapi yang mustahaknya ialah daripada segi kenapa projek-projek penswastaan ini kerap kali kerajaan perlulah memperuntukkan wang untuk menyelamatkan projek-projek tersebut.

Tadi kes IWK dan sekarang untuk supaya projek ini boleh meneruskan perlaksanaannya dan kalau semua projek penswastaan ini perlu bantuan daripada pihak kerajaan bukannya ini, dengan izin, subdefeating. Bukankah kita tidak boleh belajar daripada kelemahan-kelemahan yang timbul daripada projek-projek penswastaan dan satu sebab utamanya ialah cara projek-projek penswastaan diberikan. Kronisme, nepotisme, korupsi dan kita mahu tahu sebenarnya siapa yang dapat faedah daripada projek-projek semacam ini dan bolehkah satu senarai yang penuh diberikan mengenai semua kroni-kroni yang dapat penswastaan.

Bukan sahaja satu pendedahan yang terpilih, selective disclosure, bukan sahaja di negara kita ada selective justice, selective prosecution atau selective disclosure mengenai siapa kroni-kroni, siapa yang dapat keuntungan dan kita harap bahawa bukan sahaja kita boleh dapat semua butir-butiran mengenai segala bantuan yang diberi kepada projek ini KLPRT termasuk peruntukan permohonan di hadapan Dewan yang mulia ini tetapi semua sebab-sebab kenapa berlaku keperluan satu permohonan dibuat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

2.57 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tanjong yang telah pun menyoal beberapa perkara di bawah anggaran perbelanjaan mengurus mengenai pinjaman kepada projek KLPRT ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya projek KLPRT ini telah pun diswastakan kepada sebuah syarikat di mana pemegang syer utama ialah KL Linear City yang memegang syer 63% dan juga KL Monorel Concessionaire 37%. Pada keseluruhannya kos projek PRT ini ialah dalam lingkungan RM1.3 bilion. Sebenarnya syarikat ini memang sebelum mereka memulakan projek PRT ini mereka berhasrat untuk mendapatkan pinjaman dari dana asing. Tetapi oleh kerana kemerosotan ekonomi dunia kerajaan berpendapat bahawa janganlah mereka mendapat pinjaman dari tempat lain khususnya dari negara luar.

Oleh kerana perbezaan mata wang asing dengan mata wang negara kita mungkin ini juga bukan membawa risiko yang tidak baik kepada syarikat bahkan kepada negara. Oleh yang demikian kerajaan telah pun membuat satu keputusan supaya kerajaan memberikan pinjaman soft loan, dengan izin, kepada syarikat ini untuk menyiapkan projek PRT. PRT ini adalah satu projek People Rapid Transit (PRT) di mana jaraknya ialah 8.6 km dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Kerajaan berpendapat bahawa selepas memberi pertimbangan kepada semua faktor-faktor dan alasan maka wajarlah RM250 juta diberikan sebagai pinjaman soft loan kepada syarikat ini memandangkan pada keseluruhannya kos projek adalah melibatkan RM1.3 bilion.

Projek ini akan siap sebenarnya walaupun sudah tergendala sekejap oleh kerana kemerosotan ekonomi tetapi projek ini telah mula pada bulan Jun tahun ini dan dijangka disiapkan selama 28 bulan mulai dari Jun tahun ini.

Dari segi dakwaan melulu mengenai cronism dan semua ini, memang kerajaan tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Tanjong. Bukan semua projek penswastan harus ditender. Oleh kerana projek-projek seperti PRT ini melibatkan kos yang berjumlah RM 1.3 bilion, maka wajarlah jika syarikat-syarikat gergasi yang mempunyai modal-modal yang mampu mengendalikan projek seumpama ini boleh membuat satu cadangan kepada kerajaan.

Kerajaan akan memberi pertimbangan dan selepas mengambil kira semua faktor sama ada syarikat berkenaan ataupun syarikat tertentu adalah dalam kemampuan boleh mengendalikan projek ini maka kerajaan akan memberikan projek ini kepada syarikat sendiri iaitu syarikat tempatan di negara kita. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga pihak DAP atau penyokong DAP yang mempunyai syarikat boleh juga membuat cadangan pada atas apa-apa projek yang agak akan membawa faedah kepada negara dan kepada rakyat jelata maka kerajaan bersedia mempertimbangkan.

Ini adalah salah satu matlamat kerajaan di mana kita dapat menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan, dan syarikat ini membuat satu cadangan yang begitu baik dan kerajaan bukan sahaja memberi bantuan kepada syarikat ini, kerajaan juga bersedia menolong supaya projek ini dapat disiapkan dalam masa yang singkat supaya rakyat jelata negara kita menikmati faedah. Ini adalah satu prinsip yang tegas yang dipegang oleh kerajaan dan segala dakwaan mengenai cronism, apa semua, ini saya tidak tahulah tentang perkara ini. Ini cuma satu dakwaan melulu yang dilemparkan oleh pihak pembangkang.

Sekian, saya percaya ini adalah jawapan kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sebanyak RM1,273,600 untuk Maksud B.47 di

bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM1,273,600 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM250,000,000 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM250,000,000 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1999.

Maksud B.48 [Jadual] –

Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2)1999] -

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Kepala Bekalan B.48 dan Kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Mentakab.

3.04 ptg

Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara B.48 pengurusan RISDA. Sebenarnya perkara ini telah dibangkitkan pada sesi Parlimen lepas dan jawapan pun telah diberi. Tetapi malangnya apa yang telah dijawab tidak dilaksanakan di peringkat bawahan. Maka saya terpaksa membangkitkan isu ini sekali lagi, iaitu tentang tanaman semula yang telah dijalankan oleh RISDA.

Saya pernah bertanya sama ada ia dijadikan satu syarat bahawa semua tanaman semula terpaksa diserahkan kepada anak syarikat RISDA, iaitu RISDA Smallholders Plantation Sdn. Bhd untuk menjalankan kerja tersebut. Dan jika pekebun kecil enggan menyerahkan kerja kepada RSPSB iaitu anak syarikat

RISDA, maka permohonan bantuan tanaman semula tidak akan diluluskan. Jawapan yang saya dapat pada masa itu ialah bahawa pihak pekebun kecil memang bebas dan mereka boleh menjalankan kerja sendiri asalkan permohonan mereka adalah secara berkelompok dan permohonan untuk mendapatkan bantuan tanaman semula masih akan diluluskan.

Tuan Pengerusi, tetapi apa yang berlaku sebenarnya baru-baru ini saya juga masih dapat banyak aduan bahawa banyak permohonan tidak dipertimbangkan langsung oleh pihak RISDA. Ada pemohon yang telah agak lama dan tidak mendapat apa-apa jawapan daripada RISDA. Jadi saya hendak tanya apakah kementerian sudah beri arahan kepada pejabat daerah tentang keputusan kementerian ini. Dan berapakah permohonan secara berkelompok telah diterima oleh pihak RISDA dan berapa telah diluluskan? Dan dalam mempertimbangkan permohonan mereka apakah kriteria yang digunakan untuk meluluskan permohonan tanaman semula? Biasanya RISDA mengambil berapa lama untuk mempertimbangkan satu permohonan supaya si pemohon dapat jawapan yang tepat dan jelas.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang saya ingin sentuh lagi ialah tentang kandungan surat perjanjian dengan RISDA Smallholders Plantation Sdn Bhd. Saya pernah bangkitkan dulu iaitu kandungan surat perjanjian tersebut amat berat sebelah pada anak syarikat RISDA. Ianya mengandungi peruntukan-peruntukan seperti bayaran komisen, bayaran pengurusan dan sebagainya yang dianggap amat tidak adil pada pekebun-pekebun kecil. Surat perjanjian tersebut juga tidak mengadakan apa-apa peruntukan yang menyatakan bagaimana anak syarikat ini akan membayar balik kepada pekebun-pekebun kecil dan masa itu kementerian juga berjanji akan mengkaji lagi kandungan surat perjanjian tersebut dan akan meminta pihak anak syarikat RISDA memperbetulkan peruntukan-peruntukan dalam perjanjian tersebut.

Tetapi malangnya sehingga masa kini tidak ada apa-apa perubahan terhadap perjanjian tersebut dan ramai pekebun kecil masih menunggu-nunggu perubahan tersebut dan mereka tidak tahu bagaimana hendak meneruskan kerja mereka sama ada menyerahkan kepada anak syarikat RISDA atau meneruskan kerja tanaman semula. Tetapi masalahnya permohonan mereka langsung tidak mendapat apa-apa jawapan daripada RISDA. Jadi saya minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Bintulu.

3.08 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian atas pembekalan elektrik SESCO ke rumah-rumah panjang yang berhampiran dengan bandar. Walau bagaimanapun, saya berharap kementerian dapat menjejak langkah dan memperkuat usaha untuk menjalankan projek elektrifikasi luar bandar. Walaupun semua usaha yang dicurahkan pada masa ini adalah baik tetapi keadaan ini masih jauh dari takat yang memuaskan. Dari segi bentuk muka bumi wilayah Bintulu mengunjur kira-kira 70 batu dalam tiga arah iaitu timur, barat dan kawasan pedalaman. Dengan itu hanya kira-kira radius 25 batu daripada bandar Bintulu menerima bekalan elektrik SESCO. Keadaan ini bermaksud kawasan luar bandar seperti Pandand, Labang, Tubau dan sebahagian bandar Niah masih belum mendapat bekalan elektrik SESCO.

Di samping itu beratus-ratus rumah panjang yang terletak di tepi sungai misalnya Sungai Kemina, Sungai Sepauh, Sungai Pandang, Sungai Jelalung, Sungai Suai dan lapan batang sungai-sungai lain. Rumah-rumah panjang yang terletak di tepi laut di kawasan barat di bandar Bintulu tetap tidak menerima bekalan elektrik SESCO. Kebanyakan rumah panjang yang terletak di Lebuh Raya Pan-Borneo juga menghadapi masalah tersebut. Sepanjang masa ini mereka hanya mempunyai bekalan elektrik generator.

Kita selalu menakutkan diri sendiri dengan menyalahkan bahawa tanah Sarawak adalah terlalu besar sehingga menghadapi masalah untuk membekalkan bekalan elektrik di kawasan luar bandar. Keadaan ini sama seperti bekalan air, talian telefon dan jalan raya.

Sebenarnya keluasan tanah Sarawak tidak seperti yang dijangkakan, keluasan wilayah Sarawak adalah lebih kurang saiz Florida, iaitu salah satu negeri di Amerika Syarikat. Memandangkan Amerika Syarikat berjaya membekalkan tenaga elektrik kepada 50 buah negeri, kita juga boleh berbuat sedemikian terhadap Negeri Sarawak tanpa apa-apa alasan.

Sebenarnya projek sebegini adalah sangat senang, masalahnya adalah sama ada Kerajaan Persekutuan ingin atau tidak ingin mengusahakan projek ini sahaja. Pada pendapat saya, saya mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa Malaysia berupaya mengatasi setiap masalah biaya kecil mahupun besar. Masalah ialah Kerajaan Semenanjung Malaysia mengamalkan priority yang salah kerana masalah bekalan elektrik dan lain-lain kemudahan asas merupakan keperluan asas yang amat diperlukan oleh setiap rakyat di Sarawak. Kerajaan Malaysia boleh berjaya menjadikan negara kita salah sebuah negara yang terkenal didunia dengan membina bangunan yang tertinggi di dunia, lapangan terbang yang canggih, pembinaan Putrajaya, sistem lebuhraya yang canggih dan LRT.

Walaupun begitu, pembangunan dan kemajuan tersebut adalah memalukan jika Sarawak masih tidak berpeluang untuk menikmati keperluan asas seperti bekalan air, bekalan elektrik, talian telefon serta jalan raya yang sempurna selama 36 tahun ini. Keadaan ini boleh mencemarkan nama negara kita di mata dunia sedangkan kerajaan selalu melaung-laungkan hendak menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju di dunia.

Seperti yang dimaklumkan bekalan elektrik adalah amat penting kepada setiap rakyat. Kawasan luar bandar di Sarawak tidak dapat dimajukan jika tidak dibekalkan kemudahan bekalan elektrik. Sekiranya kawasan luar bandar di

Sarawak tidak mempunyai bekalan elektrik, ini bermaksud sekolah-sekolah, klinik-klinik dan lain-lain tidak dapat dimajukan tanpa tenaga letrik. Dengan tidak adanya bekalan elektrik dan kuasa elektrik maka kita tidak dapat mempunyai bekalan tenaga. Secara langsung, luar bandar Negeri Sarawak tidak dapat dibangunkan tanpa tenaga elektrik. Setiap hari kuasa elektrik telah menjadi salah satu kemudahan asas yang tidak boleh diabaikan. Sudah tentu kemudahan tersebut bukan sahaja digunakan dalam kegunaan lampu elektrik.

Pada hemat saya, saya perlu menekankan selanjutnya tentang kepentingan pembekalan elektrik dalam sektor pembangunan dan kemajuan luar bandar di Sarawak. Keadaan ini adalah jelas menunjukkan bahawa rakyat di kawasan luar bandar Sarawak masih belum mempunyai taraf hidup yang setanding dengan Semenanjung Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Machang.

3.13 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Pertamanya berhubung dengan RISDA iaitu program penyusunan menguruskan semula pekebun kecil getah sebanyak RM20 juta diperuntukkan bagi RISDA dalam perkara ini. Kita tahu sekarang pekebun-pekebun kecil getah mengalami masalah kerana penurunan harga getah yang begitu ketara dan menjadikan orang tidak berminat untuk menanam getah dan beralih kepada tanaman-tanaman lain. Dengan itu peruntukan sebanyak RM20 juta bagi mengurus semula pekebun-pekebun kecil getah ini adalah suatu usaha yang cukup baik dibuat dalam keadaan sekarang untuk menampung keperluan pekebun-pekebun kecil getah terutamanya di kampung-kampung yang mengalami masalah daripada penurunan harga tadi.

Apa yang saya hendak bangkitkan di sini, Tuan Pengerusi, ialah bahawa di dalam perancangan yang dibuat ini nampaknya tidak memasukkan kos modal iaitu modal untuk memberikan kos prasarana sahaja iaitu pembekalan baja,

penyelenggaraan kebun, pembaikan prasarana, pembahagian pusat-pusat mengumpul hasil, pembekalan alat menoreh, pembekalan alat teknologi, pembekalan intensif penyertaan dan khidmat penebangan. Jadi apa yang saya nak cadangkan ialah supaya bantuan-bantuan yang pernah diberikan kepada pengusaha pekebun getah sebelum daripada ini iaitu bantuan insentif, misalannya RM2,000.00 bagi satu ekar dan sebagainya diteruskan secara lebih giat lagi supaya ini akan memberi perangsang untuk pekebun-pekebun kecil getah menampung kos yang akan ditanggung untuk menggalak dan memberi perangsang kepada mereka menanam semula getah. Kalau tidak, saya percaya pada suatu masa nanti kita tidak lagi menjadi satu negara pengeluar getah yang penting di rantau ini. Sekarang ini pun kedudukan kita dari segi pengeluaran getah sudah terjejas kerana ramai rakyat Malaysia, memandangkan harga getah yang tidak menentu telah berpindah kepada penanaman kelapa sawit dan tanaman-tanaman lain.

Bagi mempertahankan kedudukan ini dan bagi menjaga kepentingan masih sebilangan besar pekebun-pekebun kecil getah yang masih mengharapkan pendapatan daripada getah, terutamanya di kawasan-kawasan yang tidak sesuai ditanam kelapa sawit, maka usaha-usaha ini mesti diperbanyakkan. Saya nak cadangkan supaya bantuan insentif ini dipertingkatkan, diperbanyakkan lagi. Kalau dulu saya tak silap kerajaan memberi bantuan RM3,000.00 satu ekar, dan ini perlu dipertingkatkan supaya memberi dorongan kepada mereka ini untuk menanam getah. Dan sesuai dengan peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Perusahaan Utama pagi tadi, iaitu untuk membiayai skim subsidi harga getah. Saya rasa dengan dua usaha ini sekali gus iaitu.....[*telefon bimbit berbunyi*] [*Ketawa*].....minta maaf, Tuan Pengerusi, iaitu usaha sekali gus serentak serampang dua mata ini iaitu satu usaha untuk menstabilkan harga getah oleh Kementerian Perusahaan Utama dan satu lagi inisiatif yang lebih besar kepada

pekebun-pekebun kecil untuk menanam. Saya percaya ini akan dapat dilaksanakan segera.

Yang kedua, saya nak sentuh, Tuan Pengerusi ialah berhubung Program Jalan Kampung (PJK) di mana peruntukan RM31 juta diperlukan. Saya menyokong benar peruntukan ini, terutamanya dari segi contacts dan hubungan pembangunan dengan jalan-jalan kampung di Negeri Kelantan. Di kawasan Parlimen saya misalannya pada tahun ini saja Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah meluluskan RM776,000, terima kasih kepada pihak kementerian kerana telah meluluskan peruntukan ini. Tetapi masih banyak lagi jalan-jalan kampung, masih banyak lagi permohonan-permohonan yang sampai kepada saya dan lawatan-lawatan yang saya buat sendiri masih perlu diperbaiki segera kerana saya minta kementerian faham kedudukan Kelantan. Kelantan ni kalau nak harap pada Kerajaan PAS memang tak boleh buat. Itu kena terima hakikat. PAS tidak mampu untuk melaksanakan jalan-jalan di luar bandar. Jadi puncanya ialah kepada wakil-wakil rakyat Parlimen dan puncanya ialah kepada kerajaan Persekutuan kerana PAS, kalau harap nak buat jalan, nak baiki jambatan rosak pun tak mampu. Ini fakta dan hakikat yang mesti diterima.

Jadi permohonan-permohonan ini terpaksa bergantung penuh kepada Kerajaan Pusat. Walaupun tahun lepas di kawasan saya, kerajaan meluluskan, tahun lepas kalau tak silap RM1.2 juta untuk jalan-jalan luar bandar di Negeri Kelantan. Kemudian tahun ini RM776,000 yang telah pun dilaksanakan dan sebahagian besarnya di dalam pelaksanaan. Tetapi masih banyak lagi jalan-jalan yang tidak sempurna, jalan-jalan yang perlu diperbaiki. Jadi sebab itulah permohonan ini saya minta bila pertambahan sebanyak RM31 juta ini memberi ruang sedikit kepada saya terutamanya Parlimen Machang untuk memajukan permohonan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya dapat mempertimbangkan dengan kelulusan. Sebab itu saya sokong, sebab saya nak pohon lepas daripada ini, daripada Yang Berhormat.

Saya akan bekalkan senarai ini kepada Yang Berhormat supaya mengambil tindakan segera di kawasan-kawasan. Saya ada satu senarai penuh, jalan-jalan yang perlu diperbaiki. Bukan sahaja jalan luar bandar, Tuan Pengerusi, di Kelantan ini, jalan di dalam kawasan bandar pun cukup teruk, Tuan Pengerusi, cukup teruk. Jadi barangkali ini tidak boleh ditampung oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). Jalan-jalan kawasan bandar sekalipun, berlopak dan sebagainya,, tapi cukup jalan pungut. Ini yang jadi masalah. Cukup bandar pungut, cukup pintu pungut, jalan tak buat. Jadi ini yang menjadi masalah, gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Sebab itu peruntukan ini, saya sokong seratus peratus, cumanya daripada RM31 juta ini saya minta keutamaan diberi kepada Negeri Kelantan, negeri yang mempunyai kadar kemiskinan yang paling tinggi dalam negara ini iaitu 19.3%.

Satu lagi saya nak sentuh, Tuan Pengerusi, walaupun barangkali Tuan Pengerusi kata agak terkeluar sikit tajuk itu mengenai fungsi RISDA dalam soal untuk melaksanakan Skim Amanah PPRT. Ini menjadi masalah. Saya juga memuji usaha ini adalah usaha baik yang sudah banyak rumah yang dibina melalui Skim PPRT ini. Tetapi apa yang nak saya pertikaikan, apa yang nak saya musykilkan ialah kelambatan, cukup lambat. Bila kita majukan senarai ini kadang-kadang satu tahun tak boleh laksanakan lagi. Kadangkala rumah yang dulunya nak roboh, dah roboh, peruntukan masih belum sampai. Saya minta supaya satu struktur pembahagian ini diperbaiki semula supaya proses ini dipercepatkan.

Dan yang keduanya, dalam soal pengagihan rumah PPRT ini supaya penglibatan wakil-wakil rakyat diambil kira. Misalannya di kawasan saya, hanya saya sahaja Ahli Parlimen Barisan Nasional yang di bawah ketiga-tiganya wakil rakyat PAS semua. Jadi, pandangan dan pemerhatian wakil rakyat mesti diambil kira terutamanya dalam menentukan senarai, siapa yang layak dan sebagainya.

Sebab yang kita hendak bantu ialah betul-betul keluarga miskin, kita tidak mahu kita bantu keluarga miskin, hari ini kita bantu, esok dia maki kerajaan. Ianya tidak membawa sebarang faedah. Jadi, saya minta Kementerian Pembangunan Luar Bandar meneliti tiga perkara yang telah saya bangkitkan tadi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Serdang.

3.21 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh dengan peruntukan tambahan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Program untuk jalan-jalan kampung akan diminta satu tambahan sebanyak RM31 juta. Saya mengalu-alukan tambahan tersebut di mana akan memberi manfaat kepada jalan-jalan kampung di semua negeri. Saya hanya minta satu pandangan serius terhadap kampung-kampung Melayu dalam kawasan Serdang.

Tuan Pengerusi, walaupun kawasan Serdang merupakan satu kawasan sedang membangun tetapi masih terdapat 12 kampung dalam keadaan yang masih belum dinaikkan taraf begitu baik, cepat, maka tambahan peruntukan untuk menaikkan taraf jalan-jalan di kampung-kampung di 12 kampung tersebut perlu dipertingkatkan. Contohnya, Kampung Sungai Ramal, Kampung Sungai Ramal Dalam, Kampung Sungai Ramal Luar dan Sungai Ramal Baru di dalam daerah Hulu Langat tetapi dimasukkan dalam kawasan Serdang yang tidak jauh daripada Putrajaya. Jalan Sungai Ramal akan dilebarkan melalui Kementerian Kerja Raya, dua lorong jadi enam lorong. Tetapi tanpa peruntukan untuk menaikkan taraf kampung-kampung yang di hadapan jalan raya ini akan menjadi satu eye sore, Tuan Pengerusi, mungkin menjadi satu kawasan mundur tetapi hadapan kampung tersebut begitu cantik, canggih jalan tersebut tetapi pembangunan di kampung tersebut masih ketinggalan.

Begitu juga tambahan untuk menaikkan taraf jalan-jalan di Kampung Sungai Ramal yang begitu dekat dengan Putrajaya ini mungkin saya ingat satu pertimbangan diberi oleh pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Dan juga saya harap Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengambil tindakan merancang semula kampung-kampung tersebut supaya menaikkan taraf kampung tersebut setaraf dengan Putrajaya yang tidak jauh. Kampung Sungai Ramal di antara Bandar Baru Bangi dan Putrajaya. Inilah satu kawasan lokasi yang begitu strategik untuk menaikkan taraf kehidupan rakyat bumiputera di kawasan tersebut.

Selain daripada itu maka ada lagi kampung-kampung di kawasan Puchong di mana kampung-kampung yang begitu lama tinggal di situ secara pertanian dahulu tetapi sekarang oleh kerana kawasan telah dibangunkan begitu pesat, kampung-kampung Puchong tersebut telah berubah coraknya di mana akan diambil tindakan untuk membangunkan semula. Waktu ini masih terdapat jalan-jalan di bawah jagaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya ucap terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga memberi peruntukan pada tahun ini tetapi hanya RM500,000 tidak cukup untuk membiayai menaikkan taraf jalan-jalan yang terlibat dengan sembilan kampung tersebut. Maka sebab itu peruntukan tambahan untuk menaikkan taraf infrastruktur di kampung tersebut mungkin menjadikan kampung dalam kawasan Puchong ini merupakan satu ketinggalan.

Maka dengan itu saya mintalah pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya memberi peruntukan tambahan di mana kawasan Puchong dan kawasan Sungai Ramal ini dapat dinaikkan taraf supaya diserahkan kepada JKR. Buat waktu ini jalan masih diselenggarakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar tetapi setelah dinaikkan taraf jalan tersebut mungkin pada masa akan datang maintenance jalan-jalan tersebut dijaga oleh JKR dan sampai tahap itu infrastruktur di kawasan kampung tersebut akan setaraf dengan bandar yang sedang dimajukan di kawasan itu. Maka dengan itu saya minta pihak Kementerian

Pembangunan Luar Bandar menimbangkan kerana dengan lokasinya, kerana kawasan begitu strategik yang dekat Putrajaya, seluruh kawasan ini maka itu akan dapat satu perancangan yang menyeluruh untuk menaikkan taraf sekali gus dalam infrastruktur tersebut.

Sekian, Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Balik Pulau.

3.25 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kepala B.48 sebanyak RM11 juta untuk RISDA dan juga P.48, Butiran 03100 sebanyak RM115 juta untuk FELCRA. Kedua-dua agensi ini dipertanggungjawabkan, satu, untuk proses penanaman semula getah untuk pekebun-pekebun kecil di kawasan luar bandar. Yang keduanya ialah FELCRA terlibat juga dalam usaha yang lebih kurang sama iaitu pemulihan dan juga penyatuan tanah-anah terbiar.

Kita khususnya pada industri getah, Tuan Pengerusi, negara ini banyak dibangunkan berasaskan pada industri ini, tetapi hari ini Malaysia merupakan hanya negara ketiga terbesar dari segi getah dalam pasaran dunia dan sebenarnya kedudukan kita itu akan semakin kurang kerana peningkatan acreage yang dilakukan di Thailand dan juga di Indonesia. Jadi pagi tadi kita telah bincangkan tentang Kementerian Perusahaan Utama untuk mencari pasaran, untuk membekalkan pasaran dan juga untuk mengukuhkan persaingan komoditi ini di pasaran komoditi antarabangsa. Tetapi soal pengeluaran khususnya masih lagi dalam bidang tugas ataupun tanggungjawab Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kita telah menaikkan produktiviti dalam sektor ini, dalam getah misalnya. Kita terima hakikat bahawa ramai orang masih lagi terlibat sebagai pekebun kecil.

Kita telah memperkenalkan kaedah torehan dan sebagainya yang telah menyebabkan input buruh itu berkurangan. Oleh sebab itu produktiviti dalam hal

ini telah naik. Tetapi persoalannya ialah peningkatan produktiviti dalam industri getah pekebun kecil ini, walaupun dia naik tetapi ia tidak dapat hendak diterjemahkan kepada peningkatan pendapatan oleh kerana sebab-sebab yang tertentu. Bagi saya sebab yang utama ialah dan sebab ini bukan sebab yang baru kita tahu tetapi sebab yang sudah lama kita tahu iaitu pegangan tanah ataupun saiz pekebun-pekebun kecil ini adalah tidak cukup besar. Kalau ada 4 ekar kita tingkatkan produktiviti macam mana pun kalau Kementerian Perusahaan Utama pandai urus stok getah di pasaran dunia macam mana pun kita naik harga. Jadi 4 ekar kalau naik RM3 satu kilo pun dia masih lagi tidak merupakan satu kegiatan ekonomi yang boleh menarik minat orang untuk terlibat.

Jadi saya minta supaya usaha untuk sama ada melalui RISDA ataupun FELCRA ini sambil kita hendak beri bantuan penanaman semula kita kena guna kesempatan ini untuk menyatukan ataupun consolidate saiz-saiz pegangan small holding ini supaya dia sampai kepada satu tahap yang lebih ekonomik, yang lebih munasabah dan pada tingkat itu barulah boleh industri pekebun kecil ini pulangnya dari segi terlibatnya kita dalam industri itu adalah tidak terlalu jauh dengan kegiatan-kegiatan alternatif yang lain. Kalau berniaga pasar malam, berniaga kuih, jual hasil kebun di pasar malam pendapatannya tinggi daripada susah payah hendak toreh getah, jadi siapa hendak pergi toreh getah. Dan juga satu perubahan struktur dalam industri ini ialah sumber pendapatan daripada penorehan getah pekebun kecil ini pada satu ketika dahulu ia primary source of income. Sekarang ini dia mula berubah kepada sikit-sikit kegiatan lain, jadi dia jadi secondary source of income. Kita juga hendak memperkenalkan benda lain yang boleh dibuat dalam tanah itu sendiri. Jadi, makin lama makin pergantungan kepada getah itu sendiri makin akan menurun. Jadi, kita kena fikir semula tentang bagaimana hendak me'rasionalize'kan size tanah ini dan pihak yang boleh melakukan benda ini ialah RISDA sendiri kerana RISDA pegang kuasa semasa penanaman semula. Jadi, kita tidak hendak supaya ladang ini atau pekebun-

pekebun kecil ini masih lagi tiga ekar, empat ekar dan lima ekar dan lebih buruk daripada itu ialah pekebun-pekebun kecil yang terbiar. Jadi, kalau tanah pekebun kecil FELCRA ini terbiar adalah tanggungjawab RISDA. Jadi, soalan saya yang akhir mengenai hal ini ialah apakah kita telah lakukan satu kajian ataupun satu analisis tentang apakah saiz optimum pekebun kecil, bukan sekarang ini tetapi lagi sepuluh, dua puluh tahun, sebab hayat pokok getah ini saya pun tidak tahu mungkin 20 tahun.

Jadi, untuk satu cycle ke depan kita kena tengok apakah saiz optimum satu-satu pekebun kecil berdasarkan kepada kos input dan juga kepada anggaran hasil yang dapat diperolehi daripada jualan getah ini dalam tahun 2010 ataupun dalam tahun 2020. Jadi, baru kita boleh agak saiznya banyak mana dan dalam masa penanaman semula usaha penyatuan kebun-kebun getah ini boleh kita menghala ke arah itu. Tetapi sebelum membuat itu soalan yang saya kemukakan tadi itu hendaklah dijawab dahululah. Kalau tidak boleh jawab soalan itu kita tidak boleh hendak rancang ke arah itu. Jadi, saya harap dapat dibekalkan dalam usaha penanaman semula ini....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat pandang ke mana itu?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Ya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat pandang ke mana itu?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:saya hendak bertanya soalan ini sahaja tentang adakah sudah ada satu perancangan saiz optimum pekebun kecil, saiz pegangan pekebun-pekebun kecil untuk tempoh 10 ataupun 20 tahun yang akan datang.

Perkara yang berikut, Tuan Yang di-Pertua, ialah bersangkutan dengan FELCRA dan FELDA ini juga sebab kita sudah belanja tambah RM115 juta. Jadi, FELCRA dan FELDA terlibat dalam getah dan juga dalam kelapa sawit. Yang

saya hendak tegur dan ingin dapat maklumat tambahan daripada kementerian ialah masa harga naik dalam tempoh dua tahun yang lepas saya nampak pengeluar-pengeluar yang bersangkutan dengan kerajaan, FELCRA dan FELDA duduk sahaja dan memperolehi nikmat daripada peningkatan harga itu. Tetapi ia tidak bersikap proaktif dan juga profesional sebab ia keluarkan misalnya minyak sawit mentah ia patut agresif dalam pasaran the Chicago Board of Trade dan menggunakan penglibatan mereka dengan the Chicago Board of Trade untuk mencipta kelebihan untuk minyak sawit di Malaysia. Jadi, semasa harga sedang naik kita duduk dan menikmati kelebihan itu tetapi bila harga jatuh kita merungut. Jadi, pengurusan FELDA dan juga FELCRA ini kenalah mengambil sikap bahawa industri yang kita terlibat ini sama ada getah ataupun kelapa sawit adalah industri bukan di Malaysia sahaja tetapi industri ini adalah industri komoditi antarabangsa dan cara kita menguruskan kedua-dua industri ini mestilah juga mempunyai skop yang antarabangsa.

Jadi, sebab dua agensi ini yang saya sebut tadi adalah pengeluaran yang utama dalam hal ini walaupun ia duduk dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar, bukan duduk dalam Kementerian Perusahaan Utama sebab ia terlibat dari segi pembangunan wilayah tetapi pengurusannya hendaklah mengambil sikap bahawa kita terlibat dalam global commodity market. Kita kena bertindak untuk mendapat manfaat yang sebanyak mungkin dari segi terlibat dalam pasaran-pasaran komoditi yang lain sama ada di Singapura ataupun di Chicago yang besar yang terlibat dari segi getah dan juga minyak sawit. Jadi, bila orang luar datang dalam Kuala Lumpur Commodity Exchange (COMEX), sekarang sudah ubah nama COMEX dia buat duit dari segi dagangan kelapa sawit semasa kita naik harga tetapi kita tidak pergi pula ke Chicago untuk buat duit semasa kesempatan untuk kita buat duit.

Tuan Pengerusi, jadi, perlu ada sedikit perubahan dari segi pengurusan kedua-dua FELDA dan juga FELCRA ini dalam arah ini – syarikat swasta besar-

besar seperti OIO, KLIK, Sime Darby, Harrison yang itu mereka sudah pandai buat duit, mereka bukan badan kerajaan, jadi kita tidak kisah kepada mereka. Tetapi yang ini yang mendapat peruntukan daripada kerajaan saya harap kita ubah sedikit pendekatan ini supaya pandangan mereka, penglibatan mereka dalam industri ini adalah pada skop antarabangsa, skop yang global.

Dengan kata-kata itu, Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tidak boleh melangkau masa kerana pada esok sehari sahaja lagi kita ada masa hendak menamatkan tiga rang undang-undang. Saya minta maaf jika sekiranya begini banyak saya tidak boleh benarlah. Saya hendak beri seorang sahaja lagi, minta maaf. Kalau sekiranya saya tidak jaga masa nanti saya pula disalahkan. Minta Kepong bercakap.

3.38 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya akan pendekkan ucapan. Saya pun berasa gembira kerana Tuan Pengerusi boleh ingat sejak tahun 1992, tidak ramai orang yang berminat tetapi sekarang ramai orang berminat, itu peralihan zaman.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terus cerita sahaja.

Tuan Pengerusi: Masing-masing sudah faham.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah faham, mungkin lain kali kita boleh berminat dalam Jawatankuasa Pilihan pula.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Mr. Bean ini, boringlah!

Dr. Tan Seng Giaw: Apa pasal boring pula, belum bermula lagi boring pula. Memang sikap tidak betul.

Tuan Yunus bin Rahmat: Janganlah jual ubat.

Dr. Tan Seng Giaw: Dengan cara yang singkat, Tuan Pengerusi, pertama mengenai RISDA saya pun ada bincang dengan Yang Berhormat dari Beruas tetapi itu bukan bidang dia. Tetapi sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya harap dapat jawab kerana RISDA pun sudah diberi mandat untuk menjadikan pekebun-pekebun kecil jumlah mungkin 200,000 hektar untuk menjadikan ladang. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana 200,000 hektar ini akan dijadikan ladang sebab ini memang penting. Seperti mana Balik Pulau sedar bahawa kita menghadapi satu jalan yang peralihan dalam beberapa tahun akan menentukan jumlah saiz ladang di Malaysia untuk getah dan cara-cara nilai tambah yang perlu diikuti untuk mengekalkan industri getah di Malaysia. Bolehkah Yang Berhormat terangkan berapa jumlah yang diperuntukkan untuk tanam semula tahun ini, adakah lebih daripada RM1.5 juta dan macam mana masalah-masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil dapat diselesaikan.

Tuan Pengerusi, mengenai FELCRA. Tuan Pengerusi masih ingat saya sentiasa ada bangkitkan masalah FELCRA yang bagi saya ada kelemahan-kelemahan termasuk pengurusan di dalam peringkat FELCRA dan sekarang diminta lebih RM110 juta untuk meneruskan aktiviti utama dalam memulihkan tanah-tanah terbiar. Di sinilah kita hendak tanya setakat manakah pihak FELCRA dapat meningkatkan urusannya dan dapat menghapuskan segala penyelewengan yang wujud dari masa ke semasa dan juga setakat ini projek-projek memulih dan menyatukan tanah-tanah terbiar ini dapat dijayakan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, masalah KEMAS. Masalah KEMAS ini memang satu masalah yang tidak diakui oleh sesetengah pihak ahli Barisan Nasional, mungkin kerana mereka hendak gunakan KEMAS untuk tujuan tertentu yang tidak diminta di dalam Maksud B.48 ini. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana wang yang telah pun digunakan ini digunakan untuk membiayai bayaran elaun kakitangan kontrak untuk kemajuan masyarakat KEMAS ini, macam mana kita dapat mengupah kakitangan kontrak. Adakah ini

untuk taman didikan kanak-kanak ataupun untuk bidang-bidang yang lain. Bolehkah Yang Berhormat memberi jaminan bahawa aktiviti-aktiviti KEMAS ini tidak akan disalahgunakan untuk maksud politik parti siasah sahaja.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan hal ini kerana saya sering nampak kegiatan KEMAS itu untuk tujuan politik siasah. Ini tidak baik kerana ini...

Tuan Pengerusi: Di bawah mana itu Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, Tuan Pengerusi, Maksud P.48 – RM8.8 juta untuk elaun kakitangan kontrak bagi kakitangan Bahagian Kemajuan Masyarakat, KEMAS. Saya berharap dengan akhir ucapan saya mereka dapat memperkemarkan fungsi dan kewipan KEMAS untuk mengemaskan semua dan untuk menentukan tidak terlibat dengan tujuan-tujuan parti siasah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab, sila.

3.43 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan mengenai peruntukan tambahan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Yang Berhormat dari Mentakab membangkit beberapa perkara yang telah disebutkan tadi kita tidak bincang pada mesyuarat Parlimen yang lepas dan kita ada jawapan tambahan. Jadi, saya akan bincang dengan pegawai kerana sejauh mana yang kita tahu segala syarat dan jawapan-jawapan yang kita beri pada mesyuarat yang lepas masih kita gunakan sehingga sekarang. Jadi, saya akan bincang dengan pegawai-pegawai dan akan beritahu kepada Ahli Yang Berhormat selepas saya mendapat maklumat terperinci mengenai perkara ini.

Yang Berhormat dari Bintulu menyentuh mengenai bekalan elektrik luar bandar. Nampaknya beliau membuat ucapan sebagai satu ucapan politik untuk pilihan raya kerana beliau menyatakan kita mengabaikan kawasan luar bandar,

tidak memberi bekalan elektrik dengan sedaya upaya dan beliau juga menuduh bahawa kita mengamalkan dasar yang tidak betul. Jadi, saya rasa Yang Berhormat dari Bintulu tidak berapa faham mengenai segala program bekalan elektrik kita di seluruh Malaysia termasuk di Sarawak. Saya berharap kerana selama ini beliau adalah antara seorang daripada parti DAP yang selalu memberi pandangan yang baik, tetapi mungkin sekarang sudah dipengaruhi oleh kawan-kawan yang dekat maka membuat pandangan yang tidak berapa manis, sudah rosak oleh kerana sakit JE nampaknya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bintulu Kerajaan Malaysia memang sedaya-upaya untuk membekalkan bekalan elektrik. Buktinya ialah bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketujuh walaupun peruntukan diberi pada mulanya adalah RM150 juta tetapi oleh kerana Kerajaan Persekutuan mengetahui keperluan yang banyak di negeri Sarawak dan negeri Sabah, maka negeri Sarawak telah ditambahkan kepada RM207 juta peningkatan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Ini salah satu tambahan yang baik, yang banyak. Matlamat ini adalah supaya ramai lagi penduduk luar bandar mendapat bekalan elektrik.

Begitu juga kerana syarat-syarat kementerian adalah bahawa untuk bekalan grid ianya hanya dibekalkan kepada kawasan-kawasan di mana per kapita kosnya adalah RM10,000 untuk satu keluarga. Oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional sedar bahawa masalah di sana dan keperluan untuk kos mungkin meningkat, maka per kapita kosnya ditingkatkan kepada RM15,000 kadang-kadang ditingkatkan kepada lebih sampai RM17,000 satu keluarga. Ini untuk memastikan bahawa liputan bekalan elektrik dapat diberi lebih luas lagi di kawasan-kawasan luar bandar kerana kerajaan sedar keadaan di Sabah dan Sarawak di mana penduduknya bertaburan di seluruh kawasan luar bandar maka dasarnya kita kena ubah sedikit.

Walau bagaimanapun, bahawa kesemua lima buah kampung di negeri Sarawak tidak dapat dibekalkan dengan bekalan elektrik, walaupun Ahli Yang

Berhormat bagi Bintulu jadi menteri luar bandar pun tidak juga mampu untuk membekalkan talian grid kepada kawasan di Belaga ataupun di Ulu Tubau kerana daerah Ulu Tubau adalah begitu jauh dari stesen grid, tetapi bagi kita di BN, kita ada dasar iaitu kita membekalkan bekalan elektrik secara alternatif, yang pertama, kita membekalkan dengan secara solar dan yang kedua, membekalkan rural power station dan juga kita memberi generator set yang kecil-kecil.

Ini juga diterima baik oleh orang-orang kampung dan orang-orang di rumah panjang, termasuk Ahli Yang Berhormat sendiri saya percaya juga bersetuju mengenai dengan tindakan ini. Dengan cara ini, kita berharap ramai lagi penduduk di luar bandar akan mendapat bekalan elektrik selari dengan Dasar IT kerajaan dan sekarang liputannya adalah dalam lingkungan 82% untuk negeri Sarawak.

Ahli Yang Berhormat bagi Machang tadi menyentuh mengenai RISDA, dan beliau menyeru bahawa insentif akan diberi dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, itulah sebab ada peruntukan yang kita pohon iaitu untuk membaiki dan membantu pekebun-pekebun kecil supaya pendapatan mereka dapat ditambah dari kebun masing-masing.

Mengenai PJK, Ahli Yang Berhormat bagi Machang juga menyentuh mengenai projek jalan kampung, beliau menyokong dan minta banyak lagi bantuan diberikan kepada kawasan beliau. Saya rasa semua wakil rakyat di luar bandar memang minta banyak lagi peruntukan untuk projek jalan kampung ini kerana ini adalah satu projek yang begitu popular sekali dan kita berharap kementerian akan membahagi-bahagikannya mengikut keutamaan dan mengikut keperluan di negeri masing-masing.

Yang ketiga, yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat bagi Machang tadi ialah mengenai peranan RISDA untuk menapis peserta PPRT dan beliau memberitahu bahawa pemilihan adalah lambat dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, kita kena berhati-hati untuk memilih siapa yang layak untuk menerima ataupun penerima bantuan PPRT ini kerana banyak aduan yang

diterima bahawa ada penerima-penerima tertentu yang menerima projek PPRT sepatutnya tidak layak. Oleh itu kita minta bantuan oleh RISDA dan juga bantuan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia untuk menapis semua senarai rakyat termiskin ini supaya akhirnya kita dapat memberi bantuan kepada sesiapa yang layak dan sesiapa yang sepatutnya diberi bantuan ini.

Memang kita perlu kerjasama daripada wakil-wakil rakyat dan saya minta semua wakil rakyat berhubung dengan pegawai daerah untuk membantu kita supaya kita dapat menentukan segala program yang ditentukan itu sampai ke peringkat sasaran. Oleh itu, kementerian mengamalkan dasar pendaftaran terbuka kerana dengan cara itu kita mendapat maklumat dari masa ke semasa untuk menentukan bahawa mereka yang sepatutnya dibantu mendapat bantuan.

Mengenai Ahli Yang Berhormat bagi Sepang tadi, PJK sama juga dengan Ahli Yang Berhormat bagi Machang

Tuan Yunus bin Rhmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya, ya

Tuan Yunus bin Rhamat: Tuan Pengerusi, saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai dengan saham FELCRA. Saya hendak bertanya, adakah sistem pemilihan bagi peserta-peserta FELCRA ini dibuat melalui penamaan sahaja ataupun dibuat melalui proses temu duga kerana banyak lagi terdapat peserta yang masih belum ditentukan.

Kalau FELCRA di Jelevu misalnya, kita mempunyai keluasan tanah yang cukup banyak dan masih lagi belum dapat diisi oleh peserta-peserta dan saya difahamkan tanah-tanah kerajaan yang diusahakan oleh FELCRA telah pun diserahkan kepada Menteri Besar Incorporated. Jadi bermakna, hanya kerajaan negeri sahaja yang berkuasa untuk menentukan siapakah yang akan diberikan saham melalui pengisian kuota, melalui mereka yang ditentukan masih tergolong dalam PPRT.

Jadi, saya ingin bertanya, apakah kuasa FELCRA dalam soal untuk mencari calon-calon ini ataupun peserta-peserta ini, adakah keseluruhannya tertakluk kepada kerajaan negeri masing-masing, sedangkan kita berbelanja begitu banyak, puluhan juta untuk mengusahakan program tersebut.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, saya berharap Ahli Yang Berhormat bermaksud saham untuk rakyat termiskin - PPRT kerana ada program di mana FELCRA membantu rakyat termiskin. Jadi, dalam perkara ini, FELCRA adalah menjadi sekretariat untuk memilih dan kita juga menggunakan senarai induk dan akhirnya kita berikan kepada kerajaan negeri untuk menentukan senarai PPRT yang boleh masuk dalam program ini.

Tetapi walau bagaimanapun, kalau Ahli Yang Berhormat ada masalah, boleh berhubung dengan kementerian dan kita akan teliti segala masalah yang dihadapi di Jelebu itu.

Mengenai Ahli Yang Berhormat bagi Sepang tadi, kita telah jawab

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara yang sama iaitu share FELCRA ini, saya dapati bahawa tidak ada wakil rakyat pun yang tahu dan orang yang dapat saham FELCRA itu pula, mereka suka bercakap besar di kedai, apakah kriteria di antara orang yang dapat dan yang tidak dapat itu, wakil rakyat tidak dihubungi langsung. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, kita berharap kita ada sistem di mana wakil rakyat juga tahu siapa yang dapat tetapi kita berharaplah siapa yang dapat itu jangan bercakap besar, jangan pula hendak bertanding jadi wakil rakyat. *[Ketawa]* Kerana sepatutnya, mereka ini adalah termasuk dalam senarai rakyat termiskin. Jadi, mereka adalah daif dan pendapatan mereka kurang, separuh dari pendapatan kemiskinan, maka inilah sasaran kita untuk membantu mereka.

Ahli Yang Berhormat bagi Balik Pulau ada memberi pandangan mengenai industri getah dan kita akan mengambil maklum kepada pandangan beliau itu. Memang masalah yang kita hadapi adalah economic size, dengan izin, tanah pekebun-pekebun kecil. Oleh kerana itulah RISDA telah membuat gesaan bahawa mereka menggalakkan semua pekebun kecil ini untuk terlibat dalam program tanaman berkelompok kerana dengan cara itulah RISDA berharap kita dapat menggunakan segala sistem yang ada mengenai pengurusan yang terkini, pemasaran dan sebagainya dapat digunakan dan dengan ini kita berharap pendapatan pekebun kecil ini dapat dioptimumkan oleh kita.

Mengenai kajian apakah optimum saiz pekebun kecil, setakat ini kita belum buat, tetapi kita fikir mungkin dalam tahun yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi, kita berharap tidak ada pekebun kecil akan mengusahakan kebun dia sendiri yang seluas dua ataupun tiga hektar. Mungkin pada ketika itu nanti semua hendak terlibat dalam satu program berkelompok kerana mungkin semua akan faham apa faedahnya untuk menyertai program itu.

Ahli Yang Berhormat bagi Kepong ada beberapa soalan....*[Melihat ke tempat duduk Y.B bagi Kepong]*

Tuan Pengerusi: Ya. Dia tidak ada, ya.

Datuk Douglas Uggah Embas: Kerana beliau tidak berminat untuk mendapat jawapan, jadi saya tidak perlu jawab.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan. Jadi apa-apa pandangan ataupun cadangan yang saya tidak jawab akan diambil perhatian oleh kementerian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM19,800,000 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM19,800,000 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM205,622,000 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM205,622,000 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2)1999.

Maksud B.50 [Jadual] –

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.50 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan terbuka untuk dibahas.

[Tiada Perbahasan]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM70,000,000 untuk Maksud B.50 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan jadi sebahagian daripada Janual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM70,000,000 untuk Maksud B.50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.52 [Jadual] –

Maksud P.52 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1999] –

Tuan Pengerusi: Kepada Bekalan B.52 dan Kepala Pembangunan P.52 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas. Bagan.

3.57 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, kini kita diminta supaya memperuntukkan satu jumlah RM60 juta iaitu untuk bayaran pampasan tol kepada

syarikat-syarikat konsesi penswastaaan lebuah raya. Secara singkat, bolehkah Yang Berhormat memberitahu semua syarikat konsesi yang diberi pampasan ini menyatakan, apakah kadar tol sekarang, tahun depan dan tahun kemudian, berturut-turut sehingga habis konsesinya kerana dalam surat khabar kelmarin ada menyatakan bahawa dari Bukit Kayu Hitam hendak pergi ke Johor Bahru, satu kereta private mungkin akan menjangkau RM70 lebih sekali jalan, pada tahun 2030.

Jadi, soalan yang ditimbulkan di semua kalangan rakyat bahawa mungkin satu hari rakyat tidak mampu lagi membawa kereta di atas jalan bertol ini. Jadi, antara RM60 juta, butir-butir pemberian atau pengagihan diberi kepada syarikat-syarikat konsesi dan harga-harga atau kadar tol yang mereka caj untuk tahun-tahun yang akan datang dan adakah sebarang langkah-langkah diambil supaya perkara ini boleh ada satu remedi supaya tol ini boleh dikurangkan dan tidak mesti ditambah setiap tahun.

Dengan ini saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab.

Tuan Pengerusi: Ya, Kubang Kerian.

4.00 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, perbelanjaan RM60 juta diperlukan untuk dibayar kepada syarikat-syarikat konsesi yang menjalankan jalan raya secara tol. Saya ingin bertanya kenapa kita perlu memberi bayaran ini sedangkan kerajaan telah bersetuju untuk memanjangkan tempoh. Mereka sudah kutip lagi banyak sebab sudah dipanjangkan tempoh dan ada pula yang telah habis tempoh masih lagi kutip bayaran tol seperti di Jalan Kuching, walaupun mereka telah untung begitu banyak. Saya juga ingin bertanya syarikat mana yang rugi kalau kerajaan tidak menampung sebanyak RM60 juta ini dan banyak mana mereka boleh rugi?

Selalunya pihak kerajaan termasuk Perdana Menteri, kalau tidak mahu naikkan bayaran tol tidak apa tetapi kerajaan kena bayar kepada syarikat-syarikat yang dianugerahkan untuk buat jalan raya ini. Soalnya, masa dibuat perjanjian itu apakah pihak kementerian bagitu lalai sehingga tidak dapat menjangka berapa kali kadar tol hendak dinaikkan dan sampai kerajaan kena tampung setiap kali bila kadar tol tidak dinaikkan. Saya ingin tahu banyak mana kerugian kalau kerajaan tidak menampung RM60 ini dan betulkah mereka ini rugi?

Kita harap perkara ini tidak berterusan menjadi rungutan rakyat iaitu bila tidak naik tol rakyat juga rugi, wang kerajaan itu terpaksa dibayar walaupun tempoh telah dipanjangkan, jadi, ikut mana pun syarikat-syarikat ini yang untung dan yang rugi dan menanggungnya ialah rakyat iaitu pengguna-pengguna jalan raya, khasnya kita lihat di Kuala Lumpur ini kalau kita bergerak satu hari kita kena sediakan hampir RM10 duit tol satu hari, termasuklah pegawai-pegawai kerajaan yang berulang-alik ke Putrajaya dan sebagainya. Mereka mesti spent duit tol sampai RM200 hingga RM300 sebulan sedangkan gaji mereka tidak naik sebanyak itu. Ini satu perkara yang cukup besar yang berlaku dalam negara kita sekarang, yang kita lihat kerajaan begitu pro kepada tauke-tauke ini yang menyebabkan pengguna begitu teruk menghadapi masalah kenaikan tol ini. Saya mohon penjelasan mengenai hal ini.

Tuan Pengerusi: Ya, Tanjong.

4.03 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, permohonan untuk RM60 juta sebagai pampasan kepada syarikat-syarikat konsesi penswastaan lebuhraya merupakan peruntukan yang ketiga dalam anggaran tambahan ini di mana wang rakyat digunakan untuk menggantikan rugi atau membantu syarikat-syarikat yang mendapat penswastaan. Kita diberitahu penswastaan ialah untuk mengurangkan beban kerajaan tetapi dalam supplementary estimate ini, ini sudah kali yang ketiga; yang pertama ialah RM250 juta untuk projek Syarikat Kuala

Lumpur People Rapid Transit Sdn. Bhd. (KLPRT), RM150 juta untuk Indah Water Konsortium (IWK) dan sekarang RM60 juta untuk pampasan penswastaan lebuh raya, jumlah RM460 juta yang menunjukkan beban rakyat, beban kerajaan bertambah, bukan berkurang.

Apa yang patut dikutuk di sini ialah proses penswastaan lebuh raya khasnya konsesi-konsesi yang diberi tidak ada ketelusan. Kita tidak tahu langsung apakah detail-detail mengenai konsesi-konsesi yang diberi kepada syarikat-syarikat tertentu yang ada bersangkutan-paut dengan kroni-kroni orang-orang tertentu, kita tidak tahu. Sepatutnya kita patutlah ada butiran yang lebih jelas mengenai RM60 juta ini dibayar kepada siapa? Apa syarikatnya? Satu syarikat, dua syarikat atau tiga syarikat, bukan satu global figure. Kita tidak tahu sama ada ini kepada PLUS atau bukan sahaja kepada PLUS tetapi kepada syarikat-syarikat yang lain yang ada lebuh raya-lebuh raya yang lain. Apa yang kita tahu ialah banyak lebuh raya yang perlu diganti rugi oleh kerana konsesi-konsesi yang mereka ada sangat menguntungkan mereka dan apabila ada bantahan orang ramai, barulah ada keputusan tidak membenarkan kenaikan tol tetapi perlu ganti rugi, ama ada PLUS, North-South Express Way atau Elite North-South Central Link atau MTD Capital Berhad, Kuala Lumpur-Karak Highway atau Intria Berhad oleh kerana jambatan negeri Pulau Pinang atau Lingkaran Trans Kota Sdn. Bhd., Damansara-Puchong Expressway. Apa kedudukan setiap batang lebuh raya, kita tidak tahu.

Mengenai PLUS nampaknya kita mahu tunggu butiran-butiran daripada kerajaan yang commit wang rakyat tetapi daripada PLUS oleh kerana dalam satu kenyataan yang dibuat oleh PLUS awal bulan ini yang mengumumkan bahawa satu Supplemental Concession Agreement sudah dimeterai antara syarikat itu dengan kerajaan, kenapa rakyat tidak diumumkan atau dimaklumkan mengenai semua butiran di mana dipanjangkan lagi concession 12 tahun. Bukan sahaja tempoh concession dipanjangkan daripada Mei 2018 kepada Mei 2030 tetapi ada satu struktur tariff yang baru malah kerajaan perlu memberi satu soft loan RM212

juta selepas berbilion-bilion ringgit pinjaman khas yang diberi dalam masa pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan. Sekarang satu lagi soft loan berjumlah RM212 juta dan ini daripada mana? Adakah ini dimasukkan di dalam peruntukan ini.

Mengenai pampasan-pampasan yang perlu dibuat kepada lebu-lebu raya yang lain sama ada North-South Central Link, Kuala Lumpur-Karak Highway, Penang Bridge, Damansara-Puchong Expressway, kita harap kita boleh mendapat satu gambaran yang jelas oleh kerana ini adalah hak rakyat jelata tetapi apa yang mustahak ialah cara penswastaan. Bagaimana kita boleh kata bahawa program penswastaan berjaya kalau semua syarikat yang mendapat penswastaan itu di tempat satu kedudukan di mana, dengan izin, head, tidak boleh kalah, mereka tidak boleh rugi, kalau rugi kerajaan selamat, kalau untung mereka sendiri untung. Sebenarnya dalam satu keadaan di mana rakyat boleh rugi mereka pun terus untung. Saya harap mungkin kita boleh dapat satu jawapan di sini oleh kerana semacam Lebuhraya Utara-Selatan, PLUS yang ada hubungan yang sangat intim dengan UEM dan Renong, adakah sebenarnya bahawa ada soalan-soalan yang ditanya di sini dengan cepat, dengan izin, a few questions need to be asked: Why did UEM pay six month-bonus to its staff last year, if it was operating in debt? Why is holiday pay for PLUS workers even now five times more than the daily rate? How was the UEM Chairman paid so much money, he could afford two executive jets and have enough fund left for over RM300 million for divorce settlement. Why did Renong utilised RM2 billion interest-free loan to buy five listed companies instead of using it (the loan) for operational needs?

Ini semua bersangkutan-paut dengan wang-wang rakyat yang diberikan kepada syarikat-syarikat tertentu, bukan untuk operational costs tetapi untuk membolehkan mereka meneruskan 'corporate juggling' untuk kekayaan dan kepentingan orang-orang tertentu sahaja di mana kepentingan orang ramai boleh kata digadaikan. Sampai sekarang kita tidak boleh mendapat satu jaminan

daripada pihak kerajaan kenapa semua konsesi tidak boleh diumumkan. Kenapa perlu diletakkan di dalam Official Secret Act?

Timbalan Perdana Menteri kata kalau konsesi mengenai Lebuhraya Utara-Selatan diumumkan, semua konsesi yang lain pun perlu diumumkan dan jawapan saya ialah kenapa tidak boleh kalau kita mahu satu kerajaan yang terbuka, yang telus dan yang bertanggungjawab kepada orang ramai, kalau tidak ada benda-benda dalam konsesi-konsesi di mana kepentingan rakyat diketepikan.

Saya berharap bahawa kita boleh diberitahu kenapa sekarang berkali-kali ada peruntukan untuk menyelamatkan (bailout) syarikat-syarikat tertentu yang mendapat keuntungan khas dengan diberikan penswastan tanpa tander, tanpa satu proses yang adil? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Gelang Patah.

4.11 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberikan peluang untuk saya membahs Maksud Bekalan B.52 Kementerian Kerja Raya.

Saya ingin menyentuh tentang perkara Linkedua (Malaysia) Berhad, tentang Lebuhraya Linkedua Malaysia-Singapura yang mana baru-baru ini terdapat kesesakan lalu lintas yang lebih serius di Tambak Johor, lori-lori jammed di Tambak sana lebih sepuluh jam dan mereka tidak menggunakan Linkedua kerana tol yang tinggi. Memandangkan kesesakan yang serius ini, saya harap pihak Kerajaan Pusat dapat mempengaruhi pihak Linkedua supaya dapat mengurangkan kadar tol sekarang.

Yang kedua, kita perlu mengambil kira bahawa pihak Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri telah memberikan segala kerjasama dan menolong pihak Linkedua untuk mengambil lebih 10,000 hektar tanah kerana pembinaan laluan ini dan kita yakin satu hari nanti harga tanah-tanah yang diambil oleh mereka ini tentu akan meningkat dan pihak Linkedua perlu peka tentang kepentingan negara terutama

jika kadar tol dapat dikurangkan dan dapat mempertingkatkan kegunaan laluan kedua ini, ia akan dapat mewujudkan pertumbuhan kemajuan di kawasan sana.

Pada masa pampasan tanah ini diadakan pada tahun 1994, kadar bayaran pampasan yang dibayar oleh Linkedua adalah di antara RM27,000 hingga RM100,000 satu ekar dan jika dibandingkan dengan kadar pampasan yang dibayar oleh Pelabuhan Tanjung Pelepas yang diberikan oleh Kerajaan Pusat di kawasan yang berhampiran di sana adalah di antara RM250,000 hingga RM350,000 satu ekar.

Perbezaan yang besar di antara dua projek raksasa di kawasan Parlimen Gelang Patah ini telah mendatangkan satu pertanyaan di antara pekebun-pekebun kecil yang mana tanah-tanah mereka diambil. Mengapa pada masa pampasan dibuat dalam tahun 1994 dan satu dalam tahun 1996, perbezaannya begitu besar. Oleh yang demikian, mereka sangat berharap dengan mengambil kira keadaan ini mereka fikir sepatutnya dengan pampasan yang rendah ini mereka perlu merendahkan kadar tol yang dikenakan kepada pengguna-pengguna jalan yang akan menggunakan laluan kedua.

Sekali lagi saya berharap, saya sudah beberapa kali membawa perkara ini ke dalam Dewan yang mulia ini. Sebagai Ahli Parlimen kawasan Gelang Patah minta kerajaan dapat menimbang semula untuk mengambil tindakan supaya kadar tol di laluan kedua dapat dikurangkan supaya dapat memperbanyakkan kegunaan laluan itu.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kepong. Selepas itu kementerian menjawab, ya.

4.01 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya akan tokok tambah kepada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjung tadi mengenai apa yang telah dibuat oleh kerajaan untuk membayar pampasan kepada syarikat-syarikat konsesi.

Tuan Pengerusi, yang penting sekali ialah kita tidak setuju dengan kontrak yang diadakan di antara syarikat-syarikat konsesi seperti di antara UEM, PLUS dengan kerajaan. Walau bagaimanapun, menurut kenyataan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya bahawa perbincangan diadakan di antara pihak kerajaan dengan syarikat-syarikat konsesi dan sekarang menurut pihak kerajaan kadar kenaikan tol yang mulanya tiap-tiap tahun 6% ataupun mengikut kadar inflasi. Menurut Yang Berhormat Menteri sekarang ini semua sudah diubah dan kadar itu akan dinaikkan setiap lima tahun dan kadar yang dinaikkan itu tidak begitu tinggi kerana kalau ikut lot 6% sampai tahun 2016 kadar tol akan sampai RM0.38 sen sekilometer.

Sekarang mengikut apa yang kita baca daripada akhbar dan berita-berita sahaja tetapi kita belum tahu apakah sebenarnya perjanjian di antara pihak kerajaan dengan pihak syarikat konsesi. Kita diberitahu daripada tahun ini sampai ke tahun 2001 bahawa kadar tol ialah RM11.24 sen satu kilometer dan sampai ke tahun 2016 dan 2030 meningkat kepada RM30.02 sen satu kilometer. Ini bermakna sudah kurang kira-kira hampir RM0.08 sen.

Walaupun bagaimanapun, kita hendak mengetahui apakah bentuk pampasan kerana menurut laporan pihak PLUS mengatakan bahawa dengan ketiadaan peningkatan kadar tarif ini, maka mereka menampung kerugian RM220 juta. Sebaliknya pihak kerajaan sudah mengatakan bahawa kerajaan akan memberi 'soft loan' RM220 juta. Apakah bentuk pampasan kepada pihak syarikat konsesi ini.

Tuan Pengerusi, masalah ini akan berterusan bukan sahaja hari ini bahkan bertahun-tahun sampai tahun 2030. Mungkin kebanyakan kita di sini sudah tidak ada lagilah, sudah balik ke rahmatullah. Tetapi walau bagaimanapun, kita bincang hal ini

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat bagi Yan, Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak begitu hendak melayan beliau [*Disampuk*] sebab dia tidak mengotakan janji. Saya hendak pergi ke Gunung Jerai, saya tahu lebih tinggi sedikit daripada bukit.

Tuan Pengerusi: Ini hendak benarkan ataupun tidak dia minta penjelasan, hendak benarkan atau tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan apa? Mungkir janji atau apa?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya boleh beri penjelasan untuk menyelesaikan

Tuan Pengerusi: hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kepong sama ada beliau sendiri sedar bahawa dengan kemudahan lebuhraya yang kita nikmati hari ini kita mendapat manfaat yang cukup banyak. Dari segi ekonomi, perniagaan, kenaikan tol ini.....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Nanti, Yang Berhormat, saya hendak jawab juga Yang Berhormat kata saya tidak tunaikan janji itu. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau Syarikat Renong diserahkan kepada Yang Berhormat untuk diuruskan supaya Yang Berhormat tahu susah payahnya untuk kita mengendalikan projek yang begitu besar, yang memakan belanja yang besar dan juga interest yang begitu besar yang perlu ditanggung oleh syarikat. Apatah lagi syarikat tersebut mempunyai tenaga pekerja yang begitu banyak yang perlu ditanggung oleh mereka.

Kedua, menjawab janji Yang Berhormat, Yang Berhormat pergi ke Gunung Jerai beritahu kepada saya bila sampai di atas kemudian dia hendak

mempengaruhi orang-orang Tionghua di Parlimen Yan untuk masuk DAP. Jadi, saya tidak mahulah jumpa dia. Itu sahaja sebabnya. Jadi, Yang Berhormat jangan marah pada saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, cakap besar di sini sebab dia takut bersama-sama saya di Yan. Takut dia bersubahat dengan DAPlah agaknya. *[Ketawa]* Inilah masalah, dia janji dengan saya akan dapatkan tempat penginapan yang nombor satu, dia kata. Bukan satu kali saya beri peringatan tetapi dua, tiga kali.....

Tuan Pengerusi: Di bawah B.52.

Dr. Tan Seng Giaw: Diapun sendiri tidak pergi ke Gunung Jerai saya ingat.

Tuan Pengerusi: Ya, sila, sila.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Point of order, Tuan Pengerusi. Bercakap di luar daripada bidang tajuk. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya hendak beri nasihat kepada Yang Berhormat bagi Yan, beliau menolong dengan baik. Apakah maksud PLUS pada mulanya kerana UEM menganggap inilah satu 'captive market' dan tiap-tiap tahun kalau boleh naik kadar tarif itu 6%. Itulah dia tengok tu, itu 'captive market', itu mesti untung punya. Ini masalah dan cara kehidupan ahli-ahli syarikat itu sangat malang sekali. Saya tidak ada eksekutif jet, dia ada dua eksekutif jet. Tuan Pengerusi pun tidak ada eksekutif jet.....

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Patutnya Tuan Pengerusi dahulu diberikan eksekutif jet.

Saya cadangkan supaya Tuan Pengerusi dapatkan eksekutif jet daripada PLUS sekarang kerana orang penting seperti Tuan Pengerusi tidak dapat eksekutif

jet. Tetapi PLUS dapat dua, Chenderoh pun tidak ada sekarang. Sekarang dia sukalah bila kita kata macam itu.

Kita tidak ada masa sebab saya hendak tahu daripada Yang Berhormat apakah bentuk pampasan RM220 juta sekarang, 'soft loan' dan sebagainya. Dan apa pampasan lagi sampai tahun 2030. Ini memang satu perkara mengenai PLUS. Satu lagi Syarikat Metacorps iaitu syarikat ibu kepada Metramac yang mendapat konsesi untuk Jalan Cheras sampai tahun 2003 dan untuk Jalan Pahang sampai tahun 2004.

Sekarang saya diberitahu bahawa Metacorps sedang berunding dengan pihak kerajaan untuk melanjutkan tempoh konsesinya 20 tahun lagi. Ini memang sampai tahun 2024 dan diberitahu bahawa mereka akan buat kerja, tidak tahulah apa bentuk kerja itu, RM100 juta kerja-kerja tambahan. Tetapi kadangkala bila dia sebutkan kerja-kerja tambahan ini seolah-olah itu kerja-kerja belaka, tidak nampak sangat. Saya hendak mengetahui sama ada perjanjian itu sudah pun dipersetujui untuk Metacorps melanjutkan konsesi-konsesi untuk Jalan Cheras dan Jalan Pahang.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, kementerian menjawab.

4.25 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Pengerusi, saya ingin menjawab secara keseluruhan berkenaan perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan peruntukan sebanyak RM60 juta di bawah Kepala B.52 – Kementerian Kerja Raya.

Tuan Pengerusi, tambahan ini diperlukan ialah bagi menampung bayaran pampasan syarikat-syarikat konsesi penswastaan lebuhraya berikutan dengan keputusan Jemaah Menteri kerana tidak menaikkan kadar tol seperti yang terdapat dalam perjanjian konsesi. Kenaikan tahunan kadar tol yang dibenarkan iaitu

kurang daripada yang terdapat dalam perjanjian konsesi. Jumlah anggaran pampasan tol yang perlu dibayar pada tahun 1999 ialah RM137,000,380. Bagi belanjawan tahun 1999 Kementerian Kerja Raya telah meluluskan sebanyak RM77,300,000 bagi tujuan bayaran pampasan tol.

Dengan yang demikian, tambahan sebanyak RM60 juta ini diperlukan untuk menjelaskan selebihnya. Maklumat-maklumat keperluan bayaran pampasan tol seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat bagi Tanjong tadi ialah sebanyak RM116,644,332.80 bagi PLUS. Yang kedua,

Tuan Lim Kit Siang: Boleh ulang.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Ya, ulang lagi. Boleh, sebanyak RM116,644,332.80 bagi PLUS.

Kedua, untuk dibayar pampasan kepada Elite Berhad sebanyak RM4,300,000 dan MTD Prime Sendirian Berhad sebanyak RM12,865,779 dan yang keempat kepada Linkedua sebanyak RM3,570,000.

Tuan Pengerusi, pampasan ini adalah perlu dilakukan oleh kerana bayaran-bayaran pampasan yang belum diselesaikan ekoran daripada pengurangan kadar tol yang telah diputuskan oleh Jemaah Menteri yang telah saya sebutkan sebentar tadi. Saya percaya Yang Berhormat sendiri sedia maklum bahawa keputusan ini adalah keputusan yang rasmi yang telah dibuat.

Yang Berhormat bagi Bagan juga telah menimbulkan

Tuan Lim Kit Siang: Untuk PLUS kalau saya tidak silap ialah RM160 juta untuk tahun ini, bukannya betul? RM160 juta lebih kurang.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: RM116 juta.

Tuan Lim Kit Siang: RM116 juta, okay, untuk tahun ini. Tetapi apakah semua pampasan yang perlu dibayar oleh kerajaan untuk tahun-tahun depan sehingga akhir konsesi? Selain daripada 'soft loan' RM220 juta itu, apakah jumlah ganti rugi yang perlu dibayar oleh kerana 'revision concession' ini selain daripada RM116 juta untuk tahun ini?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Itulah Yang Berhormat, saya akan sampai ke situ sebenarnya. Yang Berhormat bagi Bagan tadi telah menyebutkan apakah remedy jangka panjang yang sebenarnya yang boleh dilakukan oleh kerajaan bagi mengatasi perkara ini secara menyeluruh dan secara penghabisan. Maksudnya tidak akan ada lagi ganti rugi yang dilakukan oleh kerajaan walaupun kadar tol terus naik tetapi dalam kadar yang lebih rendah daripada apa yang telah dipersetujui sekarang ini.

Seperti Yang Berhormat bagi Kepong tadi telah menyebut beliau sedar bahawa lebih rendah daripada apa yang sepatutnya, bukan sahaja lebih rendah tetapi kerajaan tidak perlu membayar compensation atau pampasan lagi malah kerajaan juga dalam 'supplementary agreement' dengan PLUS telah memutuskan supaya setiap pencapaian satu-satu kutipan pada tahun-tahun tertentu kerajaan akan mempunyai profiteering dengan syarikat konsesi. Umpamanya, kalau saya boleh sebutkan di sini, perkara yang termaktub dalam perjanjian tersebut ialah daripada tahun 1999 hingga 2008 jika sekiranya traffic volume ataupun pungutan melebihi daripada yang dijangkakan, kerajaan berhak mengambil 20% daripada lebihan yang diperolehi daripada pihak PLUS. Umpamanya, kutipan yang dijangkakan diperolehi dalam tahun demikian ialah RM1 juta, tetapi PLUS memperolehi RM1.2 juta. Bererti lebih RM200,000. Daripada RM200,000 kerajaan berhak mengambil 20% daripada keuntungan yang sedemikian.

Jadi, ia berjalan berterusan sehingga tahun 2020 kerajaan berhak mengambil 25%. Manakala tahun 2030 – 30% begitulah seterusnya. Kerajaan tidak perlu bayar pampasan (compensation) yang lain lagi selain daripada apa yang telah diputuskan dalam perjanjian ini.

Sekarang kerajaan juga sebagai remedy jangka panjang sedang berunding dengan syarikat-syarikat lain bagaimana cara mengatasi masalah ini. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat di sini masih ingat banyak perbincangan yang telah dibuat di Dewan ini ada di antaranya mencadangkan oleh kerana tol terlampau tinggi

boleh atau tidak jika sekiranya tempoh waktu dipanjangkan dan kadar tol dikurangkan.

Sekarang kita sedang buat perkara ini. Ini ekoran daripada bukan sahaja permintaan dalam Dewan ini, tetapi keprihatinan kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya telah mengambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh rakyat. Memang benar walaupun kita hendak debat mahal-murahnya bayaran tol ini jika dibandingkan dengan negara-negara lain memang Malaysia jauh lebih murah. Tetapi namun keprihatinan kita, kita sanggup mengambil kira dan mengambil langkah supaya mengurangkan bayaran tol untuk kepentingan semua orang dalam hal ini.

Tuan Pengerusi,....

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, pampasan kepada PLUS untuk tahun ini RM116 juta. Apa pampasan ada dibuat oleh kerajaan kepada PLUS di masa lampau, dan jumlah daripada awal termasuk tahun ini apa angka, adakah hampir RM1 bilion?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, saya tidak ada angka yang tepat, dalam soal ini saya tidak dapat berikan kepada Yang Berhormat bagi Tanjong di sinilah. Saya boleh check dan berikan secara bertulis soal maklumat yang lebih terperinci tentang perkara ini.

Seterusnya, Yang Berhormat bagi Kubang Krian tadi menimbulkan juga soal kenapa kita perlu bayar pampasan ini. Itulah tadi saya sudah jawab sama juga ceritanya kerana kalau kita tidak bayar dia akan sue kita, kerana perkara ini telah termaktub dalam agreement yang telah dibuat. Sebab kita pun tahu bahawa setiap kali kadar tol dinaikkan setiap tahun tidak semestinya automatik seperti apa yang termaktub dalam perjanjian, ianya perlu dirundingkan.

Jadi, untuk mengatasi masalah ini sekali gus, once and for all, dengan izin, ialah mengadakan satu perjanjian baru, sebelum ditandatangani agreement bagi semua syarikat konsesi supaya konsesi supaya tidak timbul masalah ganti rugi

pampasan (compensation) dan soal tawar-menawar bila tol hendak naik, kerajaan hendak tangguh kemudian syarikat hendak cepat, akhirnya kerajaan kena bayar compensation seperti yang berlaku sekarang ini. Jadi, seeloknya kita mengambil jalan tengah iaitu syarikat tidak rugi dan kerajaan pun tidak rugi, win-win situation.

Tuan Pengerusi, seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Kubang Krian berkenaan dengan syarikat yang rugi, pada hari ini kita dapat tahu syarikat yang rugi daripada pungutan-pungutan tol ialah syarikat Lebuhraya Port Dickson-Seremban dan juga Kulim-Butterworth yang sekarang ini masih struggling untuk to make ends meet, dengan izin, kerana unjuran trafik kurang daripada apa yang dijangkakan dan belum ada sebarang tindakan yang dibuat berkenaan dengan perkara ini walaupun mereka masih dalam kepayahan untuk mengatasi.

Jadi, Yang Berhormat kena faham bahawa tidak semua syarikat konsesi yang diberikan hak untuk menjalankan jalan-jalan konsesi ini untung – ada yang rugi ada yang untung. Itulah sebabnya kita tidak boleh kata sedemikian apabila kita dapat tahu bahawa tidak semuanya indah yang kita dapati ekoran daripada perkara yang berlaku ini.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga telah menimbulkan soal supaya tol dikurangkan supaya membolehkan banyak kereta melalui LinKedua. Itu pun dahulu sudah dikurangkan. Kalau ini dikurangkan lagi kita kena bayar ganti rugi. Jadi, maknanya kita balik kepada cerita yang awal tadi soal supplementary agreement, dengan izin. Maknanya kita kena cari jalan tengah bagaimana masalah ini boleh diatasi.

Soal jangka panjang bagaimana jambatan ini boleh digunakan sepenuhnya, seperti kita maklum ialah ini cerita masa depan. Macam di Johor Causeway baru-baru ini seperti Yang Berhormat sebut tadi, itu tidak boleh kita salahkan authority Malaysia sepenuhnya kerana di Singapura pun ekoran peraturan baru pekerja-

pekerja Malaysia dan lain-lain kenderaan yang masuk ke Singapura telah tergendala di Tambak Johor.

Jadi, saya percaya Yang Berhormat faham tentang keadaan apa yang saya sebutkan ini dan sama-samalah kita mengharapkan bahawa pada satu masa nanti akhirnya orang perlu menggunakan Linkedua sebagai satu jambatan laluan yang selesa seperti lebuh raya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Mersing.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Ya.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Linkedua ini, saya difahamkan pengguna terhadap LinKedua ini agak mengecewakan berbanding dengan causeway yang ada sekarang ini. Jadi, saya hendak tahu sejak LinKedua ini dilancarkan, berapakah kutipan tol yang telah diterima setakat ini?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, saya minta maaf saya tidak mempunyai maklumat yang tepat dan terperinci soal pungutan tol di LinKedua, saya boleh menjawab kepada Yang Berhormat secara bertulis. Tetapi pendeknya bahawa memang rugi apabila tol dikurangkan. Walaupun kerajaan telah berusaha untuk mengadakan pelbagai kemudahan di LinKedua supaya menarik minat dan perhatian para pengguna tetapi masih belum mendapat sambutan yang begitu positif. Kita percaya Kerajaan Negeri Johor juga telah melakukan pelbagai cara untuk menarik pengguna-pengguna khususnya lori-lori besar untuk menggunakan LinKedua sebagai alternatif kepada Tambak Johor.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kepong juga tadi bertanyakan mengapa perlunya soft loan diberikan kepada pihak konsesi PLUS kalau ianya sudah ditukar agreement sementara diadakan agreement yang baru. Sebenarnya, soal loan ini ialah wang pinjam. Apabila pinjam bererti kena bayar balik, sama juga dengan pinjaman bank dengan bunga (interest) yang ditetapkan. Jadi, saya

tidak dapatlah komen di sini oleh kerana dahulu pun kita beri pinjam loan kepada banyak syarikat konsesi yang memulakan pembinaan jalan swasta. Oleh itu, saya berharap apa yang saya sebutkan tadi telah menjawab kesemua soalan yang ditimbulkan.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, hendak beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada sifatkan revision consession, Lebuhraya Utara-Selatan sebagai contohnya, sebagai satu jalan tengah atau win-win situation. Bagaimana ini boleh disifatkan sebagai win-win situation di mana beban rakyat lebih ditambahkan, tempoh konsesi dilanjutkan dan termasuk beban kerajaan, soft loan tidak boleh dikatakan oleh kerana soft loan itu perlu dibayar balik bahawa itu bukan satu tanggungan beban kepada kerajaan.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan kedudukan oleh kerana kerajaan sudah menandatangani perjanjian asal Lebuhraya Utara-Selatan, akhirnya perlulah bayar ganti rugi kepada PLUS untuk tahun ini RM116 juta. Kalau saya tidak silap termasuk ganti rugi tahun-tahun dahulu tidak kurang daripada RM500 juta, mungkin RM600 juta; perlu bayar pampasan RM600 juta, perlu beri satu soft loan baru RM220 juta, semua ini adalah tanggungan berat atas rakyat dan ini menunjukkan bahawa orang yang menandatangani ini sudah buat satu kecuaiian. Bukankah ada orang yang perlu bayar oleh kerana kecuaiian beliau yang mengakibatkan tanggungan berat kerajaan dan rakyat tambah lebih RM500 juta dengan ganti rugi RM220 juta soft loan.

Dalam kes ini orang yang menandatangani perjanjian masih jadi menteri yang sama iaitu Menteri Kerja Raya. Sebenarnya kalau dia tidak mahu letak jawatan, dia sendiri patutlah sebagai personal responsibility untuk ganti rugi kerajaan dan rakyat lebih RM500 dan soft loan RM220 juta. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat timbul perkara yang sama iaitu berkenaan dengan beberapa tahun yang lepas sehingga sekarang iaitu RM116 juta akan dibayar kepada pihak PLUS kerana pampasan yang saya janji tadi akan berikan maklumat secara terperinci berkenaan dengan perkara ini. Jadi, soalnya sekarang ini tidak timbul lagi. Soal soft loan sama ada concession lama ataupun concession baru, biarlah kalau kerajaan atas kemampuan untuk memberikan tidak menjadi masalah, kerana ini bukan keputusan seorang tetapi keputusan kerajaan, keputusan Kabinet.

Saya lihat kenapa perkara semacam ini jadi isu, bukan sahaja kerana soal soft loan ataupun naik-turun tol. Kalau kita lihat kajian pandangan secara ringkas di jalan-jalan lebuhraya di luar daripada Bandaraya Kuala Lumpur tidak banyak komplain atau aduan yang kita terima daripada pengguna-pengguna jalan raya, kecuali di dalam Bandaraya Kuala Lumpur sahaja yang dimainkan oleh pihak pembangkang supaya menjadi satu isu supaya memburukkan lagi imej kerajaan.

Sebenarnya jalan-jalan yang dibina pun tarafnya baik, ada jalan alternatif. Kalau tidak gunakan jalan tol, gunakan jalan alternatif, kerana kalau tarikh konsesi tamat pada tahun 2030 umpamanya, kerajaan akan mengambil balik jalan ini dan menguruskan sama ada hendak menyerahkannya kepada syarikat swasta yang lain dengan kadar yang lebih murah ataupun JKR mengendalikan sendiri melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia. Itu kedudukannya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM60,080,100 untuk Maksud B.52 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM60,080,100 untuk Maksud B.52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.52 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1999.

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion sembilan ratus lima puluh empat juta lapan puluh satu ribu dua ratus enam puluh (RM1,954,081,260) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1999, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 1999 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) 1999 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon

mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu.

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion sembilan ratus lima puluh empat juta lapan puluh satu ribu dua ratus enam puluh (RM1,954,081,260) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1999, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 1999 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

hendaklah disetujui.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang

dibacakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion sembilan ratus lima puluh empat juta lapan puluh satu ribu dua ratus enam puluh (RM1,954,081,260) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1999, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 1999 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut.

USUL

Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960

4.47 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz] Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu mengikut Seksyen 5, Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960, Dewan ini membuat ketetapan bahawa caruman tambahan Malaysia dalam Persatuan Pembangunan Antarabangsa (IDA) sebanyak RM186,614 atau lebih kurang USD49,109 diluluskan.

Tujuan ketetapan ini adalah untuk mendapat kelulusan Dewan Rakyat bagi Malaysia membuat caruman sejumlah RM186,614 atau lebih kurang USD49,109 bagi memenuhi Tambahan Modal Duabelas Persatuan Pembangunan Antarabangsa (Twelfth Replenishment: IDA-12).

Persatuan Pembangunan Antarabangsa (International Development Association – IDA) adalah institusi gabungan Bank Dunia yang ditubuhkan pada

tahun 1960 untuk membantu negara-negara ahli Bank Dunia yang miskin memperoleh pinjaman dengan syarat-syarat yang longgar atau mudah berbanding dengan pinjaman biasa dari Bank Dunia. Selaras dengan objektif penubuhannya, hanya negara-negara ahli Bank Dunia yang berpendapatan per kapita kurang daripada USD925 (dalam nilai Dolar AS tahun 1997) dibenarkan mendapat pinjaman IDA ini. Pinjaman yang diperolehi dari IDA tidak dikenakan bayaran faedah dan tertakluk kepada tempoh bayaran balik yang panjang iaitu antara 35 atau 40 tahun termasuk tempoh pelepasan selama 10 tahun serta bayaran perkhidmatan sebanyak 0.75%. Seperti juga pinjaman dari Bank Dunia, pinjaman IDA ini adalah untuk membiayai projek-projek pertanian, pendidikan, kesihatan, bekalan air, infrastruktur desa dan lain-lain sektor ekonomi.

Oleh kerana IDA menetapkan syarat-syarat pinjaman yang longgar atau mudah, maka sumber pembiayaan IDA tidaklah sama dengan Bank Dunia. IDA membiayai kegiatannya melalui caruman tambahan modal, pindahan sebahagian pendapatan IBRD, pendapatan bersih IDA sendiri serta sumbangan khas yang dibuat oleh negara-negara tertentu. Kesan krisis ekonomi dan kewangan yang melanda terutamanya di rantau Asia telah mengakibatkan keperluan kewangan oleh negara-negara ahli yang miskin semakin meningkat. Di Asia Timur sahaja, seramai 20 juta orang menjadi miskin disebabkan krisis yang berlaku. Justeru itu, tambahan modal di bawah IDA-12 akan membolehkan IDA meneruskan program dan aktiviti pinjamannya kepada negara-negara ahli yang miskin.

Setakat ini sejumlah sebelas tambahan modal telah dilakukan dan Malaysia telah membuat caruman sejumlah RM8,377,217 kepada IDA. Tambahan modal kesebelas telah berakhir pada 30 Jun 1999. Keputusan telah pun dibuat supaya negara-negara anggota IDA membuat caruman tambahan modal keduabelas bagi menampung operasi persatuan ini bagi tempoh tiga tahun mulai 1 Julai 1999 hingga 30 Jun 2002. Dengan adanya tambahan caruman dan sumbangan khas dari negara-negara maju, jumlah kewangan IDA akan meningkat menjadi SDR15.25

bilion yang akan digunakan untuk melaksanakan matlamat-matlamat IDA-12 iaitu pelaburan ke atas pembangunan manusia, merangsang pertumbuhan ekonomi yang lebih meluas, menyokong usaha pelaksanaan pentadbiran korporat yang lebih berkesan dan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Malaysia perlu mencarum sebanyak RM186,614 atau lebih kurang USD49,109 dalam satu ansuran bagi mengekalkan kedudukan undi di IDA pada tahap 0.32%.

Walaupun jumlah caruman Malaysia adalah kecil namun sumbangan Malaysia mencerminkan sokongan yang berterusan terhadap usaha agensi-agensi antarabangsa untuk membantu negara-negara miskin terutamanya di Asia dan Afrika. Kerajaan juga membuat peruntukan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia yang menghulurkan bantuan kepada beberapa negara membangun.

Tuan Yang di-Pertua, adalah disyorkan supaya Malaysia menambah caruman sejumlah RM186,614 atau lebih kurang USD49,109 kepada IDA. Dengan ini jumlah keseluruhan caruman Malaysia di dalam Persatuan Pembangunan Antarabangsa akan menjadi RM8,563,831 dengan pegangan undi kekal pada tahap 0.32%.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas. Kepong.

4.50 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, pada prinsipnya kita mesti bahas kerana kita minta wang jumlahnya sudah diminta daripada Dewan ini lebih daripada RM8.5 juta, ini ansuran yang akan diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini ialah RM186,000 dan sebagainya. Memang pada prinsipnya walaupun kita tidak mengambil masa yang begitu panjang, kita mesti membincangkan

kerana wang diminta diluluskan di Dewan Rakyat kerana Rompin tidak ada disiplin, modal pun tak ada, disiplin pun tak ada.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya bertanya, yang pertama IDA ini, bagaimana IDA menentukan projek-projek di kawasan-kawasan mundur dan siapa yang benar-benar memantaukan semua projek di sini.

Saya bangkitkan hal ini kerana kebanyakan projek pembangunan yang dianjurkan oleh pihak negara-negara yang lain untuk negara yang miskin seringkali disalahgunakan. Bukan sahaja begitu, pada tempoh hari saya ada diberitahu bahawa di dalam rancangan-rancangan untuk membantu negara-negara miskin, misalnya program rancangan untuk membantu kanak-kanak yang miskin di dunia yang ketiga, maka timbul masalah seperti 'paedophile' yang meresap masuk ke institusi-institusi untuk membantu kanak-kanak dan untuk menjalankan penjenayahan di dalam institusi seumpama ini, sebab itulah saya bangkitkan hal ini supaya kita tahu sementara kita memberi sumbangan kepada IDA dan bagaimana IDA dapat menggunakan wang sumbangan dari Malaysia dan pelbagai negara untuk membangun, untuk menjayakan projek-projek yang ditetapkan. Siapa yang tetapkan dan apakah kriteria dan macam mana kita dapat mengawalseliakan semua projek ini dapat dituntaskan.

Selain dari itu, tentu ada akaun audit untuk setiap tahun dan siapakah yang memastikan semua perbelanjaan itu ada mengikut cara-cara yang betul supaya kita dapat adakan akauntabiliti. Sebab saya bersetuju kalau kita hendak mengkayakan jiran-jiran yang miskin, itu memang satu dasar yang baik, prosper your neighbour memang satu dasar yang baik, cuma apabila kita memberi sumbangan sama ada kecil atau besar kita harapkan semua sumbangan kita dapat digunakan dengan tepat, dengan betul, dengan bermakna. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, Rompin.

4.58 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya turut bangun untuk menyertai perbahasan cadangan atau ketetapan yang baru dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri Kewangan.

Kepong dia bangun, idea dia memanglah baik tetapi kadang-kadang mileage politik yang dia cuba dapat depan Ketua Pembangkangnya tak payahlah, memang tak ada mendapat manfaat kepada beliau, sebab apa, anak buahnya DAP orang kuat dia di Wilayah Persekutuan sudah habis kena buang dah, so tinggal dia tercokoh seorang sahaja, tak usahlah Kepong cuba hendak menjuarai kononnya beliau menjadi seorang kuat DAP sebab kaki dan tangan sudah dipotong.

Saya hendak menyokong ketetapan yang dibawa kerana benar, lepas ini mungkin Jelutong pula, calon yang akan datang mungkin anak dia pula yang akan bertanding, dia tidak akan bertanya Kepong sama ada anak dia boleh bertanding. Kepong, adakah DAP sedang mencadangkan anak dia menjadi calon? Tak ada! Jelutong mungkin anak dia akan bertanding, Ketua Pembangkang pun mungkin dia bawa anak yang lain pula yang akan bertanding.

Saya hendak menyokong

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, ini mengenai IDA, Persatuan Pembangunan Antarabangsa. Jadi, jangan memesong sangat, songsang dan songsong macam itu tak baiklah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini floor saya. Ya, bila sudah makan cili dia rasa pedas sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat, mukadimah itu cukup.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, saya menyokong, ini satu usaha yang baik. Syabas kepada kerajaan bahawa kita negara Malaysia memainkan peranan kita untuk membantu negara-negara miskin yang

lain dan pada masa sekarang ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berada di Langkawi untuk menghadiri Langkawi International Dialogue dan juga dalam akhbar kita dapat melihat dan membaca bahawa dalam Langkawi International Dialogue ini satu lagi usaha negara kita untuk membantu negara-negara yang miskin seperti negara-negara Afrika, Presiden mereka datang kemari untuk mempelajari pengalaman kita.

Sebab itu saya hendak bertanya juga sebagai menyokong dari usaha multilateral melalui IDA ini, kita menyokong supaya caruman yang dipohon itu lebih kurang USD49,000 ini satu usaha yang amat baik, tetapi selain dari itu Malaysia juga melalui bilateral, dengan izin, sudah banyak terlihat seperti di Langkawi, itu usaha kita juga untuk membantu dan membangunkan negara-negara yang miskin.

DAP apa dia? Bila dia berjumpa dengan negara lain tidak ada apa...Ha, dia sudah tidak ada, sudah hilang, sudah lari....Ketua Pembangkang. Dia berjumpa dengan negara asing untuk mempolitikkan untuk menyelamatkan anak dia. Isu anak dia dijel, kononnya kita menganiaya anak dia. Sebenarnya ini kesilapan anak dia, sebab itu dijatuhkan hukuman oleh mahkamah. Malaysia tidak, negara kita tidak, bila kita berhubung dengan negara luar, kita tolong membantu mereka. DAP bila menghubungi negara luar, menggunakan negara luar untuk kepentingan politik dia sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Jangan buang masa. Kita bincang macam mana kita hendak “prosper thy neighbour”, prosper your neighbour.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Peranan yang saya katakan bahawa negara Malaysia ...

Dr. Tan Seng Giaw: Kalau sikap macam ini, macam mana hendak prosper your neighbour?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini mana ada mengikut peraturan ini? Tidak mengikut peraturan. Yang Berhormat bagi Kepong hendakkan saya berdisiplin tetapi Kepong tidak menunjukkan disiplin yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau saya beri, nanti saya habis, baru saya beri kepada Yang Berhormat bagi Kepong. Beri saya habis dahulu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini yang sebenarnya contoh yang baik. Hubungan negara Malaysia dengan negara lain yang miskin, kita menggunakan hubungan kita untuk membantu dan membela mereka. Bukan hubungan parti pembangkang untuk menyelamatkan diri mereka dan Yang Berhormat bagi Kepong, jangan bimbang, dia bukan untuk mileage kepada parti DAP, mileage untuk menyelamatkan anak dia. Yang Berhormat bagi Kepong ingat DAP yang keluar itu menyelamatkan DAP? Membawakan nama baik DAP? Bukan! Untuk menyelamatkan anak dia. Yang Berhormat bagi Jelutong tahu. Sebab itu saya mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana sanggup membantu seperti dalam caruman IDA dan bukan sekadar itu sahaja, bilateral arrangement yang lain seperti apa yang kita buat di Langkawi dan banyak juga lagi usaha lain.

Perdana Menteri kita pergi melawat ke negara-negara yang miskin, negara-negara yang dahulunya di bawah Soviet Union. Apa manfaatnya kita datang untuk melawat negara-negara ini? Tidak banyak manfaatnya tetapi Perdana Menteri kita pergi ke sana untuk membela dan membantu mereka. Ini usaha kita. Itulah saya ucapkan syabas dan juga usaha-usaha yang lain saya minta juga Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan Dewan yang mulia ini menggunakan juga pihak swasta yang mengikuti lawatan Perdana Menteri ke negara-negara yang miskin ini untuk juga menggunakan swasta membela dan membantu negara-negara miskin ini. Sebab itulah saya menyokong ketetapan atau usul yang dibawa supaya diluluskan peruntukan atau caruman tambahan Malaysia dalam Persatuan Pembangunan Antarabangsa sebanyak USD49,109.00.

Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, sila jawab Yang Berhormat.

5.03 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kepong dan juga Rompin yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan untuk mengambil ketetapan mengenai caruman tambahan Malaysia dalam Persatuan Pembangunan Antarabangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, Persatuan Pembangunan Antarabangsa adalah sebuah persatuan di mana kerja-kerja yang dilakukan oleh mereka itu telah mendapat pengiktirafan daripada Bangsa-Bangsa Bersatu dan kerja-kerja mereka itu adalah dilaksanakan oleh sebuah jawatankuasa pengurusan yang akan memastikan bahawa segala kewangan yang telah diterima ini akan digunakan khusus kepada tujuan-tujuan yang telah pun disyaratkan iaitu pertamanya, projek-projek ini mestilah projek-projek pertanian, pendidikan, kesihatan, bekalan air, infrastruktur desa dan struktur ekonomi yang ada kaitan.

Syarat kedua negara yang boleh menerima bantuan ini ialah negara-negara yang mana pendapatan per kapitanya adalah kurang daripada USD925.

Yang Berhormat telah bertanya sebentar tadi iaitu apakah kawalan yang boleh dilakukan berkenaan dengan mungkin berlakunya favouritism kepada mana-mana negara, ia pada dasarnya kita mengundi di dalam apa juga perkara yang hendak dilaksanakan. Sebab itulah undi Malaysia itu kita kekalkan di peringkat 0.32%. Jadi, ada pengundian dalam perkara-perkara tertentu. Untuk meyakinkan negara-negara yang, dengan izin, the donor country, iaitu bahawa wang itu tidak disalahgunakan, maka laporan tahunan adalah dikeluarkan pada tiap-tiap tahun berkenaan dengan perbelanjaan ini yang boleh menjadi tatapan orang ramai. Maka, dengan cara itu tidak mungkin ada perkara-perkara yang tidak diinginkan akan dilakukan oleh mereka kerana prinsip akauntabiliti itu memang dipertahankan dalam perkara-perkara projek yang akan dilaksanakan oleh IDA ini.

Saya ingat itu sahaja yang saya hendak jawab dan saya juga ucapkan terima kasih di atas pandangan daripada Yang Berhormat bagi Rompin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan,

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh Seksyen 5, Akta Persatuan Antarabangsa 1960, caruman tambahan Malaysia dalam Persatuan Pembangunan Antarabangsa sebanyak SDR36,731 (USD49,109/RM186,614) diluluskan.

USUL**AKTA KASTAM 1967**

- (i) **Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No. 4) 1999**
- (ii) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 1999**

5.07 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 11, Akta Kastam 1967, supaya perintah-perintah berikut:-

- (1) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1999, P.U. (A) 177 bertarikh 29 April 1999; dan
- (2) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No. 5) 1999, P.U. (A) 206 bertarikh 22 Mei 1999

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 106 dan 107 tahun 1999 disahkan”.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1999 P.U. (A) 177 bertarikh 29 April 1999 adalah bertujuan untuk menaikkan serta menyeragamkan kadar duti import bagi flat roll coils, sheets and plate dan hot roll, dengan izin, yang jatuh di bawah kod takrif 7210.08, 7211.13, 7211.14 dan 7211.19 kepada 25% AV. Tujuannya adalah untuk memberi perlindungan kepada pengeluar tempatan selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan import.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1999 P.U. (A) 206 bertarikh 22 Mei 1999 adalah bertujuan untuk memansuhkan duti import ke atas barangan kulit iaitu kasut, beg tangan, beg dan aksesori berkaitan dengannya. Pemansuhan duti ini adalah bertujuan menjadikan Malaysia sebagai destinasi membeli-belah antarabangsa. Di samping itu, langkah ini dijangka akan menggalakkan pertumbuhan sektor pelancongan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong. **5.10 ptg.**

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berbahas kerana ini melibatkan berjuta-juta ringgit. Dengan adanya Perintah Duti Kastam ini, yang pertama, mengenai usaha untuk menaik dan juga menyeragamkan duti import bagi flat roll coils dan sheets and plates, hot roll dan sebagainya. Di sini saya hendak menanya Yang Berhormat mengapa kita pilih 25% untuk dinaikkan duti import bagi barang-barang yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya apakah amaun yang diimport untuk barang-barang ini dan kalau dikenakan 25% duti import tambahannya dan apakah amaun yang akan kita perolehi sambil kita dapat memelihara industri tempatan dan bolehkah Yang Berhormat sebutkan bilangan kilang yang kita ada untuk mengeluarkan barang-barang tersebut masa ini. Saya bangkitkan hal ini kerana kita hendak ASEAN Free Trade Zone dan juga CPT sedang dijalankan. Kalau itulah yang kita buat dan mengapa kita adakan hal seperti ini untuk menaikkan duti import bagi barang-barang tersebut sebanyak 25%. Adakah ini secocok dengan CPT yang sedang dikuatkuasakan supaya kita dapat mewujudkan ASEAN Free Trade Zone ini.

Yang keduanya mengenai duti import untuk barang-barang kulit yang dimansuhkan. Di sini saya tidak begitu faham, kalau kita mansuhkan import bagi barang-barang kulit ini, amaun yang kita akan perolehi daripada barang-barang kulit kita biasanya daripada mana kita import kulit-kulit, adakah ini dari Thailand, India atau Australia. Bukankah kulit tempatan cukup untuk menampung keperluan barang-barang seperti handbag dan sebagainya untuk dibeli oleh para pelancong yang melawat negara ini. Bolehkah Yang Berhormat terangkan amaun barang-

barang kulit yang diimport daripada negara luar dan apakah potensi untuk meraih keuntungan bagi orang-orang Malaysia selepas duti import dimansuhkan.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, sila jawab.

5.13 ptg.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat bagi Kepong. Yang sebenarnya hanya Mega Steel sahaja yang merupakan sebuah syarikat yang mengeluarkan HRC iaitu hot roll coil dan ini adalah satu-satunya syarikat yang baru sahaja ditubuhkan dan jumlah pelaburannya adalah agak tinggi iaitu lebih kurang RM1.97 bilion dan ini memerlukan satu gestation period yang agak lama dan bagi pihak kerajaan ini merupakan satu industri strategik yang berteknologi tinggi. Maka, dengan itu difikirkan adalah satu industri yang memerlukan perlindungan tarif daripada pihak kerajaan. Setakat ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Kepong bangun pula.

Dato' Wong See Wah: Biar saya habis dahululah, saya pun belum habis lagi hendak menjawab, apa ini, sabarlah sedikit.

Bagi jumlah yang dapat dikeluarkan oleh Syarikat Mega Steel itu setiap tahun ialah RM2.4 juta mega tan dan jumlah permintaan hot roll coil oleh pengilang-pengilang tempatan itu mengikut angka-angka yang saya perolehi itu bagi tahun 1994 ialah 1, 403,000 mega tan, pada tahun 1995 1,909,000 mega tan, bagi tahun 1996 ialah 2,338,000 mega tan dan bagi tahun 1997 ialah 2,169,000 mega tan.

Ini maknanya hanya syarikat ini dapat menemui 20% daripada permintaan yang sedia ada di pasaran tempatan. Jadi, kita masih kekurangan 80% HRC ini di dalam pasaran tempatan kita dan ini perlu diimport dan mengapa pula HRC ini perlu diberi perhitungan.

Tuan Yang di-Pertua, harga yang dikenakan oleh Mega Steel setakat ini ialah RM1,660 se mega tan manakala harga pasaran semasa HRC di pasaran-pasaran berikut seperti Jepun hanya RM950 per mega tan, Korea Selatan RM912 per mega tan, Brazil RM836 per mega tan, manakala di negara-negara CIS hanya RM646 per mega tan. Ini adalah jauh daripada harga yang dikenakan oleh Mega Steel. Jadi, kalau kita biarkan Mega Steel bertanding di dalam pasaran ini memanglah Mega Steel ini tidak dapat hidup di dalam suasana yang begitu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, Kepong bangun pula.

Dato' Wong See Wah: yang begitu kompetitif.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya bertanya bahawa adakah dari segi jangka panjang ekonomi negara ini kita menubuhkan satu syarikat besar Mega Steel, kemudian beri perlindungannya. Apakah sebab dan alasan yang kukuh untuk berbuat demikian? Saya tahu kalau kita beri besi waja kerana ini satu industri yang susah hendak mendapat untung, malangnya PERWAJA itu rugi dengan teruk, luar biasa kerugiannya tetapi untuk besi susah hendak dapat untung. Negara yang tertentu mesti melindungi kilang besi waja untuk industri-industri mereka. Tetapi bagi HRC ini adakah kita perlu berbuat demikian?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, bukan kita yang berbuat demikian sahaja. Ini oleh kerana satu-satu bahan yang paling asas sekali dan ini memberi kesan yang jauh oleh kerana kebanyakan industri hiliran juga bergantung banyak kepada HRC ini. Jadi, ini adalah satu industri bagi pihak kerajaan yang

memikirkan satu industri yang strategik dan perlu diberi perlindungan dan diberi galakan supaya ia dapat hidup dan berdaya maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memperolehi begitu tepat dari manakah bahan-bahan kulit itu diimport tetapi kalau tidak silap itu adalah yang terdiri dari Indonesia, China, Itali dan sebagainya. Tetapi apa yang penting sekarang ialah jumlah yang kita import iaitu secara CIF pada tahun 1958 ialah RM48 milion dan implikasi iaitu jumlah cukai yang akan dimusnahkan kalau dengan adanya statut ini ialah lebih kurang RM10 milion. Memang ada alasan-alasan daripada pihak swasta untuk memohon supaya bahan-bahan kulit cukainya dimansuhkan antaranya adalah seperti berikut:

- (i) ia dapat menarik lebih ramai pemegang francais barang berjenama beroperasi di negara ini kerana ianya akan memberi peluang yang lebih lumayan kepada pihak terlibat;
- (ii) difikirkan dapat meningkatkan aktiviti retail di mana akan membantu memulihkan ekonomi seperti peningkatan penggunaan ruang kedai, meningkatkan sewaan dan seterusnya dapat membantu mengurangkan hutang lapuk, pemilik hartanah khususnya kompleks membeli belah; dan
- (iii) difikirkan dapat menambahkan tukaran asing sama ada apakah kesannya secara spesifik itu belum dapat kita ketahui tetapi kita adalah berniat hendak menjadikan Malaysia sebagai satu destinasi ataupun 'shopping paradise' membeli belah di rantau ini.

Kita haraplah usaha seperti ini selain daripada apa yang kita telah buat sebelum ini dapat membantu untuk menjadikan Kuala Lumpur dan Malaysia ini sebagai satu destinasi untuk membeli belah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan

seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 3 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut Bilangan 106 dan 107 tahun 1999 hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 11, Akta Kastam 1967 supaya perintah-perintah berikut:-

(1) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.4) 1999; dan

(2) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 1999

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas statut Bil. 106 dan 107 tahun 1999 disahkan”.

AKTA EKSAIS 1976

(i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1999

5.22 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 6, Akta Eksais 1976, supaya perintah berikut:

(1) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1999, PU(A) 134 bertarikh 8 April 1999 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas statut bil. 108 tahun 1999 disahkan”.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1999, PU(A) 134 bertarikh 8 April 1999 adalah bertujuan untuk memanjangkan tempoh bayaran duti eksais dari dua tahun kepada empat tahun ke atas kereta penumpang yang dibayar oleh syarikat-syarikat pemasangan kereta yang dilesenkan di bawah Akta Eksais

1976. Lanjutan tempoh bayaran duti eksais ini adalah untuk meringankan beban kewangan syarikat-syarikat yang terlibat dan lanjutan ini adalah untuk sementara waktu sahaja iaitu sehingga kedudukan ekonomi pulih kembali.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong. **5.24 ptg.**

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, usul ini akan melibatkan berjuta-juta ringgit walaupun [*Disampuk*] bayar itu kalau bayar juga kita mesti bincang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: kalau Ahli-ahli Yang Berhormat yang membuat 'homework' memang hendak bincang, ini berjuta-juta ringgit. Itulah tugas kita sebagai Ahli Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Machang bangun pula.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat, Yang Berhormat bangun ini hendak tentang atau hendak sokong sebab Yang Berhormat tahu bahawa ini adalah suatu usul yang dibawa bagi melanjutkan tempoh pembayaran duti eksais bagi kenderaan-kenderaan automobil yang mengalami kedudukan kewangan yang gawat sekarang. Tetapi itu mesti dibayar juga cuma perlanjutan tempoh diberi. Adakah Yang Berhormat tidak setuju ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya mesti tahu dengan lebih terperinci kerana Yang Berhormat tadi kata hanya kereta penumpang sahaja.

Apakah jenis kereta penumpang dan kalau kita kenakan [*Disampuk*] industri tempatan saya tahu kerana di kawasan saya banyak kereta penumpang.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Soalan saya tadi Yang Berhormat tidak jawab lagi. Yang Berhormat bangun ini hendak sokongkah atau hendak bangkang ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Sebab saya dari Kepong banyak orang yang berusaha dengan kereta penumpang ini, kilang-kilang banyak. Saya tentu tidak akan membebankan orang seumpama ini semasa kegawatan ekonomi.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yalah, bila? Yang Berhormat

Dr. Tan Seng Giaw: Kalau Machang pun tidak ada langsung kereta penumpang

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Jawab soalan saya tadi. Yang Berhormat bangun ini

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, tidak payah kita bangkitkan di kawasan yang tidak ada langsung industri kereta penumpang. Machang itu ada getah, kelapa sawit mungkin ada, itu sahaja.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila teruskan Yang Berhormat. Balik kepada tajuk, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw:jangan kita sibuk sangat dengan kereta penumpang di dalam Dewan yang mulia ini. Kepong lain, kepong banyak kilang-kilang itu. Inilah, ini ada

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat, kalau sekadar bercakap semata-mata hanya untuk bercakap tidak ada makna, membuang masa. Saya hendak tahu Yang Berhormat bangun ini hendak sokong atau hendak tentang ini? Belum jawab lagi soalan saya itu [*Ketawa*]

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bangun hendak merapu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kalau Chenderoh itu bersikap demikian tidak manislah itu dan yang kedua [*Ketawa*] tidak manislah, saya sudah galakkan dia ikut prinsip Rukun Negara kita, kesusilaan dan kesopanan.

Untuk Machang tadi itu sebelum saya bangkitkan soalan saya dia sudah membantah saya. Ini memang bukan cara yang betul. Di Machang mungkin boleh tetapi di sini tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, sila, sila teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak teruskan dengan industri

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kalau boleh kita habiskan hari ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita mesti menggalakkan industri-industri tempatan termasuk orang yang membuat alat-alat dan 'car body' dan sebagainya untuk kereta penumpang. Di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat dengan melanjutkan tempoh untuk bayaran duti eksais ini apakah amaun yang terlibat dengan usaha kita ini. Berapa juta ringgit yang terlibat dan setakat ini setahu Yang Berhormat apakah saiznya industri tempatan ini untuk kereta penumpang? Biasanya mereka import enjin dari luar dan kemudian buat[*Disampuk*] Macam mana point of order pula? 35(1) pula, apa 35(1)? Sibuk sangat dengan itu Pokok Angsana ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, sila teruskan Yang Berhormat. Kalau boleh kita selesaikan Perkara 4 sekarang.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak selesaikan juga kalau tidak ada gangguan dari Pokok Angsana, Machang dan macam-macam itu. Saya boleh selesaikan ini cuma saya hendak tahu apakah saiz industri kita? Semoga kita sama-sama dapat menumpang dan menyokong industri ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, sila jawab.

5.28 ptg.

Dato' Wong See Wah: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat bagi Kepong. Memang betul kesan usul ini adalah amat besar sekali oleh kerana terdapat 13 syarikat yang terlibat memasang kereta di dalam negara kita. Jumlah cukai eksais, duti yang kena dibayar ialah RM119 million untuk bulan April 1998 hingga bulan April 1999 dan tentang saiz industri ini iaitu untuk tahun 1997, jumlah kereta yang dapat dikeluarkan iaitu untuk 'passenger car' sahaja ialah 307,000 unit kereta. Manakala untuk tahun 1998 hanya 137,000 unit kereta untuk tahun ini sampai bulan Mei hanya 88,000 kereta sahaja yang dapat dikeluarkan. Maknanya nampak trendnya merosot dan memang menjadi satu masalah untuk peniaga-peniaga dalam bidang ini yang mereka menghadapi masalah kesusahan dalam membayar duti eksais. Itulah mengapa kerajaan mengambil ini atas permintaan persatuan-persatuan yang ada kaitan dengan industri ini dan telah memberi kelonggarannya. Sekian sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 4 yang telah dibentangkan sebagai kertas statut bilangan 108 tahun 1999 hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 6, Akta Eksais 1976, supaya perintah berikut:-

(1) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1999
yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai
kertas-kertas statut Bil. 108 tahun 1999 disahkan”.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga
jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Lampiran

19 Julai 1999

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail,
S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad,
D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N.,
S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S.
(Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’
Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A.,
D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J.,
S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ *Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)*
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato’ Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)

- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ *Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)*
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)

- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ *Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)*
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)

- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, SM.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman : Haji Mustakin bin Selamat : Shahrom bin haji Hassan
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman : Ruhana binti Abdullah : Riduan bin Rahmat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah : Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. : Hajah Supiah binti Dewak : Mohd Saleh bin Mohd. Yusop : Mohamed bin Osman : Hajah Norishah binti Mohd. Thani : Shamsina binti Janor : Ramlah binti Mohd. Yusuff : Miskiah binti Hassan : Rosnani binti Ahmad : Noor Effarizan binti Mat Satib : Nurziana binti Ismail
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali : Mejar (B) Zakaria bin Salleh : Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
-------------------	---	---

PARLIMEN KESEMBILAN**PENGGAL KELIMA****MESYUARAT KEDUA**

Jilid V

Bil. 29**Isnin**

26 Julai 1999

K A N D U N G A N**USUL MENANGGUHAKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)***Laporan Polis Oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim Atas
Skandal PERWAJA .***- YB. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)** (Ruangan 30)**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) 1999

Jawatankuasa:**Jadual** –

Maksud B. 18	(Ruangan 4)
Maksud B. 19	(Ruangan 19)
Maksud B. 21	(Ruangan 42)
Maksud B. 25	(Ruangan 47)
Maksud B. 26	(Ruangan 54)
Maksud B. 36	(Ruangan 82)
Maksud B. 47	(Ruangan 84)
Maksud B. 48	(Ruangan 87)
Maksud B. 50	(Ruangan 109)
Maksud B. 52	(Ruangan 109)

USUL:

- Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2)1999.

Jawtankuasa:

Maksud P. 26	(Ruangan 54)
--------------	--------------

Maksud P. 36	(Ruangan 82)
Maksud P. 43	(Ruangan 83)
Maksud P. 48	(Ruangan 87)
Maksud P. 52	(Ruangan 109)
- Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960	(Ruangan 129)
- Akta Kastam 1967	(Ruangan 138)
- Akta Eksais 1976	(Ruangan 143)